

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS
ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM
INDUSTRI SENI LAKONAN**

**SITI NUR NABIHAH BINTI SHAMMUDIN
(2019831654)**

**NURUL NAJIHAH BINTI SAIFUL BAHARI
(2019831508)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021 - FEBRUARI 2022

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

	ISI KANDUNGAN	M/S
Abstrak		i
Penghargaan		iv
Senarai Abreviasi		vi
Senarai Singkatan		vii
Rujukan Kata		x
1.0	Biodata Penemubual	
1.1	Penemubal Pertama	2
1.2	Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Artis	
2.1	Biodata Artis	5
2.2	Pengenalan Kepada Artis	6
3.0	Sejarah Lisan	
3.1	Pengenalan	8
3.2	Objektif Sejarah Lisan	10
3.3	Kepentingan Sejarah Lisan	10
4.0	Kajian Literatur	
4.1	Topik 1	13
4.2	Topik 2	14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Artis	16
6.0	Log Temubual	132
7.0	Ralat	152
8.0	Glosari	157
9.0	Indeks	161
10.0	Bibliografi	166
11.0	Lampiran	
11.1	Biografi Tokoh	171
11.2	Surat Perjanjian	172
11.3	Senarai Soalan	173
11.4	Diari Penyelidikan	181
11.5	Gambar	184

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

ABSTRAK

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

ABSTRAK

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA SENIMAN
ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI BIBLIOGRAFI BELIAU DALAM PERJALANAN INDUSTRI
SENI LAKONAN**

Transkrip ini memberi fokus kepada pengalaman serta perjalanan seorang artis seni tanah air yang memulakan kerjayanya sebagai pelakon dan juga kini dikenali sebagai artis veteran kerana sudah berkecimpung dalam bidang tersebut hampir 30 tahun sejak tahun 1987. Beliau merupakan salah seorang artis seni yang dikenali ramai oleh kerana bakat dan kemampuannya dalam pelbagai jenis lakonan yang dibawakan berjaya menarik beliau untuk terus kekal dalam industri lakonan sehinggalah beliau bersara pada tahun 2017. Dalam pada itu, kajian temubual ini dijalankan ada bertujuan untuk menyelidik sedikit latar belakang dan pengisahan beliau daripada sebelum beliau mula berkecimpung dalam industri seni sehingga sekarang. Dapatan kajian yang dijalankan adalah sepenuhnya diperoleh daripada sumber lisan oleh Encik Roslan Salleh sendiri. Implikasi kajian adalah lebih cenderung kepada pelajar, anak seni sedia ada, dan para pengkaji. Adalah diharapkan supaya hasil kajian ini mampu menjadi sumbangan literasj ilmiah yang bermanfaat untuk digunakan dalam kajian ilmiah serta bahan rujukan bagi individu, kumpulan, dan organisasi tertentu.

KATA KUNCI

Industri Seni, Lakonan, Teater, Artis, Pengambaran

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

ABSTRACT

TRANSCRIPT OF INTERVIEW WITH ARTIST

ROSLAN BIN SALLEH,

**ABOUT HIS BIBLIOGRAPHY IN THE JOURNEY OF THE ACTING ARTS
INDUSTRY**

This transcript focuses on the experience and journey of a Malaysian artist who started his career as an actor and is also now known as a veteran artist because he has been in the field for almost 30 years since 1987. He is one of the artists known for his talent, and his ability in various types of acting managed to attract him to remain in the acting industry until he retired in 2017. In the meantime, this interview study was conducted to research a little background and narration from before he started in the art industry, until now. The findings of the study were entirely obtained from oral sources by Mr. Roslan Salleh himself. The implications of the study are more likely to be students, existing artists, and researchers. It is hoped that the results of this study can be a useful contribution to scientific literature for use in scientific research as well as reference materials for certain individuals, groups, and organizations.

KEYWORDS

Art, Acting, Theater, Artists, Filming

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

PENGHARGAAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt. Syukur alhamdulillah di atas rahmat dan kurnia-Nya dapat saya peroleh kesempatan untuk menyiapkan tugasan sesuai dengan tarikh yang telah diperuntukkan.

Segulung ucapan terima kasih ingin saya dedikasikan kepada pensyarah saya iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin di atas masa, usaha, dan kerjasama beliau dalam memastikan kami selaku pelajar dengan jayanya mampu untuk menyelesaikan tugasan dan dalam jangka waktu yang telah diperuntukkan. Tidak dilupakan bahawasanya beliau telah banyak memberikan dorongan serta kata-kata semangat sepanjang penyiapan tugasan ini meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang menyiapkan tugasan tersebut.

Seterusnya, ucapan terima kasih ini suka untuk saya dedikasikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang merupakan ahli kelas yang bersama-sama saling bantu-membantu dan juga mencerahkan sedikit sebanyak ilmu dan pengetahuan mereka untuk membantu menghasilkan kerja kursus ini dengan lebih baik dan sempurna.

Akhir kata, terima kasih juga kepada ibu bapa yang telah bersusah payah menghempas pulas keringat dalam membantu dari segi kewangan dan sokongan moral. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan ibu bapa la yang paling bermakna sahaja mereka yang sentiasa berada di samping ketika senang maupun susah. Tutup kalam, sekian

terima

kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SENARAI ABREVIASI

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen
TV3	Sistem Televisyen Malaysia Berhad
UCAM	University College of Agroscience Malaysia
UITM	Universiti Teknologi Mara
SPM	Sijil Pendidikan Malaysia
PI	Polis Inspektor
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SENARAI SINGKATAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

SENARAI SINGKATAN

KL	Kuala Lumpur
IP	Inspektor polis

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RUJUKAN KATA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RUJUKAN KATA

KATA ASAL	PEMBETULAN KATA
Besau	Besar
Diorang	Mereka
Gini	Sebegini
Je	Sahaja
Jelah	Sahajalah
Kan	Bukan
Kot	Mungkin
Lakon	Lakonan
Menung	Termenung
Nak	Hendak
Ni	Ini
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Tu	Iitu
Tulah	Itulah
Tapi	Tetapi
Sape	Siapa
Sehari	Satu hari
Takat	Setakat
Mengajor	Mengajar
Masatu	Sewaktu itu
Payah	Susah
Dah	Sudah
Acik	Pakcik
Sado	Sasa
Yeke	Betul ke
Tido	Tidur
Bikin	Buat
Lado	Lada

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

BIODATA PENEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL 1



NAMA	Siti Nur Nabihah Binti Shammudin
TEMPAT LAHIR	Kulai, Johor
ALAMAT	No 16, Jalan Pinang Sireh 1, Bandar Tenggara, 81440, Kulai
NO TELEFON	013-7615939
EMAIL	nabihahshammudin@gmail.com
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (IM246)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

1.2 PENEMUBUAL 2



NAMA	Nurul Najihah Binti Saiful Bahari
TEMPAT LAHIR	Hospital Kuala Terengganu
ALAMAT	No 68, Jalan Selayang 12, Taman Pasir Putih, 81700, Pasir Gudang, Johor
NO TELEFON	011-60785034
EMAIL	nurjianajihah99@gmail.com
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (IM246)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

BIODATA TOKOH

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



NAMA	Roslan Bin Salleh
NAMA SAMARAN	Pak Lan
TARIKH LAHIR	16 Julai 1957
TEMPAT LAHIR	Masjid Tanah, Melaka
ALAMAT	M153, 78000 Alor Gajah, Melaka
NO TELEFON	017-3250843
PROFESION	Pelakon
BIDANG	Bidang Seni Lakonan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Roslan bin Salleh atau nama mesranya Pak Lan dilahirkan pada 16 Julai 1957. Beliau merupakan anak ketiga daripada sebelas orang adik-beradik yang terdiri daripada tujuh lelaki dan empat perempuan yang rata-ratanya mempunyai pelbagai bidang kerjaya. Beliau datang daripada keluarga yang biasa, keluarga orang susah yang kerjanya adalah petani. Beliau dibesarkan dan bersekolah di Masjid Tanah, Melaka.

Beliau bersekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Durian Daud, Masjid Tanah Melaka dan bersekolah menengah di Sekolah Menengah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka dari tingkatan satu hingga tingkatan enam. Beliau merupakan seorang murid yang aktif ketika zaman persekolahannya kerana banyak terlibat dengan persatuan-persatuan. Setelah menamatkan pengajian di tingkatan enam, beliau tidak menerima mana-mana tawaran untuk menyambung pelajaran. Oleh itu, beliau memohon berbagai bagai peluang pekerjaan termasuklah, guru, polis dan kastam. Walaupun beliau mendapat tawaran temuduga bagi ketiga-tiga pekerjaan itu, beliau memilih untuk menjadi seorang guru.

Beliau memulakan kerjaya sebagai guru selepas keluar daripada maktab perguruan bermula di Sekolah Kebangsaan Kerayong, Kerian, Pahang. Kemudian berliau berpindah ke Sekolah Kebangsaan (Felda) Keratong 1 juga di Pahang. Beliau memilih untuk mengajar subjek Bahasa Melayu dan subjek Sejarah kerana minatnya kepada subjek tersebut. Beliau berkhidmat sebagai seorang guru selama enam tahun dan mengambil keputusan untuk berhenti menjadi seorang guru pada tahun 84 kerana merasakan bidang pendidikan sekolah rendah ini sudah tidak seiring dengan perkembangan kehidupan beliau. Maka, beliau berhenti menjadi seorang guru dan melakukan kerja sambilan dengan berniaga.

Kemudian, beliau balik semula ke Melaka dan terlibat dengan persatuan teater disana dimana pada ketika itu, banyak pihak produksi dan penerbit datang ke Melaka untuk membuat penggambaran dan ada pula yang sedang mencari pelakon tambahan. Maka dari situlah bermulanya kerjaya beliau dalam bidang industri seni lakonan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan ini jika kita selidik lebih mendalam, dapat kita perjelas bahawa sejarah itu membawa maksud di mana sesuatu keterangan itu hendaklah berdasarkan sejarah manakala, perkataan lisan pula membawa pengertian bahawa keterangan tersebut haruslah diceritakan dalam bentuk lisan. Sejarah lisan ini juga turut dikenali sebagai salah satu sumber primer. Sesuai dengan kaedah pengkajiannya di mana rakaman temubual akan melalui proses-proses penting seperti ianya akan disalin semula, disunting, dan perlu membuat beberapa pembetulan yang perlu sahaja tanpa mengubah mana-mana isi kandungan yang terdapat dalam isi kandungan pita rakaman tersebut. Kemudiannya, keterangan tersebut akan dihasilkan dalam dua jenis bentuk pengumpulan maklumat iaitu rakaman dan juga transkrip.

Menurut pengkaji, sejarah lisan ini merupakan satu kajian ataupun dikenali secara umumnya sebagai kaedah yang dijalankan bertujuan bagi memelihara sesuatu maklumat berkenaan sejarah atau pengalaman peribadi individu yang sedang ditemuramah itu (Ahmad, 1984). Kebiasaanya ia bekisarkan tentang pengkisahan cerita yang mereka alami. Dalam mendepani cabaran zaman moden kini, sejarah lisan sering dilupakan sebagai satu sumber maklumat yang berguna buat kegunaan di masa hadapan sebagai bahan ilmiah dan rujukan buat penyelidikan serta pengkajian yang lebih mendalam. Selain itu, sejarah lisan juga mempunyai nilainya yang tersendiri terutama buat para ahli sejarawan kerana mereka lebih arif tentang kegunaan dan pengelolaannya.

Sejarah lisan dapat diklasifikasikan sebagai satu bentuk kajian yang menggunakan kaedah pengumpulan data, pemeliharaan data, dan juga mentafsir data. Sejarah lisan ini juga turut dikaji sebagai kaedah penyelidikan tertua di mana dahulunya mengrekodkan data adalah dengan menggunakan pakai sistem bertulis dan ia mula mencorak perubahan diiringi arus pemodenan semasa pada tahun 1940-an, di mana generasi ketika itu sudah mula menggunakan peralatan elektronik yang canggih yang juga dikenali sebagai pita perakam.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Malahan, pada abad ke-21 yang semakin deras arus pemodenannya kini, manusia telah mula menggunakan pelbagai teknologi canggih seperti kamera, perakam suara, telefon bimbit, dan lain-lain.

Terdapat beberapa jenis kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan bahan sejarah lisan ini dilakukan. Oleh kerana rakaman sejarah lisan ini ada terdapat dalam pelbagai jenis bentuk alatan elektronik, maka kaedah yang berbeza juga perlu dilakukan sesuai dengan format sejarah isan itu tersimpan. Menurut sumber Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (UNIMAS, 2009), beberapa kaedah pemeliharaan bahan sejarah lisan ini adalah dengan menyesuaikan paras suhu dan kelembapan dalam bilik penyimpanan adalah penting bagi mengelakkan bahan tersebut daripada rosak. Terdapat garis panduan yang perlu dipatuhi oleh sesebuah institusi dan ini merupakan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan dan penyeliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Seterusnya, penyelenggaraan bahan. Kaedah ini perlu bagi memantau keadaan semasa bagi sesuatu koleksi itu daripada mengalami kerosakan serius. Penyelenggaraan secara berkala perlu bagi mengawal kadar jangkitan terhadap sesuatu bahan itu dapat diatasi sebelum ianya rosak dan tidak dapat dipulihara lagi.

Sehubungan dengan itu, kajian pada kali ini adalah bertemakan artis veteran. Pengkaji perlu menemubual seorang penggiat artis seni yang sudah bergelar veteran pada usia emas mereka. Penggiat artis ini perlulah dari kalangan yang telah memulakan kariernya pada awal tahun 60-an sehingga kini. Pendokumentasian ini perlulah dijalankan dengan menggunakan kaedah sejarah lisan. Oleh demikian, artis veteran dipilih sebagai tema kajian untuk para pengkaji mengupas dengan lebih mendalam akan sejarah kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, dapatlah kita simpulkan bahawa sejarah lisan ini merupakan sejarah yang mengandungi pelbagai kisah atau sumber maklumat tepat daripada peristiwa yang dialami secara langsung oleh individu yang bercerita. Lazimnya, sejarah lisan ini membawa satu emosi yang dibawa oleh sang pencerita di mana di situ juga terdapat reaksi mereka secara langsung terhadap cerita yang dikisahkan. Tiada unsur bias yang terkandung, hanya pengucapan lisan semata-mata, (Ahmad, 1987).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif tersebut;

- i. Untuk menambah koleksi pendokumentasian sejarah lisan melalui artis veteran yang dipilih sebagai sumber rujukan akan datang
- ii. Untuk menemui buah pengalaman dan perjalanan artis veteran yang dipilih sebagai koleksi sejarah lisan.
- iii. Untuk mendokumentasikan sejarah lisan beliau supaya sejarah itu masih kekal walaupun pencorak seni itu sudah tiada.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

i. Masyarakat

Kepentingan sejarah lisan adalah dapat memelihara pengetahuan sejarah melalui pengkisahan (Rozeman Abu Hassan, 2004). Sebagai contoh, melalui kaedah wawancara dan rakaman, orang yang ditemubual dapat memberi keterangan secara langsung melalui penceritaan beliau. Melalui pengkisahan ini juga, ia sebenarnya lebih dekat di hati pendengar sekaligus mencetuskan minat dan menyedarkan generasi baru serta masyarakat tentang peristiwa-peristiwa terdahulu secara tidak langsung dapat merangsang semangat mereka untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam lagi. (Rozeman Abu Hassan, 2004).

ii. Menjadi Pengukuh Sumber Primer

Sejarah lisan juga dapat menjadi pengukuh kepada bahan bertulis dan dapat memenuhi kelemahan yang ada dalam sumber primer (Seow, 2020). Erti kata lain, ia dapat memenuhi kekosongan yang ada dalam sumber-sumber bertulis sekaligus dapat menjadi bahan tambahan untuk penghasilan suatu kajian lain yang dapat mencapai objektifnya. Sejarah lisan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman atau kenangan-kenangan seseorang yang menjadikan maklumat yang disampaikan itu bernilai dan unik (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Kemudian, kegiatan dokumentasi lisan dilakukan untuk mencungkil seberapa banyak maklumat dengan cara mewawancara orang tersebut berkaitan dengan peristiwa yang beliau terlibat melalui soalan-soalan yang diajukan kepada beliau (Zakiah Hanum, 2005).

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

Wawancara tersebut akan dirakam ke atas pita dan ditranskripkan untuk rujukan. Pita rakaman dan transkrip yang dihasilkan ini boleh dijadikan sebagai satu bahan bukti untuk kebolehpercayaan dan keyakinan pembaca. (Eddin Mortada, 2013). Melalui pita-pita rakaman wawancara dengan orang yang terlibat, ia dapat memberi gambaran yang sebenar yang sukar untuk dipamerkan dan dapat memberi kefahaman yang lebih jelas. (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Oleh itu, sejarah lisan juga turut mengukuhkan dan mensahkan lagi sumber primer yang sedia ada (Nur Shima, 2019).

iii. Menggalakkan Penyelidikan Sejarah

Penulisan sejarah lisan dapat mengembangkan dan meningkatkan penyelidikan sejarah yang dilakukan oleh ahli sejarawan (Seow, 2020). Apabila sesuatu kajian dilakukan, sejarah lisan akan menjadikan penyelidikan itu lebih menyeluruh. Tambahan lagi, persatuan-persatuan sejarah yang ditubuhkan tujuannya bukan sahaja untuk menjalankan kajian dan menambah minat masyarakat, bahkan ia termasuklah dalam memelihara sejarah supaya tidak hilang ditelan zaman (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Oleh itu, sumber sejarah ini dapat dipelbagaikan sekaligus dapat menghasilkan satu penyelidikan sejarah yang lebih menyeluruh dan ekslusif (Seow, 2020).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 *Industri Seni*

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, seni bermaksud halus iaitu kecil atau elok, dan tipis. Ia juga merujuk kepada semua aktiviti dan hasil karya yang kreatif daripada individu. Sebagai contoh karya yang berbentuk penciptaan imej atau objek, pembuatan percetakan, mural dan banyak lagi yang dihasilkan daripada sesuatu penghasilan. Di Malaysia, industri seni merupakan industri hiburan yang merupakan salah satu industri yang terbesar kerana ia menjadi penyumbang besar kepada ekonomi dan pendapatan tinggi bukan sahaja kepada negara, bahkan kepada individu itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu pelancaran buku di Art Economy Conference (AEC) 2015, katanya industri seni mempunyai peluang yang besar untuk menjana pendapatan negara yang lebih tinggi di masa hadapan. Hal ini kerana, ia melibatkan kreativiti individu, idea atau buah fikiran, bakat dan keterampilan dalam industri seni. Terdapat beberapa contoh dalam bidang kesenian termasuklah seni muzik, seni lakonan, seni nyanyian, seni penulisan, seni puisi dan banyak lagi (Osman Zaini, 2011). Walaupun begitu, seni ini bersifat subjektif kerana ia sukar ditakrifkan kerana setiap seniman mempunyai aturan yang berbeza-beza. Meskipun begitu, seni tetap proses untuk menghasilkan sesuatu karya dengan pemilihan medium yang tersendiri untuk menyampaikan perasaan, pesanan maupun idea. Walaubagaimanapun, industri seni ini terbahagi kepada beberapa bidang lagi, tetapi disebabkan artis pilihan pengkaji ini terlibat dalam bidang lakonan dan pementasan teater dan lakonan, maka, pengkaji hanya tertumpu kepada bidang ini sahaja.

4.1.1 *Lakonan*

Dalam industri seni, lakonan merupakan salah satu cabang daripada industri seni. Ia membawa maksud memainkan sesuatu drama (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ia juga membawa maksud pengisahan yang dipersembahkan dengan cara menghayati watak yang diberikan dalam sesebuah cerita yang pada hakikatnya berbeza dengan dirinya. Lakon dalam konteks negara Malaysia merujuk kepada cerita yang dipentaskan atau dipersembahkan berbeza dengan konteks negara lain seperti Thailand yang merujuk kepada tarian (Osman Zaini, 2011).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

4.1.2 *Teater*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi teater adalah bangunan yang terdapat padannya pentas dimana ia merupakan tempat untuk mempersembahkan segala bentuk persembahan termasuklah drama, muzik, hiburan untuk tontonan orang ramai. Persembahan itu menggunakan gabungan pertuturan, gerak tubuh badan dan isyarat, muzik, tarian dan sebagainya. Antara jenis persembahan teater adalah opera, balet, wayang kulit dan sebagainya. Tambahan lagi, berdasarkan buku bertajuk Glosari Kesenian Melayu oleh Prof. Datin Dr Rahmah Hj. Bujang katanya, teater juga merupakan apa sahaja pengkisahan atau cerita di satu kawasan atau pentas yang memerlukan pergerakan fizikal, aksi dan reaksi daripada pelaku atau pelakon bersama-sama pemerhati iaitu penonton. Walaubagaimanapun, untuk mementaskan teater, bukanlah sesuatu yang mudah kerana terdapat cabarannya. Antaranya ialah, seni persembahan teater terpaksa bersaing sengit dengan hiburan media elektronik disamping kos yang diperlukan juga agak tinggi terutamanya jika menggunakan lokasi Istana Budaya (Anwar Ridhwan, 2015). Walaubagaimanapun, jika terdapat masalah, sudah pasti ada jalan penyelesaian. Menurut beliau lagi, cabaran ini dapat ditempuhi sekiranya menjalankan kerjasama dengan institusi yang ingin menaikkan teater di tanah air sendiri.

4.2 *Artis Veteran*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, artis membawa maksud seorang yang kreatif dan inovatif dalam mencipta hasil seni, dan mempunyai bakat dalam bidang seni seperti bakat dalam bidang nyanyian atau dalam bidang lakonan dan sebagainya. Sebelum ini, istilah seniman dan seniwati digunakan untuk menggelarkan orang yang mempunyai bakat seni ini, tetapi disebabkan peredaran zaman, istilah artis ini mula digunakan sejak 1980an. Sebagai contoh, penyair, pelukis, penyanyi, pelakon, bintang filem dan sebagainya (Osman Zaini, 2011).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Manakala veteran pula merujuk kepada orang yang banyak pengalaman dalam bidang tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat). Walaupun artis veteran ini rata-ratanya sudah berumur, tetapi mereka ini masih memiliki lebih banyak peminat berbanding dengan artis millennium sekarang (Helmi Irwadi, 2019). Kenyataan ini disokong kuat lagi dengan undian yang dijalakan oleh Harian Metro Facebook dan hasil daripada undian itu, mereka lebih menyukai artis lama sebanyak 92 peratus berbeza jauh dengan undian yang meminati selebriti baru. Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan seorang pengguna Facebook yang tidak menafikan artis baharu ini hanya sekadar mempunyai rupa tetapi tiada kualiti dalam nyanyian dan lakonan (Zacharia, 2019).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA SENIMAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA SENIMAN

NN: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri seni tanah air. Bersama-sama kami ialah Tuan Roslan Salleh yang merupakan seorang penggiat seni dalam bidang lakonan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 November 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 10 pagi bertempat di kediaman Tuan Roslan Salleh. Temu bual ini dikendalikan oleh Nurul Najihah binti Saiful Bahari dan rakan saya Siti Nur Nabihah bt Shammudin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan (menyelak kertas).

NN: Pertama sekali, boleh Pak Lan ceritakan sedikit tentang latar belakang diri Pak Lan?

RS: (Tergelak kecil). Bahasakan diri saya sebagai Pak Lan jelah ya, janganlah bertuan -- ya.

NN: Baiklah.

RS: Latar belakang Pak Lan biasa je. Asal orang kampung. Lahir di kampung di Melaka, di Masjid Tanah, (ambil menunjuk jari kebawah), daripada keluarga yang biasa, keluarga susah la, keluarga orang kampung kan, keluarga petani (ambil membuat pergerakan tangan) yang kerjanya di sawah, menoreh ya, yang membesar dan bersekolah pon di masih di Masjid Tanah [Melaka], sehinggalah lepas sekolah, baru la saya berhijrah belajar di luar daripada Melaka (Malaysia), dan kemudian bekerja juga di luar negeri Melaka (Malaysia). Kemudian, bertukar bermacam-macam kerjaya kerja, (ambil tersenyum) sehinggalah kepada akhirnya, saya berkecimpung dalam bidang seni lakonan. Itu sedikit (ambil membuat gerakan tangan) latar belakang saya.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Bila kita sebut nama Pak Lan kan, boleh tahu, nama sebenar disebalik nama Pak Lan?

RS: (Tergelak kecil). Nama sebenar, Roslan bin Salleh. Itu nama sebenar. Roslan bin Salleh. Pak Lan ni ialah panggilan setelah saya berhenti daripada berlakon. Nama *glamour* [popular] lain, takde. Bila saya berhenti berlakon, baru la ramai memanggilnya dengan panggilan Pak Lan, khusunya apabila saya menjalankan perniagaan produk saya, daripada produk saya itu pun penjenamaannya ialah Pak Lan.

NN: Faham (sambil mengangguk). Maksudnya, Pak Lan itu bukan terhasil daripada dalam bidang—

RS: Bukan.

NN: Industri lakonan tetapi selepas?

RS: *Yes--* [ya] (sambil mengangguk), selepas berhenti daripada berlakon, dan menjalankan perniagaan dengan produk yang berjenama Pak Lan (sambil membuat pergerakan tangan jenama Pak Lan).

NN: Boleh saya tahu, Pak Lan ni dilahirkan pada tahun berapa?

RS: Merdeka (sambil melaungkan dengan kuat), faham tak?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Tiga puluh satu [31] Ogos?

RS: Pak Lan dilahirkan bulan merdeka, enam belas [16] tujuh [7], enam belas [16] Julai, 1957. Maknanya, Pak Lan ni adalah anak merdeka.

NN: Wah (Kagum). Satu kebanggaan la eh. Boleh saya tahu, Pak Lan ini anak yang keberapa dalam keluarga? (sambil membuat pergerakan tangan)

RS: Anak yang ke tiga [3].

SNN: Daripada?

RS: Daripada sebelas [11] adik beradik. Satu *team* [pasukan] bola. Kalau lelaki semuanya lah, tapi ada tujuh [7] lelaki dan empat [4] perempuan dari sebelas [11] adik beradik.

SNN: Baiklah. Bagaimana pula tentang latar belakang keluarga Pak Lan?

RS: Keluarga Pak Lan ni daripada keluarga yang susah sebenarnya. Bukan daripada keluarga yang senang ya. Sebab ayah arwah ayah Pak Lan, seorang polis di *Singapore* [Singapura] yang berpangkat rendah. Ya. Ibu, mak, suri rumah tangga yang sebahagian besar kehidupan tinggal di kampung sedangkan ayah bekerja (sambil membuat gerakan tangan) di luar di *Singapore* (Singapura). Dan kami pula adik beradik, ramai dan apa jarak kami, jarak umur kami, rapat (sambil membuat gerakan tangan). Setahun- dua [2] tahun-sorang--. Jadi sebelas [11] orang itu lahir dan membesar dalam-- satu tempoh yang agak padat juga lah ya (sambil membuat gerakan tangan yang mengajuk kepanjangan). Jadi, kehidupan kami pada masa itu, agak perit jugak lah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

dengan gaji arwah ayah yang kecil, dengan mak yang tinggal di kampung, dengan adik beradik yang ramai dalam satu tempoh yang singkat macam tu, dengan perbelanjaan di rumah, persekolahan dan sebagainya. Jadi agak susahlah. Mak di kampung, bukan la ada kerja apa pon sekadar menjadi suri rumah dan jaga anak-anak dan membantu nenek buat sawah, menoreh itu je la. Jadi, agak susah la. Tapi kami Alhamdulillah, adik beradik walaupun sebelas [11] orang, kami berjaya di sekolah daripada sekolah rendah sampailah sekolah menengah. Alhamdulillah. Walau macam mana pon keperitan dan kesusahan kehidupan, kami adik beradik terus dapat pendidikan.

SNN: Alhamdulillah (sambil mengangguk dan tersenyum).

RS: Alhamdulillah. Pak Lan juga la macam tu.

SNN: Boleh saya tahu siapakah nama ibu bapa Pak Lan?

RS: Ibu Pak Lan bernama Ramlah binti Jalil. Masih hidup.

NN: Masih hidup.

RS: Masih ada. Dengan usia lapan puluh satu [81] tahun. Sekarang. Masih ada tapi ayah dah meninggal.

SNN: Boleh saya tahu dimanakah ibu Pak Lan sekarang?

RS: Ada di kampung (Sambil jari menunjuk ke arah sana).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Oh (mengangguk)

RS: Ada di kampung. Kampung sebelah. Kampung Pak Lan.

NN: Tinggal seorang?

RS: Tak. Tinggal dengan adik beradik. Tinggal di rumah adik beradik lah.

SNN: Bagaimana pula dengan adik beradik Pak Lan? Dimanakah mereka sekarang?

RS: Oh. Adik beradik berada di merata-rata tempat seluruh Malaysia.
(Tergelak kecil)

NN: Maksudnya takde yang keluar daripada Malaysia lah?

RS: Keluar daripada Malaysia takde lah. Di negeri Terengganu (Malaysia) ada, di Selangor (Malaysia) ada, di-- Negeri Sembilan (Malaysia) ada, di kampung pun ada. Di banyak tempat lah. Mereka banyak tempat dengan berbagai bagai kerjaya lah ya ha.

NN: Boleh Pak Lan kongsikan sedikit tentang taraf pendidikan Pak Lan?

RS: Pak Lan tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Pak Lan ni orang tak sekolah tinggi la. Pak Lan melepassi sekolah menengah, SPM (Sijil Pendidikan Malaysia), meneruskan pelajaran di peringkat sijil tinggi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

persekolahan, kemudian memasuki maktab perguruan, dan takat tulah. Ada sijil perguruan, dapat lah masuk kerja mengajar.

NN: Boleh saya tahu Pak Lan ni dulu bersekolah rendah di mana?

RS: Bersekolah rendah, Sekolah Rendah Kebangsaan Durian Daud, Masjid Tanah Melaka (Malaysia). Disini (Jari menunjuk di meja).

NN: Bagaimana pula dengan sekolah menengah?

RS: Sekolah Menengah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka (Malaysia).

NN: Paklan ada mengatakan yang Pak Lan pun turut melanjutkan pelajaran dalam Sijil Tinggi Pelajaran. Boleh saya tahu di sekolah mana?

RS: Sekolah Ghafar Baba.

NN: Sekolah yang sama?

RS: Sekolah yang sama. Pak Lan-- di peringkat sekolah menengah daripada tingkatan satu [1] sampai tingkatan enam [6] adalah di Sekolah Menengah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka [Malaysia].

NN: Bagaimana pula dengan maktab perguruan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Selepas tingkatan enam [6], Pak Lan memohon berbagai bagai jawatan untuk mendapatkan pekerjaan sebab Pak Lan tak dapat masuk universiti walaupun Pak Lan masuk ke tingkatan enam [6]. Jadi, Pak Lan ambil keputusan untuk memohon pekerjaan itu yang Pak Lan pergi mohon maktab perguruan, inspektor polis, apa lagi yang Pak Lan minta yang Pak Lan ingat, kastam.

NN: Haah (Mengiyakan). Kerja kerajaan.

RS: Kerja kerajaan. Daripada beberapa jawatan yang Pak Lan mohon, tiga [3] jawatan Pak Lan berjaya menerima temuduga. Guru, maktab, inspektor dan kastam. Yang dua [2] ni. Pak Lan tolak ambil yang guru ni. Kan. Kononnya, bila Pak Lan jadi guru, Pak Lan berkesempatan ada masa (sambil membuat gerakan tangan) untuk meneruskan pelajaran, melanjutkan pelajaran, macam tu lah cadanganya, ya kan, tapi lain yang Pak Lan rancang, lain yang jadinya (tergelak kecil).

NN: Betul. Maksudnya, selepas daripada menghabiskan pelajaran di tingkatan enam [6], Pak Lan takde terima mana-- tawaran daripada universiti?

RS: Tak- de-. Masatu susah sikit. Susah. Pak Lan mohon pon institusi macam dulu masih ada UTM, UITM, UTM pon payah juga, tak dapat, tak-- cukup syarat kita, jadi Pak Lan fikir baik tu yang Pak Lan ambil keputusan mintak maktab perguruan mintak PI, Pak Lan berjaya dapat PI polis inspektor, dapat guru, dapat kastam, tapi Pak Lan masuk guru lah.

NN: Boleh saya tahu, Pak Lan ni dulu seorang yang aktif ke semasa di zaman persekolahan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Oh Pak Lan memang seorang murid yang aktif. Pak Lan aktif dalam sukan ke olahraga ke, persatuan ke, memang Pak Lan aktif. Dan Pak Lan adalah seorang murid yang rasa-rasanya di zaman persekolahan mempunyai ketokohan untuk memimpin persatuan-- (ketawa kecil). Persatuan-- Pak Lan memang banyak terlibat.

NN: Selain itu, ada kegiatan aktif yang lain ke?

RS: Maksudnya?

NN: Seperti terlibat dalam pementasan?

RS: Ya itu-- yang Pak Lan kata tadi. Pak Lan di masa-- persekolah merupakan seorang-- murid yang aktif berpersatuan. Jadi persatuan-- ini selain daripada persatuan ber *uniform* [seragam] (sambil menunjuk diri dari atas sampai bawah), juga persatuan-- akademik, macam bahasa, persatuan bahasa, persatuan---

SNN: Pementasan

RS: Persatuan drama, persatuan kebudayaan dan kesenian. Memang Pak Lan aktif dalam-- berpersatuan. Persatuan apa ni perpustakaan, persatuan jurufoto, fotografi, persatuan fotografi. Ada semua Paklan pernah terlibat dulu.

NN: Macam-- la.

RS: Suka berpersatuan. Aktif lah murid yang aktif di sekolah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Boleh saya tahu, siapakah idola Pak Lan dalam bidang lakonan?

RS: Dalam bidang lakonan ni, Pak Lan takde idola yang-- secara khusus. Sebab itu Pak Lan tidak membawa karakter lakonan milik siapa--.

NN: Oh faham.

RS: Mirip- pelakon- ini--. *No* [Tidak]. Pak Lan membawak lakonan berdasarkan kepada---

SNN: Diri.

NN: Bakat.

RS: Diri, kebolehan, berdasarkan kepada pengamatan kepada lakonan-- yang pernah dipaparkan oleh pelakon-- sebelum ini. Pak Lan tidak ada seseorang idola secara khusus terutamanya, oh Pak Lan berlakon cerita jahat, A Rahim, *no* [tidak]. Salih Kamil, *no* [tidak], Pak Lan tidak ada, tidak ada idola yang seperti itu, oh sebagai karakter apa lagi korporat, Pak Lan punya idola pelakon pelakon jenis korporat, kan, atau sebagai pelakon, pelakon apa yang karakter yang ada ilmu agama dan sebagainya kan, oh Pak Lan punya idola macam-ni—macam _ ke apa ke kan ha takde.

NN: Maksudnya, dijadikan sebagai rujukan sahaja la.

RS: Rujukan (Menekan suara). Yes [ya]. Itu betul.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jadi kita akan berhenti dulu seketika dan kita akan sambung lagi.

RS: Dah tiga puluh [30] minit dah ha okey. Tak cakap *cut* [berhenti] pun
(Sambil jari menunjuk ke arah kamera).

SNN: (Sambil berdiri). Cut [berhenti]

SNN: Sebentar-- tadi Pak Lan ada sebutkan bahawa Pak Lan tidak mengidolakan mana-- sesiapa pun dalam bidang la-- lakonan. Jadi, Pak Lan ada tak mengidolakan sesiapa selain daripada bidang lakonan?

RS: Sebenarnya, dalam bidang lakonan pun Pak Lan ada idola bukan takde. Sebab kita ada tokoh-- seni atau tokoh-- lakonan yang baik kan? Khususnya, pelakon-- lama kan. Memang ada, bukan takde. Macam P. Ramlee [Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Tan Sri P. Ramlee, Seniman Agung Negara], Nordin Ahmad [Nordin bin Ahmad, Pelakon Filem Melayu Malaysia Terulung]. Kita ada idola kita. Tetapi, kita tidaklah *hundred* [seratus] *percent* [peratus] menjadikan dia sebagai idola dalam lakonan kita. Kita mengambil sesuatu yang baik, yang elok, yang bagus daripada pelakon-- ini dan jadikan ilmu untuk kita menghasilkan juga sesuatu yang baik kan. Begitu juga dalam bidang-- yang lain selain daripada bidang seni lakonan. Ramai kan orang yang menjadi idola, tokoh-- yang menjadi idola Pak Lan tak kiralah apa bidang sekalipun. Macam bidang pendidikan ke, bidang perniagaan ke, bidang politik ke dan sebagainya. Ramai eh orang-- yang menjadi tokoh idola.

SNN: Boleh tuan, eh boleh Pak Lan sebutkan seorang yang tuan, yang Pak Lan idolakan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Contoh dalam bidang apa?

SNN: Terpulang pada Pak Lan--.

RS: Katakanlah dalam bidang-- perniagaan. Dalam bidang perniagaan, ramai tokoh-- yang menjadi idola Pak Lan yang berjaya menunjukkan mereka berjaya menjadi menjadikan bidang perniagaan itu sebagai satu empayar. Yalah, tokoh-- korporat sebenarnya-- secara khususnya memanglah kita tak ni. Tapi, ramai tokoh-- korporat yang boleh menjadi idola yang dalam kehidupan kita. Dalam bidang perniagaan dan sebagainya. Tokoh politik sebagainya. Kalau dikatakan Mahathir [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh, Bapa Pembangunan] tu sebagai seorang tokoh yang begitu besar dan Anwar Ibrahim [Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Politik Malaysia] sebagai tokoh politik yang-- lebih-- agresif dan tokoh-- lain dalam bidang agama dan sebagainya Tuan Guru Nik Aziz [Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Bekas Ahli Politik Malaysia dan Menteri Besar Kelantan] ke Hadi Awang [Tan Sri Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, Ahli Politik Malaysia dan Presiden Parti Islam Se-Malaysia] ke. Itu adalah tokoh-- yang berilmu mengidola dan malah Pak Lan menghargai dan menyanjung tinggi tokoh-- tersebut dalam bidang-- tersebut.

NN: Okey. Sebelum tuan--, sebelum Pak Lan melibatkan diri dalam industri seni. Apakah persepsi Pak Lan terhadap seni lakonan ni ?

RS: Mestilah sesuatu yang amat menarik. Sesuatu yang satu bidang yang amat memberangsangkan. Itu sebabnya, Pak Lan sebenarnya sudah menghasilkan bidang seni ini, seni lakonan ini khususnya adalah bidang yang Pak Lan minati sejak daripada Pak Lan dari zaman sekolah rendah lagi. Kerana itu, Pak Lan sudah bermula berlakon dari zaman sekolah lagi. Pada ketika itu, kita terlibat

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

dengan pentas. Lakonan pentas, kan. Peringkat sekolah rendah, kita bukan--duduk di kampung bukan kita terdedah ataupun terbuka kepada realiti sebenarnya kan. Dunia luar kan. Kita duduk di kampung, apa aktiviti lakonan kita, aktiviti seni kita yang boleh kita buat di kelompok yang ramai. Kelompok sekolah jelah. Musimnya, bila nak buat penyampaian hadiah hujung tahun tu kan. Ada perhimpunan, ada persembahan. Disitulah bidang yang kita berpeluang. Jadi, Pak Lan pernah terlibat dalam siri-siri

NN: Maksudnya masa tu memang dah ada persepsi yang baiklah dalam bidang lakonan ini. Memang dah ada minat.

RS: Minat yang utama. Itu dari segi minat je yelah pada ketika itu kita usia di peringkat itu, kita memang antara suka tak sukalah. Kita belum ada wawasan lagi. Kita belum ada pemikiran eh ini bidang boleh buat duit ke tak. Ini bidang kerjaya aku masa akan datang ataupun tidak. Ini bidang boleh ke menjadikan ini sebagai satu-- sumber pendapatan. Masa tu seronok. Suka tak suka je. Sampai satu peringkat masuk sekolah menengah, kita dah mula agak lebih--cenderung, lebih cenderung dan lebih khusus kepada oh bidang lakonan ni. Kemudian, selepas daripada habis di peringkat sekolah. Kita pergi ke peringkat lebih tinggi lagi. Masa di kolej, masa di apa-- masih lagi aktif dengan-- kerjaya dalam bidang itu. Di peringkat itu kita dah berfikir benda lain. Dah terbuka, kita dah terdedah dengan drama tv [televisyen], kita dah terdedah dengan filem, kita dah terdedah dengan kumpulan-kumpulan budaya yang membuat persembahan yang hebat dan mereka menghasilkan pendapatan dan sebagainya. Menjadikan satu kerjaya melalui agensi-agensi tertentu. Mereka dalam kumpulan-kumpulan tertentu. Jadi, itu dah lain pemikiran. Ya tak. Sehingga Pak Lan membuat keputusan tinggalkan kerjaya lain. Pak Lan ceburi bidang lakonan. Pak Lan jadikan bidang lakonan itu sebagai satu kerjaya untuk kehidupan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Semua ni bermula daripada kelompok yang kecil tu eh, dari sekolah rendah tu yang tak disangka-sangka tu.

RS: Yes [ya] --. Kan.

SNN: Pada pendapat Pak Lan, adakah bidang seni lakonan ini mempunyai pelbagai cabang?

RS: Yah, memang.

SNN: Boleh Pak Lan ceritakan sedikit.

RS: Bidang seni ni memang mempunyai pelbagai-bagai cabang. Sebab seni tu bukan dari segi lakonan sahaja. Kan. Seni musik, seni pertukangan, seni penulisan, bermacam-macam seni lah. Bukan-- dari segi lakonan sahaja. Suara, lukisan ini semua bidang seni yang mempunyai-- seninya yang tertentu dalam bidang-- yang sedia ada.

NN: Seni yang tersendiri la.

RS: Ya tersendiri.

NN: Keunikan kelebihan.

RS: Yes [ya]--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Bagaimana pula dengan pandangan Pak Lan terhadap kerjaya sebagai seorang pendidik?

RS: Ini bila sebut tentang pendidik ni. Ini adalah merupakan kerjaya Pak Lan yang peringkat awal-- dulu.

NN: Awal-- dulu.

RS: Bekerja kan? Maknanya keluar daripada maktab perguruan, setelah kita melalui kursus pendidikan dan lulus dan ada sijil untuk mengajar untuk memegang jawatan, jawatan guru sebagai pendidik. Kita jadi sebagai pendidik. Pendidik ni kita bertanggungjawab menyampaikan --

NN: Ilmu.

RS: Ilmu. Kepada asas kehidupan anak--. Macam Pak Lan, Pak Lan mengajar sekolah rendah lagi. Peringkat awal kanak-- lagi kan. Sebelum mereka meningkatkan pendidikan di peringkat menengah, universiti, dan sebagainya. Sebagai guru, kita punya tanggungjawab untuk membekalkan atau mengenalkan asas kehidupan sebab daripada peringkat sekolah rendah bermulalah mereka nak belajar di peringkat yang lebih tinggi. Belajar mengenal huruf

SNN: Betul.

RS: Belajar mengenal angka--, belajar--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Menulis.

RS: Bagaimana menjadikan diri ini supaya ada disiplin kehidupan. Melalui pedidikan sivik ke, melalui agama ke, selain daripada ilmu-- fardhu kifayah yang lain. Sains ke, matematik ke, bahasa ke tau ilmu-- lain. Kedua-dua ilmu ini penting, ilmu agama yang-- akademik ni pun penting. Sebab tu kita ada fardhu ain, kita ada fardhu kifayah kan. Kita sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk membina, mengisi dulu benda-- ini, asas-asas ini kepada anak-anak. Dari semasa ke semasa, dari tahun ke tahun benda ini akan bertambah banyak dalam tubuh dan fikiran mereka. Benda ini berkembang dapatlah mereka mencari, menambah, meningkatkan lagi di--peringkat yang lebih tingi dengan ilmu yang lebih meluas dalam kehidupannya dari tahun ke tahun sampailah di peringkat sekolah menengah atau di peringkat yang lebih tinggi lagi. Jadi ilmu itu penting dan itu adalah tanggungjawab pada mula di peringkat awal, menyampaikan kepada anak-anak. Dan selepas satu peringkat, terpulanglah kepada anak-- ini bagaimana dia harus meningkatkan lagi ilmu mereka. Begitu gayanya.

SNN: Menurut Pak Lan, adakah seni pementasan teater berbeza dengan lakonan?

RS: Eh itulah dia (ketawa kecil). Teater memang *directly* [secara terus] adalah asas kepada seni lakonan. Seni lakonan.

NN: Asas.

RS: Sebab-- asasnya itu. Sebab Pak Lan katakan begitu melalui penglibatan ataupun pembelajaran seni teater seseorang pelakon akan belajar mengenai tentang penghayatan, macam mana menghayati lakonan, menghayati kesedihan, menghayati kegembiraan, menghayati kesombongan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Dan segala emosi.

RS: A-- emosi. Melalui teater kita belajar tentang gerak tubuh. Gerak tubuh. Berlakon bukan semestinya kita bercakap, berdialog, dan sebagainya. Melalui gerak tubuh pun kita dapat memberi pengertian kepada penonton, kefahaman kepada penonton kan. Kita duduk menung, tanda sedih ke apa semua. Kita duduk begini (ambil bersandar pada kerusi) kita senyum sorang-- pun. Itu semua pengertian tentang lakonan. Melalui teater kan. Melalui teater tu lah kita belajar mengenai ruang. Ruang-- maknanya kita menggunakan sudut-- tertentu untuk memberi kefahaman tentang maksud lakonan kita. Kalau kita duduk di meja ini, kita duduk di ruang begini kita sebagai apa. Kita tak bercakap apa pun tapi kita duduk dengan pakaian yang *smart* [kemas] apa duduk. Takde apa pun, takde lakonan apa pun. Tak gerak apa pun. Tapi kita dapat tak memberi gambaran kepada penonton kita sebagai apa.

SNN & NN: Dapat.

RS: Begitu juga ruang, kalau kita duduk bawah jambatan. Dapat tak kita memahamkan kepada penonton kita sebagai apa? Ha itulah lakonan--yang mesti disertai dengan kefahaman tentang elemen-- lain. Persekutaran kita, ruang lah--. Ha itu pun melalui proses pembelajaran, melalui teater lah, penglibatan kita, kemahaman kita tentang seni lakon melalui asas teater.

NN: Pada pendapat Pak Lan, adakah seni pementasan teater ini masih lagi relevan sehingga kini?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Mesti. Masih. Sebab teater, melalui teater, persembahan teater lebih *direct* [terus] penyampaiannya kalau dibandingkan dengan lakonan drama tv [televisyen] ataupun filem. Sebab melalui kegiatan teater, dia bukan sahaja *direct* [terus] dari segi penyampaian tetapi antara pemain dan penonton. Dia lebih terus, dia tidak ada sekat-- dan persembahannya takde *cut*-- [potong--] (ketawa kecil). Dia *direct* [langsung].

NN: Dari awal sampai akhir.

RS: Dari awal sampai akhir dia berhubung.

NN: Okey, pada pendapat Pak Lan pula, apakah perbezaan artis dahulu dan sekarang?

RS: Takde beza apa pun. Cuma dari segi keterampilan dan kefahaman tentang bidang seni yang mereka ceburi lah dan falsafah yang dipegang oleh artis-- terkenal dalam bidang ini. Kalau falsafahnya ialah untuk menjadikan seni ini sebagai satu panduan dalam kehidupan masyarakat atau penonton maka ia akan menjurus ke arah itu. Tapi, kalau dijadikannya bidang seni ini sebagai satu bidang untuk populariti untuk *glamour* [terkenal] maka akan tersasar lah kerananya penonton akan menjadi lalai daripada apa yang sepatutnya dia mereka dapat. Contohnya kalau dulu, artis dulu kalau dia membuat persembahan lakonan atau kalau dia berlakon dia membawa karakter itu katanyalah ya amat handal, amat menarik ya menghayati kan sungguh-sungguh. Sehingga kalau penonton kalau tengok karakter dia tu karakter jahat.

NN: Memang jahat betul la.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Penonton boleh kata dia sumpah seranah dia, ludah dia.

NN: Kalau jumpa kat luar.

RS: Betul. Haah kan. Maknanya dia memberikan sesuatu yang mendalam pada penonton kan. Kalau dia tu baik kan, sampai menusuk kalbu orang yang memenontonnya eh. Kalau dia bercakap kalau dia apa kan, orang khusuk, perhati, teliti dengan apa dialog dia apa semua kan ha itu baguslah. Tapi kalau dia muncul dengan karakter yang hanya untuk menampakkan dari segi fizikalnya sahaja. Wajah yang cantik, yang hensem, yang macho. Fizikal yang sado [gagah], kalau perempuan bentuk badan yang cantiklah. Dengan muka yang *makeup* [solek], dengan bulu mata yang melentik-lentik dan sebagainya eh. Tapi dari segi persembahan, penyampaian, kualiti, penghayatan eh, tak dapat, kosong, amik mudah tak jadi juga. Tak dapatlah. Jadi itu kualitinya, kualiti antara pelakon-- sama ada dia baru atau lama tapi tengok pada falsafah yang digunakan. Apa-- sebenarnya yang dia nak dalam bidang lakonan. Menyampaikan sesuatu atau pelakon juga boleh dalam kategori sebagai pendakwah, menyampai dia menyampai dari segi dialog, dari segi lakonan, dari segi pergerakan, dari segi pakaian eh penyampai. Atau dari segi semata-mata duit sebab bidang lakonan ini ada diantaranya menganggap sebagai satu bidang yang masyuk sebab apa. Ada pakej, ada pakej cantik, ada pakej itu, ada pakej majalah, ada pakej ni kan. Ha jadi bila orang panggil tu semua dengan bayaran sekian--. Pakej la kan. Jadi dia gunakan semua tu untuk sumber tulah sumber pendapatan. Ha bukan dengan niat untuk menyampaikan sesuatu sebab kita ada tanggungjawab, pelakon ni ada tanggunjawab. Ha itu nilai orang lama dengan orang baru, tak kisah. Orang baru ada juga, ada juga orang baru yang mempunyai falsafah lakonan yang baik yang bagus, memang dia kaw kaw punya. Ada bukan takde.

NN: Semua tu peribadi lah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Ha ya ini kefahaman lah, tu sebab Pak Lan katakana tadi falsafah masing-masing.

NN: Jadi bagaimakah cara PakLan menyesuaikan diri dengan untuk berlakon bersama-sama dengan artis-artis baharu ini?

RS: A-- Pak Lan banyak membiarkan mereka sendiri berpikir sebab artis baharu ini kadang-- dia datang dalam bidang ini, dalam kerjaya ini secara spontan. Secara yang tidak langsung. Tak semena-mena dah muncul jadi pelakon terbaik (ketawa sinis) kan. Terlibat satu dua drama, satu [1] dua [2] filem, satu dua drama berlakon tiba-- dah jadi artis popular. Terus naik, melonjak-lonjak, melambung-lambung. Dia bergantung pada itulah kan. Macam kita, kita daripada bawah, berkenal-kenalan dengan pentas dulu kemudian terlibat secara *extra* [tambahan] dulu pastu bagi baru nanti bila ada peluang yang diberikan memegang watak-- utama, watak-- penting kita cuba dulu berperingkat-- kan. Hingga sampai orang yakin “kau bagilah je apa kat dia” dia petik jari je kan, bagi je. Sebab orang dah tahu kualiti dia bila dia pegang karakter jadi ustaz, memang kaw dia bawa. Jadi gangster begini. Jadi pengemis dia tahu dah macam orang akan meleleh air mata, berderai kan. Jadi orang susah. _____. Jadi kalau ada artis-- baharu ini satu [1] dua [2] drama berlakon oh diorang muka cantik, dah tinggi dah boleh dah masuk--.

NN: Bagaimana pula sikap dan layanan artis baharu terhadap Pak Lan?

RS: Alhamdulillah setakat ni alhamdulillah. Ada jugaklah sikit-- yang agaknya segan ke sebab tak nak bercampur, atau taknak berborak dengan kita. Kadang-kadang ada artis baru yang mengasingkan diri je dengan artis- lama ni kan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Betul. Tak nak bergaul.

RS: Tak nak bergaul taknak bertanya walaupun terlibat dalam satu babak yang sama, kadang-- dialog yang hampir sama. Tapi kadang-- diorang tak nak, diorang tak nak, diorang nak-- apa nak--

SNN: Bertanya.

RS: Nak bertanya, nak berdialog berlatih dialog sama-- atau nak berkenalan ke “kau anak aku bapak” dalam cerita tu la kan. Contohnya kan, dia pun buat hal dia walaupun dalam satu-- cerita dia sebagai anak, kita sebagai bapa. Lepastu jadi rajinlah, rajinlah jumpa bapa.

SNN: Lebih dekat.

RS: Berborak, bercakap ke apa, bertanya ke apa, bersuara ke dengan *scene* [babak] yang dia tengah buat anak beranak ni apa semua. Dia ada. Ada artis yang tak ambil peduli sebab itu terpulanglah takkanlah Pak Lan sebagai orang lama--

NN: Nak pergi dekat--

RS: Pak Lan dah perhatikan benda itu kalau nak panggil nak pergi kat dia pulak “marilah kita ni” *no* [tidak] lah sebab-- bagi Pak Lan orang yang menceburi bidang seperti ini adalah orang-- yang terpelajar, orang yang ada sekolah, orang yang ada pelajaran, orang yang boleh berfikir.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Maksudnya a- salah satunya adalah masalah komunikasi lah.

RS: Hm? (sambil mendekatkan wajah)

NN: Masalah komunikasi.

RS: Hm! Yes [ya] komunikasi dan per- pergaulan.

NN: Pergaulan.

RS: Dia bukan pergaulan apa. Pergaulan untuk kita nak mendapatkan

NN: Orang kata nak dapatkan *chemistry* (keserasian) tu kan.

RS: Yes [ya] itu perlu. Dalam satu cerita, kau anak yang baik, yang mesra dengan bapa. Anak yang manja, sangat mesra dengan bapa. Tapi kau-- kau tak mendekati, sebelum masuk *scene* [babak] itu, kau tak mendekati pun, sebagai anaknya yang muda kononnya artis muda la, kau tak mendekati pun aa-- bapaknya yang akan kau jumpa dalam *scene* [babak]-- yang akan kau buat nanti. Kau tak mengenali pun, kau tak itu pun. Macam takde wujud satu hubungan. Apa salahnya sebelum kita masuk set, membabak- melakonkan sesuatu dalam satu babak, di luar kau bertegur sapa ke, kau buat sesuatu yang boleh menjadikan rasa, aku ni bapa apa aku akan rasa, anak datang jumpa aku. Bila masuk dalam set, kau rasa tak benda-- ni?

NN: Kurang la.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Mungkin agak kurang la.

RS: Kalau-- di luar tak dibiasakan, tiba-- masuk set.

NN: Rasa janggal.

RS: Ha. Kita berlakon jela. Berlakon keras je la.

NN: Berlakon semata-mata.

RS: Berlakon keras je la (ketawa kecil) Pak Lan *try* [cuba] jela. Macam i- itu maksud Pak Lan la.

SNN: Faham. Baiklah kita akan berehat dulu seketika dan sambung lagi selepas ini.

SNN: Boleh Pak Lan berikan sedikit pendapat tentang set pengambaran dulu dengan sekarang?

RS: Dia berbeza.. Dulu kita selalu menjalani pengambaran dalam studio. Kita menggunakan studio lah. Maknanya setiap set pengambaran itu banyak yang kita buat kita bina *right* [betul] (ambil membuat pergerakan tangan). Dalam studio. Tapi sekarang kita banyak menggunakan lokasi di luar kan (ambil membuat pergerakan tangan menunjuk sekeliling), kita cari dalam hutan, hutan diluar, sungai-- diluar, kalau bangunan, bangunan diluar. Banyak diluar lah. Set yang sebenar. Tapi dulu, studio. Kita studio ni ada baik ada buruknya. Yang baiknya dia setempat lah, kita boleh ubah-- la kan. Kita tak

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

banyak pergerakan. Tak banyak per- menggunakan ruang. Kita buat tu setempat, dan disitu la kita akan ubah--. Nak hutan ke, nak-- nampak kan dia *town* [bandar] ke bandar ke, pekan ke kan, nampakkan dia kampung sawah padi. Itu dalam studio lah. Tapi kalau-- sekarang kita *real* [sebenar]---

NN: Betul-- buat.

RS: Kita turun ke sawah, kita turun ke sungai, kan, kita turun masuk hutan. Jadi kita banyak pergerakan- yang- agak-- lebih jauh--- .

NN: Lebih meluas.

RS: Lebih- luas--

SNN: Jadi itu lah penambahbaikan yang dilakukan di set pengambaran sekarang betul tak?

RS: Iya. Dan ada- lagi--. Kadang-- kita menggunakan *blue screen* [skrin biru]. Kadang-- *blue screen* [skrin biru]. Maknanya kadang-- takde apa pun. Kosong. Kita berlakon pada skrin yang kosong kan, belakang skrin kosong ini kita berlakon (ambil membuat pergerakan tangan). Kemudian-- baru dimasukkan--

NN: *Image* [gambar].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: *Image [gambar]* di belakang. Macam-- cara kan. Macam-- cara sekarang. Teknologi terkini dalam pembikinan. Ini-- berkaitan dengan pembikinan. *Making-- [pembuatan]*.

SNN: Jadi pada pendapat Pak Lan, adakah peralatan baharu yang digunakan di set pengambaran ini menjadikan kualiti drama atau filem itu lebih berkualiti dari segi paparannya di kaca televisyen?

RS: Ya. Sebenarnya mudah. Mudah- dikendali-- kan. Mudah di set pengambaran. Dengan peralatan-- yang canggih lah. Jadi kita nak melihat (ambil membetulkan posisi kedudukan) dari segi kualiti gambar, itu bergantung kepada petugas-- yang mengendalikan peralatan dan juga dari segi pengarahan lah, yang faham tentang kua- kualiti yang akan dihasilkan melalui penggambaran dengan menggunakan kecanggihan yang-- disebutkan tadi.

SNN: Jika boleh saya tahu adakah terdapat perbezaan ketara dalam kadar pembayaran yang diberikan kepada artis jika dibandingkan dahulu dan sekarang?

RS: (Tersenyum). Soalan tu selalu diajukan. Sebagai pelakon sebagai pekerja kan. Dari segi pembayaran dia, dulu nilai duit kecil.

SNN: Betul.

RS: Kecil ke besau?

SNN: Kecik eh besar.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Besau.

SNN: Nilai duit besar.

NN: Sekarang yang kecil kan.

RS: Dulu nilai duit besau. Kalau seringgit [RM1] dah macam sepuluh ringgit [RM10].

NN: Betul.

SNN: Dapat macam--.

RS: Sekarang nilai duit kecil. Dapat seratus [RM100] macam dapat sepuluh ringgit [RM10] je (sambil tersenyum sinis).

NN: Betul.

RS: Jadi berbeza. Berbeza dari segi tempoh masa dan berbeza daripada kadar potongan hidup. Dulu walaupun sepuluh ringgit, tapi macam-- kita boleh--

NN: Dapat.

RS: Dapat. Kan. Dengan sepuluh ringgit [RM10]. Sebab, nasi lemak baru sepuluh sen [RM0.10]. Kamu jumpa tak sepuluh sen [RM0.10] nasi lemak?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Tak jumpa (sambil ketawa). Lima puluh sen [RM0.50] jumpa (sambil jari menunjukkan lima).

RS: Macam acik jumpa. Sepuluh sen [R0.10] dua puluh sen [RM0.20]. Kan. Jadi berbeza. Kadar bayaran dulu kalau satu cerita, satu drama atau filem, sorang dapat seribu [RM1,000] mungkin besar dah (sambil membuat gerakan tangan). Tapi sekarang kalau orang panggil berlakon *inform* [memberitahu] untuk *shooting* [penggambaran] filem, satu hari seribu [RM 1000]. Kecil (sambil tersenyum).

NN: Kecil.

RS: Dah sampai satu peringkat yang kita rasakan barang itu sangat kecil (sambil membuat gerakan tangan). Kann. Tak sesuai dengan kadar kehidupan sekarang yang---

NN: Tinggi.

RS: Jauh lebih tinggi dengan kadar bayaran tawaran yang ditawarkan (sambil membuat pergerakan tangan menunjukkan tinggi). Apa- lagi--, kalau pelakon-- baru yang-- namanya lonjak di, lonjak naik ke atas. Jadi bagi dia kalau dia menerima setakat seribu [RM1000] ni macam seolah-olah orang menidakkannya dia la sebagai dia seorang pelakon. Tapi ada juga pelakon-- lama yang masih merasakan kalau dia dapat seribu [RM1000] pon alhamdulillah. Kan. Sebab dia dah terbiasa berpuluhan-puluhan tahun kerjaya ini, dalam industri ini daripada bayaran sepuluh ringgit [RM10], lima ringgit [RM5].

NN: Dari sekecil-kecil bayaran.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Sehingga dia dapat seribu [RM1000] atau ada orang yang berani lagi *offer* [tawaran] dia sampai dua ribu [RM2,000] satu hari kan. Jadi pelakon-- ini dia dah nampak dah taraf duit macam mana daripada kecil sehingga besar (sambil membuat pergerakkan tangan). Tapi bagi pelakon-- yang baru ni dia tak nampak nilai-- duit yang kecil tu dulu. Dia nampak terus seribu [RM1,000], dua ribu [RM2,000].

NN: Nilai yang besar.

RS: Lima ribu [RM5,000], sepuluh ribu [RM10,000]. Di situ. Kadang-- keghairahan melihat nilai duit itu, menjadikan perbezaan yang amat ketara antara pelakon lama dengan pelakon baru dari segi pembayaran (sambil membuat pergerakkan tangan).

NN: Pak Lan pernah tak berdepan dengan sebarang isu berkenaan kelewatan memperoleh bayaran yang dijanjikan daripada pihak produksi tempatan?

RS: Kerap (sambil tersenyum).

NN: Kerap?

RS: Kerap. Pak Lan pernah bergaduh masa tu. Sampai kita bertengkar, berbalah, sama ada di pihak pengurusannya, yang kita panggil pengurus produksi, ataupun-- produsernya, berbalah la dari segi pembayaran. Sebab (sambil menongkat dagu) ada diantara *production* [pengeluaran] ataupun *production house* [rumah pengeluaran] ni, syarikat dia-- telus. Walaupun bayaran kecil tapi bayaran dia bagus. Elok. Ikut jadual seperti yang dijanjikan, sama ada janji melalui lisan atau berjanji secara bertulis, kontrak. Tapi ada produ- ada *production* [pengeluaran] ataupun *producer* [penerbit] yang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

kadang-- cuba bemain main dengan janji dan juga apa-- yang telah dipersetujui sebelum kita memulakan kerja kan. Jadi katakan dalam perjanjian awal, dalam perjumpaan awal, kata “Kita sebelum cuti, kita bagi sekian *percent* [peratus], katalah kita bagi tiga puluh [30] *percent* [peratus] dulu”. *And* [dan] *then* [kemudian] *start* [mula] *shooting* [penggambaran]. *Start* [mula] *shooting* [penggambaran] kalau cerita itu makan masa yang lama, mungkin berepisod dan sebagainya yang makan masa dua [2] bulan tiga [3] bulan, mungkin selepas satu [1] bulan dia bagi lagi tiga puluh [30] *percent* [peratus] kan. Dan kemudian, habis *shooting* [penggambaran] dalam tempoh dua [2] bulan la katakan seminggu selepas *shooting* [penggambaran] kita terima lagi baki empat puluh [40] *percent* [peratus]. Itu perjanjiannya sama ada secara lisan ke secara bertulis ke. Tapi banyak yang tahu dia tidak ikut apa yang telah dijanjikan. Sebelum *shooting* [penggambaran], betul bagi tiga puluh [30] *percent* [penggambaran]. Lepastu dah bermula *shooting* [penggambaran], ikut *progress* [kemajuan] dah sebulan pon tak sampai lagi tiga puluh [30] *percent* [peratus]. Kan. Dah dekat masuk, katakan nak habis *shooting* [penggambaran] pun tak dapat lagi tiga puluh [30] *percent* [peratus]. Kemudian nak habis shooting baru nak dapat tiga puluh [30] *percent* [peratus]. Habis bilanya nak bayarnya lagi empat puluh [40] *percent* [peratus]. Itu yang kadang-kadang jadinya seminggu dua [2] minggu lepas *shooting* [penggambaran], empat puluh [40] *percent* [peratus] tu dijelaskan. Itu yang kadang-- sampai sebulan dua [2] bulan tiga [3] bulan tak berbayar juga (ambil menghentak meja). Mula lah berlaku lah kecoh-- lah. Mesti kecoh punya. Orang dah habis buat kerja, artis dah buat kerja kan, tapi duit tak dapat, *balance* [baki] tak dapat apa semua. Jadi *production* [pengeluaran] ataupun syarikat tak telus lah, dalam janji-- dia. Nak tunaikan janji-- dia. . Timbul lah pergaduhan kadang--, gaduh ke apa, haa mulalah artis- ni- dah- *blacklist* (senarai hitam)--.

SNN: Artis pulak yang dapat nama buruk.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Yes— Artis tak pergi kerja. Dia orang yang membuat pembayaran yang tidak tepat mengikut-

NN: Jadual

RS: Apa yang dijanjikan. Kadang adalah macam-- masalah yang timbul, bank lah itu lah ini lah, peminjam tak bagi lah, itu bukan urusan kita.

SNN: Betul

RS: Kita berjanji tentang kerja kita dalam urusan pembayaran kita, tapi urusan dapat duit, bukan urusan artis, bukan urusan pekerja. Itu urusan antara *producer* [penerbit] dengan peminjam ke dengan itu ke ini ke dengan bank ke.

SNN: Urusan mereka lah.

RS: Mereka lah.

NN: Sepatutnya kita dibayar ikut jadual yang ditetapkan?

RS: Jadual dijanjikan. Betul tak?

NN: Betul.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Itu-- kata orang, Pak Lan sepanjang lebih tiga puluh [30] tahun Pak Lan dalam bidang ini, dah banyak berlaku dah. Tak bayar pun ada.

NN: Sampai sekarang?

RS: (Tersenyum dan mengangguk).

SNN: Jadi Pak Lan hanya merelakan?

RS: Tak- pe-- lah. Tak pe lah. (Ketawa kecil). Tak pe lah.

SNN: Pada ketika itu adakah Pak Lan yang Pak Lan kata yang Pak Lan bergaduh tu kan, adakah Pak Lan sendiri yang menyuarakan perkara itu?

RS: Banyak- kali--. Sebab kadang--, dalam hal-hal yang seperti ini, bila timbul suasana lambat bayar, *producer* [penerbit] hilang (ambil ketawa kecil), orang-orang yang menguruskan *production manager* [pengurus pengeluar] nya kadang--, dah-- susah nak dihubungi, tak dapat dihubungi untuk-- bertanyakan tentang masalah ini apa semua kan, tengok-- o- orang atau artis-- yang lama ini lah yang jadi--

SNN: Mangsa.

RS: Utusannya. Artis baru mungkin dia tak berapa berani sangat lah dalam hal-- seperti ini. Jadi dia akan lebih menggunakan artis-- lama, mungkin *producer* [penerbit] lebih segan, atau lebih-- lah adabnya lah cara kita nak menyelesaikan masalah ini. Artis-- baru ni kan, mungkin terus masuk

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

paper [kertas] ke, *viral* [tular] ke apa ke kan (sambil membuat pergerakan tangan), jadi kita dijadikan alat lah sebenarnya, perunding lah--

NN: Orang tengah.

RS: Orang tengah untuk selesaikan masalah ini.

SNN: Tapi ada jugak la eh masalah tu yang tak selesai?

RS: Eh ada--. Kan banyak yang keluar dalam---

SNN: Surat khabar.

RS: Surat khabar yang saman menyaman. Kan banyak kan.

NN: Betul.

RS: Kerana tak jelaskan bayaran. Ada (ketawa kecil). Itulah dia. Dunia seni kita ni dari segi pembayaran.

SNN: Jadi sepanjang penglibatan dalam industri lakonan, adakah Pak Lan berpengalaman untuk memegang watak yang dirasakan paling mencabar?

RS: Pak Lan ni sebenarnya dah merasakan bermacam-macam watak dalam lakonan. Dah bermacam-macam watak lah sama ada watak hidup ataupun watak mati.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Yang paling mencabar Pak Lan rasa? Satu yang Pak Lan terkesan, paling diingati?

RS: Itu zaman Pak Lan berlakon cerita jahat-- lah. Cerita jahat-- cerita memegang watak jahat, macam cerita-- kom- macam ada Pak Lan bawa satu cerita komunis, Maruah dan Pengorbanan. Pak Lan jadi ketua komunis yang memang bergelumang dalam hutan je. Pergerakan Pak Lan aktiviti Pak Lan semua dalam hutan.

NN: Lasak

RS: Lasak lah. Dalam hutan. Menyerang dan diserang. Membunuh dan dibunuh. Itulah karakter Pak Lan sebagai itu yang Pak Lan rasa seronok dan kuatlah. Sebab kita pegang watak jahat. Watak jahat ni karakter jahat ni dia berbeza daripada hero. Hero ni dia terkawal. Dalam keadaan dia terkawal. Macam mana pon dia terkawal. Kena jaga. (sambil membuat pergerakan tangan). Tapi kalau kita dapat karakter jahat, kita bebas (sambil membuat gerakan tangan bebas). Kita nak lepaskan geram kita jahat kita apa kita kita macam jadi bebas. Walaupun ada batas-- lah itu terpulang pada *job editor* [kerja penyunting] lah nak buang yang-- *part* [bahagian] yang kita tak sesuai ya kan. Tapi dari segi kita melakon kannya, kita bebas tau, kita tak terhalang, tak terbatas oleh adab-- ni (ketawa kecil), etika-etika tertentu.

NN: Sebab orang jahat kan.

RS: Sebab orang jahat. Kan. Dah memang orang jahat. Pak Lan berlakon dalam cerita Maruah dan Pengorbanan. Ah Tiam [nama watak].

SNN: Sebagai Ah Tiam?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Kalau—*you* [awak] bukak *youtube* [media sosial], *you* [awak] akan nampak Pak Lan ada gambar Pak Lan ketua komunis Ah Tiam bersama sompit (ambil membuat gerakan tangan). Ada gambar Pak Lan berdua dengan heroinnya, Syarizah [pelakon wanita]. Syarizah Mahmud. Itu pon budak teater jugak tu. Tapi dalam cerita tu lah yang Pak Lan rasakan seronok sangat dalam karakter- tu--. Lain-- karator macam-- lah (ambil membuat pergerakan tangan), Pak Lan jadi orang miskin, pengemis, susah, Pak Lan ada juga macam Pak Lan berlakon dalam satu drama (ambil berfikir), Miskin Seorang Ayah, kalau tak salah saya. Miskin Seorang Ayah rasanya (ambil menunjuk kearah sana). Itupun Pak Lan rasa seronok ceritanya. Karaktor tu bagus. Itu kira-- karaktor utama dalam cerita lah. Pak Lan jadi tak betul (ambil mengosok kepala) jadi gelandangan, Pak Lan jadi susah, anak tak peduli apa semua kan.

SNN: Jadi pada ketika itu, yang Pak Lan ceritakan tadi, Maruah dan Pengorbanan--

RS: Maruah dan Pengorbanan (Sambil mengangguk).

SNN: Adakah Pak Lan ada mengalami sebarang kecederaan ataupun kemalangan semasa melakukan membawakan watak itu?

RS: Takde.

SNN: Oh takde?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Tak de. Kemalangan hidup tu takde. Cuma buat cerita tu letih sikit lah. Sebab pergerakan komunis yang-- diburu oleh askar. Kemudian pergerakan komunis yang menyerang askar. Yang-- bertaburan lari diserang hendap, macam-- lah, kemudian sesama komunis sendiri bertelagah tentang-- satu cerita yang berlaku di dalam hutan apa semua kan, pun berlaku bunuh membunuh antara mereka ketidakfahaman.

NN: Menggunakan kekuatan fizikal?

RS: Memanglah, berlari sana berlari sini (ketawa kecil) satu benda yang agak lasak lah. Penat.

NN: Jadi pada pendapat peribadi Pak Lan sendiri, apakah perbezaan yang berlaku terhadap diri Pak Lan sebelum dan selepas melibatkan diri dalam industri lakonan?

RS: (Sambil berfikir) Apakah?

SNN & NN: Perbezaan.

SNN: Dalam diri Pak Lan sebelum dan juga---

NN: Selepas melibatkan diri dalam bidang lakonan? Mesti akan ada perubahan?

RS: Dua [2] perbezaan. Dua [2] situasi dua [2] keadaan (sambil menunjukkan dua [2] jari). Sebelum berlakon, kerjaya kita kebanyakkan terlibat berdasarkan aturan-- yang telah ditetapkan, seperti pengalaman awal Pak Ian bekerja, Pak

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Lan bekerja ikut apa yang diaturkan oleh kementerian pendidikan. Kan sebab jadi guru kan. Begini--- (menyentuh meja dengan hujung jarinya) tempoh waktu bekerja dari sekian waktu ke sekian waktu. Aktiviti-- tambahan begini-. Sukan ke apa--. Tapi bila Pak Lan keluar berlakon, menukar kerjaya, untuk jadi pelakon, bidang lakonan ini perlukan pengamatan yang tajam selain daripada bakat dan asas lakonan yang kita dah belajar untuk kita menceburii bidang lakonan ini, kita mestilah menjadi seorang manusia yang sangat peka kepada kehidupan manusia. Sebab melalui kepekaan itu, kita menghayati karakter manusia. Kita mempelajari bagaimana kerjaya-- tertentu dalam kehidupan manusia ini yang sepatutnya kita lalui yang sepatutnya kita lakukan dalam lakonan. *Alright [Baiklah]*. Kalau kita nak jadi komunis, kita menghayati kehidupan komunis dengan penghayatan kita. Kita melihat komunis itu begini--. Kita kena hayati kehidupan seorang korporat kalau kita diberikan karakter sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya bagaimana kita mempelajari (terbatuk). Kita melihat bagaimana kehidupan seorang nelayan kalau kita dibagikan dengan karakter watak seorang nelayan. Kita melihat bagaimana tugas hariannya, aktiviti hariannya, latar belakang kehidupan, suasana kehidupannya di rumah dan persekitarannya. *Alright [baiklah]*. Kalau kita nak menghayati sebagai seorang ahli agama, menghayati kehidupan dan cara, adab sopan, pakaian, keterampilan, percakapan dan sebagainya, sebagai seorang ahli agama. Jadi imam ke, jadi ustaz ke, jadi mufti ke, jadi tok kadi ke. *Alright [baiklah]*. Jadi kerjaya seni ini sebagai seorang pelakon, dia kena mengamati tajam, mengamati dan menghayati karakter-- ini. Itu perbezaannya. Dan kadang-- kita menjadi seorang yang sentiasa mencari-cari. *So [jadi]* kita cari-- lah bila diberikan karakter berlakon sebagai ini, jadi katakanlah jadi seorang komunis, macam dalam cerita Maruah dan Pengorbanan, Pak Lan tak pernah jadi komunis kan. Kita tak bergelumang dalam kehidupan suasana komunis, tapi kita diberikan karakter sebagai komunis. Apa yang perlu kita buat?

NN: Cari.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Kita mencari. Kita mencari melalui pembacaan. Kita mencari melalui gambar-- lama, kita mencari---

NN: Sejarah.

RS: Melalui sejarah yang berkisar dengan aktiviti komunis. Bagaimana kita menghayati kehidupan mereka. Kalau tak, tak jadi lah mana kita tahu mana diaorang duduk hutan tu. Kita tak tahu tapi tiba- kita nak melakonkan karakter dia orang.

NN: Sebab kita dah hidup dalam zaman kemerdekaan.

RS: Kita hidup dalam keadaan macam ni. Dia hidup dalam keadaan dia (sambil membuat pergerakan tangan). Jadi kita kena cari. Jadi tu yang kadang-- “Orang berlakon ni gila ke apa?”. Diorang gunakan istilah-- macam tu. “orang yang berlakon ni betul ke tak betul?”. Kan kadang-- dia menjadi seorang yang macam keluar dari kepompong kebiasaan kehidupan manusia atau budaya hidup manusia ye tak. Bercakap sorang-- kadang-- merayau tak tentu hala. Sebenarnya dia mencari sesuatu, untuk diri dia penghayatan dia, supaya dia boleh menghasilkan persembahan dia lakonan dia dalam keadaan yang agak rela. Itu yang dikatakan kualiti dalam lakonan. Cari--. Kak Ogy Ahmad Daud [pelakon wanita] kata apa, “Gali--”. *Alright* [Baiklah].

NN: Itu satu bentuk perubahan lah?

RS: Yes [ya]. Kadang-- kita jadi dia jadi hidup kita ni tak berpijak di bumi yang nyata, tak seperti kehidupan kita yang sebenarnya. Sebab kita sentiasa berimajinasi, kita sentiasa membayangkan sesuatu, kita kadang-- tak sememana kita pergi buat benda-- bukan normal. Norma-- kehidupan kita sendiri.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Mereka membuat sesuatu seperti yang dikehendaki. Kan. Dalam cerita yang kita nak. Dia jadi macam tu lah (Sambil ketawa kecil).

SNN: Jadi kita akan berehat dulu dan sambung selepas ini.

SNN: Okey em sebentar tadi Pak Lan ada menyebut tentang Pak Lan pernah berkerjaya sebagai seorang guru. Boleh Pak Lan ceritakan sedikit dimanakah tuan- dimanakah Pak Lan berkhidmat sebagai guru itu?

RS: Pak Lan mulakan kerjaya sebagai guru selepas keluar daripada maktab perguruan bermula di Sekolah Kebangsaan Kerayong, Kerian, Pahang [Malaysia]. *And [dan] then* [kemudian] selepas itu, Pak Lan berpindah ke Sekolah Kebangsaan (Felda) Keratong satu [1]. Sekolah Kebangsaan Felda Keratong satu [1] juga di Pahang [Malaysia]. Ha tapi dia dalam daerah Rompin [Pahang, Malaysia] dan Pak Lan sebagai guru pun tak lama sebenarnya (berfikir sejenak). Tempoh enam [6] tahun Pak Lan-- sebagai guru. Dalam tempoh enam [6] tahun lepastu Pak Lan berhenti. Tahun lapan puluh empat [84] kot Pak Lan berhenti sebagai guru.

SNN: Pada ketika itu, apa mata pelajaran yang Pak Lan ajar di sekolah?

RS: Pak Lan ni mengajar sekolah rendah. Kalau ikut sijil, guru sekolah rendah ni dia mengajar oleh apa sahaja mata pelajaran. Tapi Pak Lan memilih mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Sejarah. Pak Lan lebih suka mengajar mata pelajaran bahasa dan sejarah.

SNN: Mengapa Pak Lan memilih subjek itu?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Sebab bahasa ni--. Memanglah Pak Lan memang daripada zaman sekolah pun Pak Lan suka mata pelajaran bahasa ni. Penguasaan tentang penggunaan bahasa ni penting untuk anak-anak lah di peringkat sekolah rendah ni. Kadang-- mereka boleh berbahasa tapi dari segi kefahaman menulis bahasa ni banyak- yang- salah--. Jadi, bersesuaian dengan minat Pak Lan. Pak Lan nak anak-- ini boleh berbahasa dan boleh menulis dalam bahasa yang betul. Kerana itu, Pak Lan memberi pengkhususan dan tumpuan kepada subjek itu. Baik dari segi tatabahasa ke, nahu ke, perkataan ke, suku kata ke, subjeknya ke, predikatnya ke, ya. Kata kerjanya ke, kata namanya ke. Jadi benda-- ini nampak memang mudahlah tapi dari segi penyampaian, pengetahuannya, penulisannya itu penting. Itu sebabnya Pak Lan tidak me- apa orang kata tidak menumpukan sangat kepada pengajaran bahasa ini di peringkat anak-- yang di tahun satu [1], dua [2], dan tiga [3]. Pak Lan lebih suka mengajar anak-- yang- diperingkat tahun empat [4], lima [5], enam [6] dan besar. Maknanya anak-- yang akan sampai ke tahun-- peperiksaan. Tahun penting peperiksaan. Bukanlah Pak Lan memilih atau menolak mengajar anak-- yang rendah peringkat yang itu tapi Pak Lan lebih suka pengkhususan begitu. Supaya kita tidak bercampur-aduk untuk memberi tumpuan kepada anak-- di peringkat tahun empat [4], lima [5], dan enam [6]. Begitu juga dalam mata pelajaran sejarah. Pak Lan memang suka mata pelajaran sejarah sebab Pak Lan memang banyak buku-- rujukan sejarah dan sebagainya dan di masa sekolah pun memang Pak Lan melihat prestasi Pak Lan dalam subjek sejarah ni sangat baik sampai sampailah ke tingkatan enam [6]. Subjek sejarah dan Pak Lan rasa Pak Lan lebih mahir la tentang sejarah Negara kita ke, sejarah negeri-negeri Melayu ke , rantauan ini ke, sejarah tentang Asia Tenggara ke.

SNN: Em tadi sebentar tadi tuan mengata- ada Pak Lan ada mengatakan yang Pak Lan berhenti mengajar. Jadi mengapa Pak Lan mengambil tindakan drastik itu?

RS: Ada beberapa sebab. Yang pertama Pak Lan dah menghasilkan- pada ketika itu nampak macam bidang pendidikan sekolah rendah dah tak se-

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

seiring dengan perkembangan hidup Pak Lan. *You [awak]* faham tak? Contohnya Pak Lan dah terbiasa kehidupan Pak Lan mendahului zaman Pak Lan. Mungkin di peringkat sampai ke enam [6] tahun selepas Pak Lan mengajar, Pak Lan rasa Pak Lan bukan di tahap itu lagi. Pak Lan dah pergi dan dah berpikir benda yang lebih jauh, sepuluh [10] lima belas [15] tahun akan datang. Jadi kalau Pak Lan masih bertahan di pe- tahap itu, dalam tempoh itu maknanya Pak Lan tak ber-

SNN: Tiada perubahan.

RS: *Yes [Ya]. Urbanisasi, pembangunan itu takde. Improvement-- [Peningkatan--]. Kemajuan Pak Lan dalam kehidupan Pak Lan.*

NN: Maksudnya Pak Lan ni seorang yang tak suka bekerja dalam--.

RS: Statik.

NN: Statik, mendatar, sama. Mesti akan nada naik--.

RS: *Yes [Ya] pandai. Pak Lan nak benda-- tu.*

NN: Cabaran--.

RS: Dalam satu tempoh, macam Rancangan- Malaysia-- lah. Dalam satu tempoh, Pak Lan mesti nak ada satu tempoh lain. Dalam satu tempoh, mesti nak ada satu *achievement* [pencapaian] lain. Jadi, benda-- ini Pak Lan tengok daripada tahun pertama Pak Lan mengajar sampai tahun kedua, keenam Pak

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Lan rasa takde satu benda yang nampak dan nyata dalam diri Pak Lan. Sedangkan Pak Lan dah berpikir sepuluh [10] lima belas [15] tahun kedepan tentang kehidupan Pak Lan. Itu yang menyebabkan Pak Lan--

SNN: Berhenti.

RS: Berhenti. *Good* [bagus]. Itu yang pertama dan yang lain seperti Pak Lan katakan tadi, Pak Lan tak reti nak melayan budak-- la kan. Kalau Pak Lan dah terjauh berpikir tentang benda kedepan kemudian Pak Lan masih lagi nak berpikir tentang anak-- yang di peringkat dalam tempoh itu maknanya Pak Lan tak kemana lah. Biarlah guru-- yang

NN: Sedia ada.

RS: Sentiasa itu kan. Kehidupan dan kehidupan anak-- kan. Nak bawak anak-- jauh seperti yang kita dah pikir pun tak boleh juga. Mereka pun terkial-kial dengan kehidupan mereka kan. Sebab latar belakang kehidupan anak-- di sekolah sewaktu masa Pak Lan mengajar, diorang baru masuk dari kawasan-- pedalaman di merata tempat berbeza dengan anak-- yang belajar di sekolah di peringkat menengah sekolah yang maju. Sebab sejarah persekolah awal yang Pak Lan mengajar, anak-- belajar di rumah peneroka bukan dari- di bangunan sekolah.

NN: Kiranya sekolah tu-

RS: Diorang belajar di sekolah peneroka yang-- masih kosong, sebiji--. Yang belajar tak ada buku, tak ada kerusi. Diorang belajar meniarap dulu, (sambil membuat mimik seperti sedang menulis) belajar meniarap kat lantai. Tak ada kerusi, tak ada meja. Itu sejarah persekolahan la, sejarah Pak Lan mengajar la.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Susah (ketawa kecil). Berbeza kalau sekolah yang siap dengan kerusi meja dia lain. Ada kipas--

NN: Lebih selesa.

RS: Ada tingkap, ada apa. Kelas yang biasa. Lain dengan bilangan anak murid yang elok kan yang sesuai, yang diperuntukkan. Ini selagi-- boleh isi, selit dalam sebuah rumah peneroka untuk belajar. Kita dulu ada sepuluh [10] ke dua belas [12] rumah peneroka yang kosong di *reserved* [simpangkan] kan untuk jadi bilik darjah dengan bilangan murid yang lebih kurang lapan ratus [RM800] ke seribu [RM1000].

NN: Yang berasak-asak.

RS: Pagi dan petang, memang padat. Satu kelas kalau empat puluh [40] orang, empat puluh lima [45] orang, bayangkan. Sedangkan kelas yang biasa sebesar ini pun kadang-- kita nak isi budak kira empat puluh [40] orang, tiga puluh [30] orang padat nak susun bangku kerusi kan. Jadi kau meniaraplah selit--.

NN: Ikut keselesaanlah belajarnya?

RS: Itu ada sejarah dia, sejarah Pak Lan mengajar dalam keadaan persekolahan yang tidak menepati kriteria sebuah bangunan sekolah, ha. Takde paip takde, elektrik takde (ketawa kelat). (Mengangguk) Susah.

SNN: Serba kekuranganlah. Jadi selain daripada bekas tenaga pengajar dan sebelum Pak Lan menceburkan diri dalam bidang industri lakonan, ap- ada lagi tak bidang lain yang Pak Lan libatkan diri?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Berhenti mengajar, berhenti dari guru Pak Lan meniaga. Pak Lan meniaga dulu.

SNN: Berapa lama tu meniaga?

RS: Meniaga pun tak lama.

SNN: Meniaga apa?

RS: Meniaga pun dalam dua [2] tiga [3] tahun jela orang kata. Sementara Pak Lan mencari satu kerjaya lain yang itu kan. Sebab sementara-- sebab sebelum Pak Lan berhenti, Pak Lan pun ada buat meniaga samping-

SNN: Oh sambilan.

RS: Ha sambilan eh. Bila Pak Lan berhenti mengajar, Pak Lan teruskanlah meniaga tu. Sementara mencari satu kerjaya. Pak Lan tak berasas- Pak Lan tak *basic[asas]* kan perniagaan itu terdiri sebagai satu sumber kehidupan Pak Lan sebab itu ialah kerja sambilan. Tapi, bila Pak Lan berhenti takde sumber pendapatan, Pak Lan buatlah tumpu pada perniagaan tulah. Pak Lan ada bukak kedai dulu, buat *stationary* [alat tulis]. Kedai- buku alat tulis dan sebagainya dan selain daripada buku Pak Lan buat barang-- serbaneka sedikitlah yang jual benda-- begitulah. Tahun lapan puluh [80]- selepas berhenti tahun lapan puluh lima [85] lah Pak Lan teruskan perniagaan tu kan. *And [dan] then [kemudian]*, Negara kita mengalami kegawatan kot.

NN: Inflasi?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Dr. Mahathir mengeluarkan memperkenalkan istilah gawat Negara kita gawat tahun lapan puluh tujuh [87] lapan puluh enam [86] ke lapan puluh tujuh [87] macam tulah. Tempoh itulah.

SNN: Haah tempoh itulah.

RS: Dia bermula dah terasa tahun lapan puluh lima [65] kegawatan tu. Itu masa tu Pak Lan duduk di kawasan kelapa sawit kan. Jadi, harga kelapa sawit menurun kan. Negara ekonomi tak menentu apa semua kan. Jadi gawat la, punca pendapatan dah jadi susah ya. Ha tahun lapan puluh enam [86] kot, lapan puluh lima [85] dah mula lapan puluh tujuh [87] dah rasa semakin memuncak. Jadi, tahun lapan puluh tujuh [87] dari segi perniagaan Pak Lan pun dah mula tak menjadi sangat. Pak Lan kata “ni dah nampaknya macam ada sesuatu yang dah tak kena kan. Tu yang Pak Lan tukar kerjaya. Pak Lan tak bolehlah tumpu kepada--

NN: Betul.

RS: kerjaya meniaga yang dah nampak macam--

NN: Tak ada perkembangan?

RS: Tak- ada-- sesuatu yang kuat untuk--

NN: Bertahan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Untuk Pak Lan bertahan. Mesti cari sesuatu punca lain. Itu yang mulanya kerjaya sebagai pelakon. Awalnya macam itulah. Sambil-- bermiaga, Pak Lan berlakon la. Ada ruang-- ada peluang-- untuk Pak Lan berlakon, Pak Lan berlakon la. Macam tula maksudnya. *And [dan] then [kemudian]* selepas itu Pak Lan balik ke Melaka [Malaysia].

SNN: Selepas--

RS: Tahun lapan puluh tujuh [87] tak silap.

SNN: Oh kiranya perniagaan itu di Pahang?

RS: Haah di Pahang [Malaysia]. Pak Lan tukar. Pak- Lan-- seorang yang berani menukar kerjaya.

NN: Sahut cabaran.

RS: Pak Lan berhenti mengajar pun, Pak Lan nekad berhenti kan. Dah ada jawatan tetap-- dan berpencen pun Pak Lan berhenti. Bila Pak Lan kata *no* [tidak], *no* [tidak]. *Then* [kemudian], meniaga. Meniaga tak jadi bukak kedai lain. Bermula tahun lapan puluh tujuh [87], Pak Lan daripada Pahang [Malaysia] balik ke Melaka [Malaysia]. Di Melakan [Malaysia] lah Pak Lan mula berlakon. Di Melaka [Malaysia] pun, Pak Lan *involve* [terlibat] dengan dunia seni, berteater. Pak Lan ada *join* [sertai] *group* [kumpulan] Bangsawan Melaka. Pak Lan *join* [sertai] *group* [kumpulan] Teater Amateur Melaka. Pak- Lan-- *involve* [terlibat] juga dalam--

SNN: Haah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Dunia seni ni, dalam dunia lakonan pentas ni. Pak Lan tak- Pak Lan macam mana pun tak-- lari daripada dunia seni ni.

SNN: Oh kiranya sewaktu pak Lan sedang melakukan perniagaan itu, Pak Lan juga terlibat secara sambilan lah?

RS: Pak Lan keluar mengajar pun, Pak Lan masih terlibat--

SNN: Oh.

RS: Dengan kegiatan seni ini. Pak Lan terlibat dengan belia, Pak Lan tubuhkan *group* [kumpulan] teater belia di Felda.

SNN: Oh Pak Lan sendiri yang tubuhkan?

RS: Pak Lan menjadi jurulatih, tenaga pengajar kepada belia- pelajar-- pusat latihan felda untuk mengajar tentang teater. Kemudian, membawa kumpulan belia bertanding teater di peringkat yang lebih tinggi ya.

SNN: Kiranya itu adalah apa yang Pak Lan lakukan semasa Pak Lan menjadi seorang guru, Pak Lan juga mengetengahkan pementasan teater.

RS: Yes [ya]--. Pak Lan tak berhenti, aktiviti teater ni Pak Lan tak berhenti. Pak Lan terus-

SNN: Teruskan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Dalam apa tempoh pun Pak Lan teruskan. *And [dan] then [kemudian]* bila Pak Lan berhenti meniaga, balik ke Melaka [Malaysia] Pak lan *involve* [terlibat] dengan persatuan-- teater di Melaka [Malaysia]. Itu yang Pak Lan terlibat dengan Bangsawan Melaka, group Teater Amatur Melaka [Malaysia] dan Pak Lan pernah mementaskan beberapa persembahan semasa Pak Lan *join* [sertai] *group* [kumpulan]-- ini dan pada musim-- itu jugaklah banyak *producer* [penerbit], *production* [pengeluaran] yang datang ke Melaka [Malaysia] untuk membuat penggambaran dan dari situ lah bermulanya--

NN: Kerjaya.

RS: Kerjaya Pak Lan sebagai pelakon apabila mereka mencari pelakon-- tambahan yang di Melaka [Malaysia] lah bila mereka turun untuk membuat penggambaran. *Involve* [terlibat] la. Pak Lan *involve* [terlibat] la, terlibat lah sebab sekali dua kali diorang *try* [cuba] ambil Pak Lan berlakon dia nampak Pak Lan ni macam ada bakatlah.

NN: Boleh pergi jauh.

RS: Boleh pergi jauh kan dengan sokongan dan dorongan daripada orang-- yang terlibat dalam dunia ini, pengaruhnya ke pengurusannya ke, Pak Lan semarakkan la bakat yang ada pada Pak Lan ini yang sikit-- ini dengan ketidakhensemnya Pak Lan ini.

SNN & NN: (Ketawa kecil)

RS: Dalam bidang ini kan dan akhirnya Pak Lan berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia] untuk mengorak langkah menjadikan sebagai kerjaya dalam kehidupan Pak Lan. Okey.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Em tadi Pak Lan ada sebutkaan yang Pak Lan terlibat dengan pementasan teater kan, Pak Lan masih ingat lagi tak pementasan teater yang pertama sekali?

RS: Pementasan teater ke pentas?

SNN: Pentas.

RS: Kalau pentas, Pak Lan- pertama sekali berlakon dalam tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan [1999], tajuknya “Kerbau”. Sekolah rendah lagi.

SNN: Oh.

NN: Berkisarkan tentang apa?

RS: Tentang Pak Lan la, budak kampung yang jaga kerbau. Kalau di kampung kan budak-- rajin bawa kerbau pergi makan kan. Kemudian kerbau Pak Lan merayau. Pak Lan tertidur, bila tersedar daripada tidur kerbau Pak Lan dah tak ada, hilang. Kononnya la dalam cerita tu la. Pak Lan cari la kerbau Pak Lan, Pak Lan cari-- sampai la senja jumpa satu gua. Merayau-rayau sampai ke sebuah gua. Pak Lan masuk ke dalam gua tu, takut kerbau masuk dalam tu tapi tak jumpa. Pak Lan cari tapi terjumpa dalam gua tu kan ada istana. Istana ni kepunyaan apa, kepunyaan nyamuk.

SNN: Nyamuk? (terkejut) (sambil ketawa kecil).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Kerajaan nyamuk (sambil ketawa kecil).

RS: Kerajaan nyamuk. Penceritaan Pak Lan macam ni la, lepas tu Pak Lan kata apa cari kerbau tak jumpa apa semua. Pak Lan bertanyalah penduduk istana “ada nampak tak ini--“. Kemudian, Pak Lan ditangkap menghadap Raja Nyamuk. Ada la cerita dia sampai habis, tapi kita tak mahu cerita yang itu (sambil menggerak tangan secara rawak).

NN: Dia genre fantasi (sambil menggerakkan tangan).

RS: Ha betul. Kalau itu Pak Lan pun-- akhir cerita dalam pertemuan Pak Lan dengan istana, genre apa kehidupan dalam istana nyamuk semua tu. Akhirnya, Pak Lan diberi pilihan

SNN: Haah (sambil mengangguk).

RS: Nak apa oleh Raja Nyamuk. Raja Nyamuk ni la kata kononnya la. Bagi pilihan apa, nak apa. Pak Lan pun kata gini-- Raja Nyamuk pun menjalankan majlis untuk memberi penganugerahan itu, pilihan itu. Sehinggalah Pak Lan terjaga. Sehinggalah Pak Lan

SNN: Terjaga.

RS: Terjaga, rupanya Pak Lan mimpi (sambil ketawa tersipu malu).

SNN: (Sambil ketawa kecil).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Oh patutlah berkisarkan macam fantasi kan.

RS: (sambil tergelak besar).

NN: Okey soalan seterusnya adalah, boleh Pak Lan ceritakan tentang kerjaya Pak Lan dalam industri seni?

RS: Apa lagi kerjayanya? Berlakon la.

NN: Pada tahun bilakah Pak Lan mula menceburkan diri dalam bidang lakonan?

RS: Pada dasarnya, asalnya tahun lapan puluh tujuh [87]. Tahun lapan puluh tujuh [87] la dan Pak Lan melalui bidang lakonan daripada peringkat bawah. Pak Lan tak terus melonjak tinggi. Dari peringkat bawah. Pak Lan duduk di Melaka [Malaysia] Pak Lan katakan tadi kan dari tahun Pak Lan sebutkan tadi. Kemudian apabila *production* [produksi] banyak turun ke Melaka (Malaysia), sebab pada masa itu drama-- swasta ini telah banyak bercambah sama ada di RTM ke TV3 ke yang-- stesen tv [televisyen] swasta pada waktu itu kan. Jadi, dah mula bercambah Pak Lan mula la dipanggil berlakon, ditawarkan berlakon walaupun watak kecil ke eh Pak Lan ambil la. Pak Lan terima la kan. Akhirnya Pak Lan dapat me- ningkatkan kebolehan Pak Lan di-- bidang seni lakon ini lebih jauh, lebih ke- depan--.

NN: Jadi secara rasminya tu Pak Lan menceburi bidang lakonan ini pada tahun bila? Secara rasminya la.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Secara rasminya tahun lapan puluh sembilan [89]. Itu lapan puluh sembilan [89] Pak Lan eh- lapan puluh embilan [89] sembilan puluhan [90].

NN: Boleh saya tahu pada tahun bilakah Pak Lan secara rasminya menceburkan diri dalam bidang lakonan ini?

RS: Secara rasminya tahun 1987. Pak Lan dah mula menerima tawaran untuk berlakon. Tapi secara seriusnya Pak Lan ingat tahun sembilan puluh [90] lah. Yang mana sepenuh masa Pak Lan dah mula bergerak sebagai seorang pelakon. Dengan menerima tawaran-- yang- di-- tawarkan ya. Dah mula belajar *deal* [persetujuan] harga, dah mula melihat watak yang ditawarkan, dan secara seriusnya sembilan puluh [90] lah.

NN: Jadi sudah berapa lamakah Pak Lan dalam industri bidang lakonan?

RS: Tiga puluh [30] tahun lah lebih kurang. Lebih kurang tiga puluh [30] tahun lah.

NN: Pada ketika itu adakah Pak Lan menjangkakan yang Pak Lan boleh bertahan dalam industri lakonan sehingga ke hari ini?

RS: Kalau berdasarkan kepada perkembangan industri drama, filem, pada masa itu, dan berdasarkan kepada bakat yang ada, pengalaman pentas yang ada, Pak Lan memang begitu yakin yang Pak Lan boleh bertahan dalam jangka masa yang lama. Cumanya, mungkin pakej yang penuh takde pada Pak Lan (sambil menunjuk diri sendiri). Sebab nak jadi pelakon ni kadang-- mesti ada pakej yang istimewa.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Sebagai contoh?

RS: Sebagai contoh ada ketinggian yang sesuai, ada muka yang hensem, ada susuk tubuh yang sado [gagah], ada ilmu yang tinggi, muka yang cantik, macam-- lah pakej tu kan. Tapi pada Pak Lan walaupun tak secukupnya, tapi Pak Lan percaya Pak Lan ada pakej dari segi---

SNN: Bakat.

RS: Bakat , kesungguhan, ilmu seni lakon tu ada lah sikit--, kemahiran berlakon pun adalah sikit-- berasaskan kepada pentas dan teater dan kesungguhan. Kesungguhan Pak Lan tu mungkin berbuak-buak pada ketika itu untuk- menjadi- seorang-- pelakon. Apa lagi setelah Pak Lan ada pengalaman ditawarkan, diminta berlakon watak ini, diceritakan “haa engko sesuai dengan karakter yang macam ni kan”. Jadi sokongan-- yang macam ni yang menyebabkan Pak- Pak Lan begitu yakin untuk bekerjaya sebagai seorang pelakon (sambil membuat pergerakan tangan).

SNN: Jadi pada ketika itu, apakah reaksi keluarga Pak Lan terhadap penglibatan Pak Lan dalam industri lakonan?

RS: Kalau keluarga Pak Lan yang sebenar, keluarga Pak Lan lah (sambil menunjuk diri sendiri), ayah ke mak ke adik beradik ke (sambil menunjuk jari ke jari) mungkin mereka tak bermacam-macam lah fikiran mereka. Macam arwah ayah, dia kate “yeke?--- Dia masih bertanya-tanya sebab Pak Lan pernah bercakap dengan dia, dan Pak Lan berhenti belajar kan, sebab dulu guru pun dia jugak yang suruh amik guru kan. Jadi guru. Tapi Pak Lan berhenti pun Pak Lan cakap dengan dia nak berlakon (sambil ketawa kecil). Nak buat keje lain lah. “Yeke? Boleh ke? Apa ke?” Jadi ada kesangsian. Tapi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Pak Lan-- jenis orang tekad dengan apa yang Pak Lan buat. Pak Lan kata "Ya nak jadi pelakon". Tapi kesungguhan Pak Lan untuk berlakon lah. Sampai betul-- jadi pelakon dan memang hakikatnya Pak Lan dapat buktikan padanya untuk dan dia sempat menonton drama--- yang Paklan berlakon masa hidup dia lah. Maknanya untuk Pak Lan ___. Itu dari segi keluarga___. Keluarag yang tu pun, Pak Lan pada masa itu pun dah berkahwin. Pak Lan dah berkahwin dah ada keluarga sendiri dah ada anak__. Di peringkat awal, kerjaya itu tidak menjadi masalah lah untuk Pak Lan. Kerjaya tu tidak jadi masalah, cumanya mungkin dari segi yelah kefahaman orang terhadap kerjaya kita ni bergaul, macam tu semua tu kan, akan ada sedikit-- kesangsian dari segi kepercayaan dan sebagainya. Tapi Pak Lan tekad, Pak Lan kata, itu semua benda yang luar--, maknanya benda yang kebiasaan dalam kehidupan berkerjaya ini. Tapi yang penting ni (sambil menunjuk diri sendiri) kan.

NN: Diri kita.

RS: Diri kita keyakinan kita kepercayaan kita, pembawaan kita. Kalau kita rasa kita ikhlas jujur dalam kerjaya kita, kita bawa, walaupun ada nyet-- kan. Macam-- kefahaman dan pemikiran yang ada dalam keluarga kita sendiri, baik isteri ke, baik ahli kelurga ke, baik adik beradik ke dan sebagainya. Tapi alhamdulillah, akhirnya kefahaman itu semakin hari semakin menebal yang bahawa kerjaya ini bukan itu keutamannya (sambil menunjuk ke suatu arah). Ha kan? Masalah-- itu boleh jadi, tapi yelah kerjaya ini adalah kerjaya seni. Ha kan kerjaya seni yang cuma kadang-- kehidupan yang kita lalui yang kita nampak macam tu. Okey. Takde masalah. Sampai sekarang. Tapi dah berhenti lagi lah. Takde apa dah. Macam ni je lah Pak Lan.

NN: Jadi--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Tak-pulak-- kalau ada prasangka-- yang tak baik tak lah sampai huru harakan rumah tangga, keluarga, takde. Pak Lan okey je. Okey je sampai sekarang kan (sambil tersenyum gembira).

NN: Harmoni

SNN: Jadi Pak Lan tadi ada mengatakan bahawa ada perasaan kesangsian. Bagaimana pada ketika itu Pak Lan menceritakan atau menjelaskan (membuat gerakan tangan) tentang niat Pak Lan untuk menjadi seorang pelakon?

RS: Kesangsian itu--- antara yakin tak yakin je. Boleh ke hidup dalam bidang ini? Bidang ni bukan bidang yang berpencen. Bukan berjawatan tetap. Kan. Bukan ada jaminan KWSP. Takde. Ini bidang kita sendiri (terbatuk). Bidang yang kita sendiri perlu ada kekuatan dan bidang yang kita sendiri perlu ada peningkatan, bidang kita sendiri yang harus kita fikir. Bagaimana kita nak *survive* [bertahan] kehidupan dengan-- keadaan yang tak menentu tak menjamin. Itu je. Kan itu yang menimbulkan kesangsian dikalangan keluarga dan sebagainya.

SNN: Jadi mereka masih menerima lah--

RS: Masih menerima.

SNN: Takde menolak?

RS: Memang lah diperingkat awal kita bekerjaya apa lagi dalam bidang ini dari segi pendapatan sangat memeritkan. Seperti yang Pak Lan cakap awal-tadi, kita orang baru, orang yang bukan ada nama dan sebagainya, bila ditawarkan suka-hati dia orang lah nak tawarkan berapa nak bagi berapa.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

Bukan kita nak *demand* [permintaan] nak gini-- takde kan. Kita terima je. Tapi bila kita dah rasa kita ada tempat dalam bidang lakonan, *at least* [sekurang-kurangnya] kita letak jugak lah harga berapa yang kita nak harusnya berdasarkan apa yang kita ada.

SNN: Jadi selepas melihat kepada kejayaan Pak Lan dulu berlakon, jadi mereka mula yakinlah dengan pilihan Pak Lan untuk meneruskan dalam bidang lakonan ini?

RS: Ya. Sebab itu Pak Lan boleh kekal dalam bidang seni ini tiga puluh [30] tahun dah.

SNN: Lama.

RS: Tiga puluh [30] tahun dah. Tiga puluh [30] tahun lebih. Itu maknanya kalau nak kira-- kan seumur dengan tempoh berjawatan yang dipegang oleh kakitangan kerajaan. Betul tak?

SNN: Betul-- (ketawa kecil).

RS: Dia orang pun dalam tiga puluh [30] tahun ke empat puluh [40] tahun jugak tapi Pak Lan diperingkat awal bekerja dah ada sepuluh [10] tahun dalam jadi guru, bermiaga apa semua kan, pastu baru Pak Lan tumpukan sepenuhnya sehinggalah Pak Lan pencen (ketawa kecil). Pencen dalam bidang lakonan. Tapi takde pencen tau. (Ketawa).

NN: Jadi siapakah yang bertanggungjawab membawa masuk diri Pak Lan dalam industri lakonan (membuat pergerakan tangan)?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Pak Lan sendiri.

SSN: Oh, takde siapa yang mendorong? Yang membantu?

RS: (Menggeleng kepala). Pak Lan sendiri yang menjerumuskan diri dalam bidang ini. Seperti yang Pak Lan katakan tadi, asasnya Pak Lan terlibat dalam *group* [kumpulan] teater di Melaka, bangsawan ke *group* [kumpulan] bangsawan ke, *group* [kumpulan] teater tu ke tadi, dia orang datang mencari pelakon-- baru, pelakon *extra* [tambahan] dan sebagainya (membuat pergerakan tangan). Sebab dia orang cari dari *group* [kumpulan]—teater, *group* [kumpulan]— bangsawan. Sebab dia orang tahu budak-- dari *group* [kumpulan] bangsawan ini dan *group* [kumpulan]— teater ini dan dah tahu berlakon, tahu penghayatan tahu macam mana berlakon apa semua, jadi mudah. Tahu berdialog, dia datang cari-- dan dibuat ujibakat, *audition* [ujibakat] dan kita melepas-- *audition* [ujibakat] itu. Dan dia orang panggil. Daripada bermula daripada itu lah,bila tiba dia orang datang *shooting* [pengambaran] balik, mana-- *production* [penerbit], bila dia orang mencari-cari, dan kita sendiri kadang--

SNN: Menawarkan diri.

RS: Melalui kenalan-- ke kawan-- ke bertanya-tanya, dipihak pengurusan mereka, “Awak ada *part* [bahagian]-- yang *extra* [tambahan] ke apa ke kan”, kita ni lah kita menawarkan diri lah. Jadi kita sendiri. Kecuali motivasi. Maknanya galakan, daripada *director* [pengarah] ke, kawan-- di bahagian pengurusan ke, budak-- teknikal ke, kalau diawal penglibatan Pak Lan, mungkin dia orang kata kalau Pak Lan nak lebih *advance* [maju] nak lebih tu, *better* [lebih baik] Pak Lan turun KL (Kuala Lumpur). Sebab KL (Kuala Lumpur) ialah *center* [pusat], pusat perkembangan bidang ini, pengambaran ini, kan, di Melaka (Malaysia) di luar-- tempat ni, lokasi-- ini sahaja kan, jadi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

kalau nak sepuh masa, nak lebih serius, nak pergi jauh daripada ada sekarang, berhijrah lah ke Kuala Lumpur (Malaysia). Tu yang Pak Lan mencari wang untuk ke Kuala Lumpur (Malaysia). Tapi nak ke KL (Kuala Lumpur) pun bukan kita pergi bawak diri buta-- macam tu je. Mesti ada persediaan lah. Kita mesti ada *contact* [kenalan]. Kalau kita pergi tak de *contact* [kenalan] tak guna juga lah (tergelak). Kita kena ada *contact* [kenalan]. Sama ada kita *contact* [berhubung] kawan-- dalam pengurusan ke atau kita ada *contact* dengan director nya ke, atau *assistant director* [penolong pengarah] ke mesti ada *contact* [kenalan]. Jadi bila kita turun ke KL (Kuala Lumpur), kita ada orang yang kita hubungi tanya “ada *job* [kerja] tak, ada peluang tak, ada cerita baru ke yang boleh kita selit-- ke apa ke kan.” ha gitulah kita mula macam tu lah. Sehingga lah kita berani turun ke KL (Kuala Lumpur) dan memang diwaktu itu Pak Lan turun ke KL (Kuala Lumpur) pun Pak Lan turun sorang--. Pak Lan tak bawa keluarga. Masatu Pak Lan dah duduk dirumah ini. Masa di Melaka (Malaysia) Pak Lan dah duduk dirumah ini (sambil menunjuk jari di atas meja). Anak isteri ada sekolah apa semua. Pergi KL sorang-- dulu. Sebagai-- pekerja lah mencari kerja lah berhijrah untuk mencari kerja untuk mencari peluang dalam bidang lakonan. Hinggalah Pak Lan berjaya, itu yang Pak Lan di KL (Kuala Lumpur) pun diperingkat awal tidak lah Pak Lan terus rancak berjalan dalam aktiviti lakonan ini. Bergantung pada tawaran juga. Dalam masa yang sama Pak Lan ada kerja-- sampingan lain juga Pak Lan buat. Di KL, selain Pak Lan *join* [mengikuti] *group* [kumpulan]-- teater yang ada di KL. Pak Lan masih lagi. Pak Lan mencari ilmu lakonan melalui *group* [kumpulan]-- teater di KL (Kuala Lumpur). Pak Lan masih mencari lagi. Itu yang Pak Lan *join* [mengikuti] *group* [kumpulan] Hidayah, kumpulan teater Hidayah. Masa itu Pak Lan dah mula berkenalan dengan Dato Jalaludin Hassan [pelakon lelaki]. Kemudian, Azman TanTan, diantara pelakon-- yang ada lah dalam yang- keluar jadi pelakon. Akif juru alam. Beberapa lagi lah. Haji Saleh [pelakon lelaki]. Arwah Haji Saleh. Pun macam tu. Melalui *group* [kumpulan]-- teater ini jugalah Pak Lan berkesempatan dapat peluang untuk berlakon dengan *production house* [rumah pengeluar] yang buat pengambaran di KL (Kuala Lumpur) (sambil membuat pergerakan tangan).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Jadi Pak Lan ada sebutkan antara persediaan yang perlu dilakukan adalah salah satunya mempunyai *contact* (kenalan) lah. Jadi boleh saya tahu siapakah *contact* (kenalan) Pak Lan pada masa itu?

RS: Yang diawal-awal dulu?

NN: (Mengiyakan).

RS: Pak Lan mempunyai beberapa *contact* [kenalan] yang Pak Lan rasa mereka lah sebenarnya yang mungkin menyemarakkan semangat Pak Lan untuk--

NN: Meneruskan.

RS: Untuk meneruskan bidang kerjaya yang-- daripada bakat kecil-- ini. Diantaranya ialah orang-- awal yang Pak Lan masih ingat, arwah, ramai dah jadi arwah dah ni, arwah Othman Haji Zainudin [pengarah filem], bekas-- kakitangan RTM. Sebelum berhenti dia-- banyak bergerak buat skrip lah. Dia lah yang mendorong Pak Lan untuk turun ke KL (Kuala Lumpur). Kau ada bakat, kau ada saiz badan yang diperlukan oleh seorang pelakon ada karakter. Itu dia punya semangat lah turun KL (Kuala Lumpur) dia kata. Dulu Pak Lan *contact* [kenalan] dia. Memang-- di awal-- Pak Lan terlibat secara serius drama-- yang dia dah arah lah yang Pak Lan terlibat. Othman Haji Zainudin. Pak Lan ingat. Cari Othman Haji Zainudin. Di antara ceritanya adalah Siti Zula--- Siti- Zulaikha-- Cerita sepanjang bulan ramadhan. Dulu kan sepanjang bulan ramadhan kan ada cerita-- kisah agama. Kisah agama (sambil membuat gerakan tangan ke belakang). Sekarang, kisah moden-- ni.

SNN: Haah dah lain dah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Dah lain dah. Dulu kisah-- agama. Bulan ramadhan je ada-- episod cerita-- agama. Begitu juga arwah Haji Zainudin eh (tersilap kata) arwah Othman Haji Zainudin. Kemudian, Ash Ahlan [pelakon lelaki], Ahmad Ibrahim, Mad London [pengarah filem], kemudian arwah-- Izi Yahya [pelakon lelaki]. Eh banyak lah diperingkat-- awal tu yang-- Pak Lan-- arwah Yahya Awang. Ini semua kebanyakkan bekas-- daripada RTM. Kemudian swasta-- ni daripada TV3 apa semua tu kan, yang kemudiannya lah. Mula-- banyak daripada RTM.

NN: Jadi adakah Pak Lan masih lagi menghubungi mereka yang masih hidup ini?

RS: Yang masih hiup ini, memang lah. Ada beberapa orang je lagi.

NN: Masih menghubungi lagi lah?

RS: Masih--

NN: Berhubungan?

RS: Hubungan tu kekal. Walaupun kadang-- kita terpisah dengan hubungan-- bertalifon ke, tapi bila ada majlis--

SNN: Keramain.

RS: Perjumpaan ke apa semua tu kita jumpa, mesyuarat ke, masjlis-- rasmi lah, seniman ke, kawan—ke kan, kita berjumpa balik, masih berhubungan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Jadi masih berhubungan lah dengan mereka yang terlibat ni

RS: Yes [ya]. Masih ada kenangan (sambil menekankan suara).

NN: Masih ada kenangan (tergelak).

RS: Tiga puluh [30] tahun yang dulu-- punya sejarah penglibatan Pak Lan yang dibawa oleh orang-- ini.

NN: Jadi sebentar tadi Pak Lan ada menyebut tentang drama atau filem Siti Zulaikha. Adakah filem atau drama tersebut merupakan yang pertama Pak Lan berlakon?

RS: Eh (menafikan) tak--. Sebelum-- tu- dah-- banyak dah cerita--. Tapi cerita yang-- kita nampak muncul lah. Khusus. Bulan puasa. Sepanjang bulan puasa hari-- ada je cerita tu kan. Jadi Pak Lan menganggap, cerita itu lah cerita yang bermula kerjaya Pak Lan dilihat oleh penonton setiap hari. *Alright* [betul]? Sebab cerita bersiri ini dia mainkan peranan juga. Orang tak kenal artis tak kenal ke apa itulah-- siri-- yang orang tengok hari--. Sebelum bukak puasa dah terjenguk kat tv tengok.

NN: Yang tak kenal jadi kenal.

RS: Jadi kenal. Cerita bersiri. Kalau cerita-- yang satu-- ni--

NN: Masa tu je lah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Masatu je. Lepastu kan orang dah--

NN: Pastu lupa.

RS: Pastu orang lupa kan.

SNN: Jadi adakah Pak Lan masih mengingati tajuk ataupun tajuk drama atau filem pertama yang Pak Lan bintangi?

RS: (Tergelak) Drama tak ingatlah.

SNN: Filem?

RS: Banyak sangatlah drama tu. Ada. Tapi bermula di- Melaka (Malaysia)--lah (ambil menunjuk jari ke arah sana). Pengarahnya Pak Lan ingat. Pengarahnya S. Sahlan [pengaruh filem] tapi tajuk ceritanya Pak Lan tak ingat. Pengarahnya S. Sahlan.

NN: Pada tahun bila tu?

RS: Tak ingatlah.

NN: Masa betul awal--

RS: Awal--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Sewaktu di Melaka (Malaysia) lah?

RS: Di Melaka (Malaysia). Kemudian filem pertama Pak Lan terlibat adalah *Yes Bos*. Kalau tak salah Pak Lan lah. *Yes- bos-* ataupun-- yang nampak lah yang nampak, Yes Bos tu adalah sikit. Kemudian selepas tu ada satu lagi filem lagi tapi Pak Lan tak ingat dah pengarah dia Yue Isyari. Pak Lan tak ingatlah apa nama. Kemudian yang muncul nampak-- yang muncul ialah filem *Sembilu dua* [2]. Yang Pak Lan kacau Ziana [pelakon wanita] dalam lif, yang Pak Lan bergaduh dengan Awie [pelakon lelaki] naik motor dulu tu kan.

NN: Sembilu Dua [2].

RS: *Sembilu dua* [2]. Itu yang nampak. Itu tahun sembilan puluh empat [94], sembilan puluh lima [95] macam tu lah lebih kurang.

SNN: Saya layan waktu kecil--.

RS: Ha? (Dalam nada bertanya)

SNN: Haah masih layan lagi tahun 1999. Masih ada.

RS: Ya? Ha itu filem. Kemudian diikuti dengan filem-- lain. Walaupun tak-- besar, tapi adalah Pak Lan terlibat dengan filem-- yang-- sama ada filem yang *top* [teratas] atau tak *top* [teratas].

NN: Jadi kita ambil lah satu filem eh, *Sembilu Dua* [2], boleh Pak Lan ceritakan sedikit tak tentang filem atau drama tersebut?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Nak mengingatkan balik cerita tu macam mana ya?

NN: Sinopsis.

SNN: Haah jalan cerita sedikit sahaja.

RS: Itu kisah Awie [pelakon lelaki], Ziana [pelakon wanita], dengan siapa, Era? Era [pelakon wanita] ada tak terlibat waktu tu?

NN: Rasanya ada.

RS: Terlibat tak? Era [pelakon wanita] dah ada dah Era, Awie soal percitaan dia orang lah. Cinta- tiga- segi- lah-- (ketawa). Awie dengan motor dia. Apa semua kan. Ada kononya bercinta dengan Era ke dengan Ziana ke. Kemudian ada diselitkan dengan Pak Lan kacau Ziana dengan bergaduh dengan Awie, nak perangkap dia apa semua kan. Tapi sebenarnya semua ini perancangan Pak Lan dengan Ziana kan (sambil membuat gerakan tangan kesana dan kesini).

NN: Oh

RS: Kan. Pakatan tu. Penceritaan tu. Kemudian dia orang bercinta apa semua. Pak Lan pun dah lupa dah lama kan dengan jalan cerita tu (sambil menggosok rambut dan seluruh kepala).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jadi pada awal kerjaya Pak Lan dalam industri seni ini, siapakah yang banyak membantu Pak Lan dalam menjawai watak sewaktu awal mula bergiat dalam bidang ini.

RS: Tak- de- siapa- lah--. Kita sendiri lah yang menjawai watak. Kemudian kalau tak kena dengan watak itu kita bawak, ditegur lah oleh *director* [pengarah] ke kan. Itu je lah. Habis selalunya, dipering... itu jelah. Dalam--... sampai sekarang pun kalau kita dalam membawakan watak yang ditawarkan oleh kita, jadi kalau sekiranya pembawakan watak kita tak betul, akan ditegur, dan diperbetulkan juga lah. Apa, seperti yg dikehendaki oleh pengarah. Tapi dulu pun macam tu juga. Sebab kita diserahkan skrip kemudian kita baca, kita fahamkan sendiri, kan. Kemudian, dapatlah kita nak tahu wataknya a ke b ke c ke (ambil menunjuk jari ke atas).

SNN: Jadi, pada awal pengalaman awal kerjaya Pak Lan bagaimanakah penerimaan masyarakat pada ketika itu?

RS: (Berdehem) Kalau masyarakat kampung, takde apa-- la sebab Pak Lan dah berhijrah. Jadi kampung tak tuluh apa keadaannya dengan Pak Lan sebab Pak Lan takde di kampung. Kalau masyarakat di tempat tinggal baru, Pak Lan di bandar biasa je.

NN: [Mengangguk]

RS: Takde apa pun kan sebab mereka tak kenal Pak Lan. Pak Lan hadir sebagai pelakon. Kalau masyarakat kampung yang dipersekitaran kampung Pak Lan dah tentu mereka kenal. Tapi, kita tak sepenuh masa tak banyak masa dengan mereka. Sekali-- je kita muncul kan. Memanglah kalau kita muncul sekali-- balik kampung kan, jumpa dengan masyarakat kampung, sedara-mara kita di kampung kebanyakannya di kampung sekitar rumah kita memanglah diorang seronoklah “pelakon balik”.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Masa tu bila dah terkenal lah?

RS: Bukan terkenal la, seronok lah bila ada ahli keluarga yang jadi pelakon kan. Ha macam tu je la (sambil mengusap muka).

SNN: Jadi, pada awal kerjaya Pak Lan tu, apakah jenis pembawaan watak yang sering dibawakan yang sering ditawarkan oleh pihak produksi kepada Pak Lan?

RS: Di peringkat awal zaman muda-- memang Pak Lan ni muka-- orang kata muka jahat.

NN: (Sambil ketawa kecil).

RS: Muka kasar la.

NN: Haah muka garang.

RS: Atau istilah orang muda-- ialah muka pecah pintu.

NN: Uih (sambil ketawa kecil).

SNN: Muka penyangak.

RS: Ha muka penyangak, ha pandai. Ha! Nak mengata Pak Lan la tu [nada bergurau].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Eh tak-- (sambil ketawa kecil) (sambil menggelengkan kepala).

RS: Muka penyangak, memang banyak watak-- yang diberi watak-- yang antagonis la.

NN: Oh (sambil mengangguk).

RS: Watak yang garang, watak yang melawan arus ni kan.

NN: Ya betul.

RS: Watak yang jahat-

NN: Yang berunsur negatif.

RS: Yang tak baik semua watak kat Pak Lan la. Ha kan. Muda-- itu la kebanyakkannya watak-- yang dapat.

SNN: Boleh Pak Lan ceritakan lebih sikit tentang watak antagonis yang selalu Pak Lan ditawarkan tu?

RS: Watak antagonis ni watak jahat je la ya yang bertentangan dengan abad budaya kehidupan manusia. Kadang-- kita kena bawa dalam keadaan yang agak *over* [lebih] sikit baru nampak- dia- punya- perbezaan antara orang baik dengan orang jahat kan. Kalau kita tak mau *over* [lebih], mungkin kita kuranglah dengan tak--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Tak menonjol.

RS: Jadi la kejahatannya tu. Tak nampak la kerakusannya ke, keganasannya ke kan. Tapi watak antagonis ini bagi Pak Lan, Pak Lan lebih selesa sebab dia tidak terhad, dia tidak menghadkan kita punya pembawaikan karakter, lakonan.

NN: Emosi bebas.

RS: Ha emosi kita agak bebas, pergerakan kita, *body language* [bahasa badan] kita, suara kita mungkin agak tidak terbatas la eh.

NN: Betul.

RS: Kita boleh melontarkan, lagi menggerakkan lebih--

NN: Lebih agresif.

RS: Jadi kepuasan berlakon dari segi perwatakan agak lebih. Itu sebab Pak Lan lebih seronok watak antagonis ni sebenarnya. Ha takde la orang kata nak watak yang romantik sebagai hero, watak sebagai mengayat-- je kan, watak yang sopan-- je kan. Jadi rasa macam tak lepas, tak terba- tak apa, macam terbatas dari segi kita nak menyampaikan lakonan kan. Itu sebab nak watak antagonis Pak Lan masuk. Nak jadi penyangak ke, nak jadi penyamun ke, nak jadi gangster ke, nak jadi komunis ke, nak jadi orang jahat apa pun ha Pak Lan terima (sambil menggerakkan tangan secara rawak).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jadi, bagaimana reaksi penonton terhadap watak yang Pak Lan bawakan iaitu watak jahat tu?

RS: Er bergantung- kepada-- kefahaman individu itu sendiri la. Kalau watak itu watak yang jahat, watak yang ganas yang- memang-- bertentangan sangat dengan adab budaya kehidupan masyarakat seperti di dalam gambar yang digambarkan memang diorang tak suka la, diorang benci la. “Menyampah betul aku tengok muka dia ni!” “Ee menyampah betul!” kan “Jahat naw!” kan. Jadi memaglah, akan- ada la persepsi atau pun apa ni tindak balas, respon daripada orang ramai. Begitu juag kadang-kadang benda itu dia tengok dalam tv, dalam lakonan kita bila keluar pun dia tengok kita macam “Sakit hati je” kan “Dengki sangat dalam cerita”. Nak mengurat pun payah.

NN: [Ketawa sakan].

RS: Ya kan. Sebab ada rasa kebencian tu. Kebencian tu sebenarnya dalam lakonan. Kemudian, bila di luar kita niat nak- kita mengayat sikit ke apa dah tak boleh kan sebab kebencian ditonton kita bawa dalam kehidupan realiti. Itulah.

SNN: Jadi, adakah watak antagonis itu masih lagi dibawakan sehingga kini ke atau pun sudah tidak ditawarkan lagi?

RS: Dia apabila Pak Lan sudah berusia, dah meningkat usia. Pak Lan nampak la perubahan-- tawaran watak itu kan dan lagi pun Pak Lan dah mula banyak karakter yang dari pelbagai jenis cerita kan. Jadi, orang melihat, *producer* [penerbit] melihat, *director* [pengarah] melihat biarlah watak jahat ini bagi orang-- baru yang-- muncul kan dan menyerlah. _____. Dan untuk Pak Lan ni dengan beberapa cerita karakter lain pun menjadi. Jadi orang baik

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

menjadi, jadi orang miskin jadi, jadi orang kampung jadi. Jadi, karakter tu dah berubah. Jadi bila dah berumur, jadilah bapak, jadilah datuk, jadilah ustaz kan, jadilah ketua kampung. Jadi, berubahlah--.

SNN: Jadi apakah pengalaman awal Pak Lan di set penggambaran?

RS: [Sedang berfikir] pengalaman untuk menyesuaikan diri, menghadap kamera la. Itula sebab di peringkat awalnya kita tak tahu lagi bagaimana teknik penggambarannya kan. Contoh la kadang-- *director* [penerbit] pesan bila berlakon bila bercakap “Jangan pandang kamera” kan “Jangan pandang kamera” dia kata. Kadang kita dah terbiasa, pandang juga kamera kan ha. Ini benda-- yang dari segi teknikal la. Jadi, kita mesti mempunyai sedikit pengalaman dan pengetahuan tentang berlakon, kita berlakon tidak melihat kamera. Kita berlakon bersama walaupun kadang-- pelakon-- ini tidak ada, kita di- diambil gambar bersendirian tapi kita beranggapan itu adalah ___. Dari segi teknik la, dari segi teknik memang kita mempunyai pengalaman yang janggal la di peringkat awal la kan. Begitu juga kadang-- kita ada pengalaman yang terpaksa berdepan dengan pelakon-- hebat. Bila terlibat dengan pelakon-- yang hebat, kita rasa gugup tak?

SNN: Gugup (sambil mengangguk).

RS: Kita sebagai orang baru kan. Orang yang baru mencebur dalam bidang ini, kita rasa gementar berlakon dengan pelakon-pelakon yang nama besar. Eh. Tapi, lama-kelamaan atasi masalah tu la, kita dapat menyesuaikan diri kan.

NN: Betul (sambil mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jadi, jika Pak Lan masih ingat. Berapakah bayaran yang diterima ketika itu. Di awal kerjaya Pak Lan?

RS: Dari segi bayaran ni, Pak Lan banyak menerima dalam jumlah yang berbeza-beza la. Bergantung kepada watak yang ditawarkan, bergantung kepada berapa banyak Pak Lan terlibat, dan bergantung kepada berapa lama jadual yang Pak Lan terpaksa ikuti penggambarannya. Jadi Pak Lan tak boleh nak pastikan berapa banyak yang Pak Lan ambil masa tu.

SNN: Oh bergantung la.

RS: Haah bergantung kepada *deal* [perjanjian] dan jadual Pak Lan masa tu. (sambil menggerak tangan secara menyeluruh).

NN: Boleh saya tahu sebelum Pak Lan mendapat watak yang pertama, adakah Pak Lan terlibat dengan sebarang ujibakat?

RS: Eh memang. Memang kena ujibakatlah. Pak Lan (berdehem) Pak Lan secara-- realitinya, Pak Lan mendapat satu karakter yang agak berat lah untuk- - ditawarkan berlakon sebagai Taming Sari. Ini cerita- purba--. Watak Taming Sari. Taming Sari ni kan pahlawan jawa kan. Haa pahlawan Majapahit yang bertarung dengan Tuah. Hang Tuah, pahlawan melayu Melaka (Malaysia). Masatu Hang Tuah tu Dato Jalaludin Hassan kot kalau tak salah lah laksamana Hang Tuah tu. Dan nak mencari watak Taming Sari ni, production [produksi] dari KL turun Melaka (Malaysia). Jadi Pak Lan telah di *audition* [ditemuduga] untuk part [bahagian]-- itu. Ada beberapa orang yang lain lah. Tapi nampaknya rezeki tu kepada Pak Lan lah. Pak Lan berjaya--

NN: Terpilih

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Membawa karakter agaknya kena dengan fizikal, dengan muka yang agak tak hensem tu kan (membuat gerakan tangan menunjuk ke arah mukanya), jadi dapat Pak Lan membawa karakter Taming Sari tu. Ha dapat. Memang kena me-- melalui ujibakat. Sebab karakter tu kan dia kan pahlwan jawa. Jadi mestilah kita bercakap tu pun mestilah nak ada *slang* [dialek]-- macam jawa sikit la kan haa.

NN: Faham

RS: Paklan diuji bakat tu. Pak Lan sebagai Taming- Sari-- dan Pak Lan berjaya Pak Lan dapat watak itu karakter tu dalam cerita Menjunjung Titah kalau tak salah. Pak Lan ingat tu cerita tu. Buat di Melaka (Malaysia). *Shooting* [penggambaran] di Melaka (Malaysia).

NN: Jadi boleh saya tahu siapakah juri ujibakat tersebut?

RS: *Director* [pengarah] dia lah.

NN: Jalaludin Hassan [pelakon lelaki]?

RS: Eh bukan bukan eh. Arwah Othman Haji Zainudin. Dia pengarahnya. Dia pengarah cerita tu. Menjunjung titah. Cerita tentang kesultanan Melaka (Malaysia).

NN: Jurinya dia seorang lah?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Dia sorang lah. Biasa-- nya dalam-- pengambaran bikin drama ni, tak de lah orang-- lain tu. Tak de. Dia datang, dia mengarah nak buat macam ni, terus kepada watak macam ni, "Cuba kau buat".

NN: Kalau pengarah berkenan dia--

RS: Dia amik--. Itu je. Ujibakat.

NN: Bilakah ujibakat tersebut dijalankan?

RS: Itulah Pak Lan- tak-- berapa ingat tahun berapa. Itu rasanya awal-- sembilan puluh [90] an. Cerita purba, buat cerita purba. Cerita tentang kesultanan Melaka (Malaysia).

NN: Jadi boleh Pak Lan ceritakan sedikit suasana ketika ujibakat itu sedang dijalankan?

RS: Allahuakbar dah lama dah macam mana Pak Lan nak menggambarkan suasannya? Pak Lan buat je lah seperti yg disuruhnya tu. Dipakaikannya Pak Lan dengan (sambil meletakkan kedua tangan diatas kepal)

SNN: Aksesori?

RS: Tengkolok Jawa tu dengan pakaian jawa tu, keris jawa, Taming Sari, kemudian dibaginya dialog. Dialog tu yang sesuai dengan karakter tu lah Taming Sari tu. Pak Lan masih ingat lagi dia bagi dialog jawa yang puas Pak Lan nak-- menghafalnya. Adalah dialog jawa tu. Dia-- letaknya Pak Lan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

kononya Pak Lan duduk di satu anjung-- penginapan dia, kemudian ada tetamu datang. Ni lah rombongan Hang Tuah ni datang. Datang nak berjumpa dengan Pak Lan ketika itu. Taming Sari ni lah (sambil tangan mengetuk meja). Tu yang Pak Lan masih ingat, “mampir dulu ya mampir dulu”

NN: Bahasa jawa.

RS: “Ngapor ba apa ta arang pun dangan ko neng-- suwe” apa tah Bahasa jawa lah kononya nak cakap singgah lah dulu jemput lah naik. Makan sirih sekapur dua apa semua tu kan mcm tu lah lebih kurang kan (sambil membuat gerakan tangan kesana dan kesini). Nak bercakap antara Taming Sari ni dengan Laksamana Bentan ke apa dengan Hang Tuahnya. Jadi diberinya dialog yang itu, karakter yang itu, kemudian ditemukan sebagai ujian ujibakat kita. Macam tu lah. Jadi *director* [pengarah] itu pon rasa macam Pak Lan ni sesuai sangat dengan watak itu pun lagi lah. (Tergelak kecil). Itu je dia punya proses-- ujibakat.

NN: Proses uji bakat tu. Jadi macam mana pulak perasaan Pak Lan masa sedang menjalankan ujibakat tu? Rasa gerun gementar?

RS: Uih gementar kita tak pernah terlibat secara langsung secara serius dan kita bukan orang yang dah biasa dengan *shooting* [pengambaran] dan sebagainya. Jadi benda cerita-- macam tu. Cerita lama-- macam tu kan. Kemudian karakter yang dibawa pun bukan sebarang-- karakter tu. Pahlawan apa tu--

SNN: Taming sari.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Pahlawan apa tu jawa tu yang-- hebat tu. Kemudian kita pula nak berlakon dengan seorang karakter yang hebat jugak. Hang Tuah tu. Jadi tercabar lah. Tapi Pak Lan suka lah (tersenyum manis). Pak Lan bila benda-- yang tercabar ni mencabar ni suka lah kan. Seronok.

NN: Sesuatu yang baru.

RS: *Yes [betul].*

SNN: Jadi sebelum Pak Lan mula terlibat dengan sesi pengambaran, adakah Pak Lan ada mengikuti mana-- kelas lakonan?

RS: Kelas lakonan tu lah guru-- teater itu tadi. Itulah kelas lakonan kita. Kita bila kita masuk ke *group* [kumpulan]-- lakonan, eh *group* [kumpulan] pentas, *group* [kumpulan] teater disitulah latihan kita. Di dalam *group* [kumpulan] itu, kita menekankan aktiviti memanaskan badan. Kita menjalani aktiviti suara, intonasi. Kita menjalani gerak tubuh. Pergerakan tubuh kita yang latihan dekat luar, macam-- lah. Intonasi-- suara, cara berdialog, cara melepaskan ekspresi. Kan *expresion* [ekspresi] kan itu lah itu punya aktiviti kita lah.

SNN: Itu secara tidak formal lah kan?

RS: *Yes [ya].* Kemudian ada juga tenaga pengajar kita. Ada tenaga pengajar kita *group* [kumpulan]—kita yang akan memberi tunjuk ajar memperbetulkan atau yang akan memberi satu cara macam mana kita nak lakukan cara kita nak menghayati watak kan. Gitulah tu lah.

SNN: Pak Lan ingat lagi tak siapa tenaga pengajar tersebut?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Diantranya, kalau dalam *group* [kumpulan]-- ni dulu kita ada macam kalau di KL, Pak Lan masih ingat di KL (Kuala Lumpur) macam arwah Latif, arwah Khalid, kemudian, Kamarul AR penggiat teater yang hebat di Selangor (Malaysia), dan ada beberapa lagi lah yang Pak Lan tak ingat dah lama kan dari awal.

SNN: Jadi berapa kerapkah Pak Lan menghadiri kelas tersebut dalam seminggu?

RS: Itu-- bergantung kepada kita lah. Aktiviti tu memang akan dibuat pada hujung minggu. Itu kalau kita tidak ada apa-- aktiviti lain, kita join lah. Tapi kalau kita ada penggambaran ke, atau ada urusan lain kerja lain yang perlu dibuat, kan, kita *absence* [tidak hadir] lah kita tak hadir lah dalam latihan kelas-- yang dianjurkan. Kemudian Pak Lan juga pernah menghadiri kursus-- lakonan yang khas lah di beberapa tempat yang mana mungkin ada kursus jangka pendek tiga [3] empat [4] hari, Pak Lan pergi berkursus sepenuhnya tiga [3] empat [4] hari itu tentang lakonan. Seperti pernah Pak Lan mengikuti kursus teater di Kuantan (Pahang) oleh yang dianjurkan oleh Pak Bentari Rahman. Ni tokoh-- teater waktu zaman tujuh puluh [70]an. Mentari Rahman. Tu pun dah meninggal. Kemudian dengan tokoh-- teater yang lain macam arwah Haji Salleh tadi kan. Pak Lan pernah mengikuti tokoh-- itu.

SNN: Jadi bagaimanakah perasaan Pak Lan pada masa itu ketika sewaktu mengikuti kelas lakonan itu?

RS: Kita di peringat-- awal kita (terbatuk) kita belajar tentang ilmu lakonan. Jadi kita kena meletakkan diri kita sebagai pelajar lah yang nak mencari ilmu kan. Apa yang disuruh, apa yang dianjurkan apa yang diatur, kita cuba buat. Dan kita menghasilkan kerja yang daripada apa yang ada pada kita, yang mampu kita buat dengan ilmu yang kita ada. Itu-- situasi. Kita belajar.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Bermakna Pak Lan ni tidak ada terlibat dengan mana-- kelas lakonan berbayarlah?

RS: (Sedang berfikir) Tidak- ada-. Seingat Pak Lan tidak ada lah yang berbayar.

NN: Semuanya diatas teater je lah.

RS: Melalui group [kumpulan]-- teater dan kursus percuma.

NN: Kursus percuma

RS: Kursus percuma

NN: Jadi boleh Pak Lan kongsikan mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang Pak Lan menceburkan diri dalam industri seni?

RS: Bermacam-- cabaran lah. Seperti orang lain juga. Seperti dalam kerjaya lain juga, tapi dalam bidang seni ini, yang pertamanya pendapatan yang tidak--

NN: Lumayan.

RS: Bukan tidak lumayan. Tidak stabil. Tidak tetap kan. Ada *job* [kerja], ada tawaran adalah.

NN: Adalah gaji.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Adalah duitnya. Adalah pendapatan. Kalau tidak ada, tidak ada lah. Pertama (ambil menunjuk satu jari). Perlu ingat oleh orang-- yang nak ceburi dalam bidang ini. Kerana itu sebelum menceburi, fikir dulu. Fikir masak--. Dan bersedia dengan segala kemampuan yang ada. Pertama. Yang- kedua-- jadual kerja. Kita bukan jadual kerja kita bukan macam kerja makan gaji. Masuk pukul lapan [8] atau pukul sembilan [9] balik pukul empat [4] atau pukul lima [5]. Kita kadang-- pukul lapan [8] pagi tujuh [7] pagi balik pukul sebelas [11] malam 12 malam 1 malam kadang2 sampai pagi baru balik

NN: Keluar gelap balik pun gelap.

RS: Kadang-- keluar gelap balik nak cerah balik baru balik. Jadi ini diantara cabaran yang harus kita tempuh. Itu sebab nak berlakon mesti bersedia. Bersedia dari segi mental kene kuat kemudian dari segi

NN: Fizikal

RS: Fizikal, kekuatan, tenang mesti maksima. Baru kita boleh terlibat dalam dunia. Kalau tidak, kita takkan berjaya melalui cabaran ini. Yang ketiganya dari segi apa lagi? Penerimaan masyarakat dengan kita. Kita ni kadang-- kalau kita duduk tinggal di rumah yang bersebelahan dengan jiran-- apa semua kan, "apa kerja macam ni. Ini ke cara kerja apa balik-- pagi ke petang malam tengah malam siang malam apa tak tentu hala balik". Kan. Kadang orang dah pagi dia tido lagi orang dah tengah hari dia tido lagi. Tak tentu hala. Jadual-- kehidupan tu tak tentu hala. Begitu juga dengan makannya, kadang orang bermasyarakat, kita tak bermasyarakat. Tak dapat bermasyarakat.

SNN: Tak sempat.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Tak dapat nak beraktiviti dengan komuniti. Kadang orang bertegur sapa eloq begitu begini dengan masyarakat persekitaran kita dunia kita lain. Kan. Itu semua cabaran-- yang kita lalui lah.

NN: Jadi adakah cabaran yang Pak Lan sebutkan itu merupakan faktor kepada perkembangan perjalanan seni Pak Lan sehingga kini?

RS: Bergantung kepada kita lah. Kekuatan kita. Dan bagaimana kita menghadapi cabaran kehidupan kita. Suasana kerja kita. Kalau dengan suasana begitu, kita masih dapat mengawal diri dan menghadirkan diri dalam masyarakat, Alhamdulilah. Dalam sibuk macam mana pun kita berlakon (ambil menepuk meja), *bershooting* (penggambaran) dan sebagainya, kehulur kehilir kekanan kekiri, keatas kabawah kan, tapi kita masih lagi ada masyarakat persekitaran. Kita masih boleh *join* [mengikuti] aktiviti kenduri kendara ke, gotong-royong ke, ke masjid ke dengan kemas surau ke ada aktiviti-- yang diajurkan oleh masyarakat persekitaran (tunjuk ibu jari) tapi kalau kita, sekiranya kita bawa diri kita terus hilang dengan masyarakat, hancurlah kita kan. Engkau engkau. Aku aku. Itu je lah.

NN: Jadi dengan cabaran yang Pak Lan hadapi itu, apakah usaha Pak Lan dalam mengatasi cabaran tersebut?

RS: Kita berusaha sendiri lah. Dengan kehadiran diri kita pada masa itu. Jangan kita menyombong diri. Janganlah kita mengasingkan diri dari masyarakat kan. Sebab kita hidup bermasyarakat. Kalau ada majlis, ceramah, agama katakan, kita *free* [masa lapang], kita pergi lah kita duduk je lah dengar. Kalau ada jiran-- jemput kita pergi atau ada jamuan makan. Kita berhenti dengar sekejap. Kan. Ada masa sepuluh [10] ke lima belas [15] minit. Kita singgahlah. Tapi jangan kita ada masa kita lalu je. Kan. Jadi hilanglah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

kemasyarakatan kita kan. Jangan masyarakat kepada kita, eh itu ke budaya hidup orang-- sekeliling kita. Budaya hidup yang baik.

NN: (Sedang mengalihkan barang di atas meja) (Membetulkan posisi duduk).

NN: Berkenaan dengan cabaran yang Pak Lan sebutkan tadi, boleh saya tahu siapakah orang yang sentiasa berada di samping Pak Lan dalam membantu menangani cabaran tersebut?

RS: Pak Lan sendiri la. Siapa yang nak menemani Pak Lan menghadapi cabaran tu? Sorang diri je la.

NN: Keluarga?

RS: Keluarga tak. Tidak ada peranan yang--

SNN: Khusus?

RS: Yang sesuai yang Pak Lan nampak untuk mereka memainkan peranan dan sebagainya. Takde, Pak Lan sendiri je la.

NN: Pengawalan diri sendiri.

RS: Pak Lan yang *involve* [terlibat] dalam bidang ini, Pak Lan yang --

NN:Kena.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Kena buat sesuatu menghadapi sebarang kemungkinan dan cabarannya.

NN: Betul.

SNN: Boleh Pak Lan ceritakan siapakah artis yang boleh dikatakan ra- rapat dengan Pak Lan?

RS: Ada beberapa orang yang rapat. Macam Dato' Jalaluddin Hassan [Artis Lelaki Malaysia] tu rapatlah, macam Mubarak Majid [Artis lelaki Malaysia] kenal?

SNN: Kenal (sambil mengangguk).

RS: Nasir Bilal Khan [Artis Lelaki Malaysia]. Tu kira rapat la.

SNN: Adakah Pak Lan masih lagi berhubung dengan mereka?

RS: Masih--.

SNN: Pak Lan ada tak kenangan manis bersama-sama dengan mereka?

RS: Eh macam-- kenangan. Kita selalu bersama dengan mereka dalam bidang ini kan. Jadi macam-macam la yang kita lalui. Sama-sama kene kencing, tak dapat bayaran, kena permangkan oleh *production* [pengeluaran], sama-- menghadapi pelbagai masalah dalam *production* [pengeluaran], sama-- kita suka kan, berduka kan bila *payment* [bayaran] lambat, tak dapat kan. Ha macam tu la.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Jadi-

RS: Kemudian, dalam-- dalam kita berlakon kita kan bermacam-macam karakter yang kita dapat kan,

NN & SNN: Betul (sambil mengangguk).

RS: Masing-- bermain dengan permainan karakter. Seronoklah, dengan bermacam-macam pengalaman kan. Kalau di luar tu adalah kadang-- adalah beberapa aktiviti yang kita sama-- kan. Mengikut apa yang kita suka, dapat main snuker, sama-sama main boling (sambil menggerakkan tangan secara rawak).

SNN: Meluangkan masa bersama-sama.

RS: Ha sama-sama, bersnuker- berkaraoke.

NN: Amboi (sambil tersenyum).

RS: Ha macam tu la (sambil mengusap muka). Lepas tu masing-- dengan masa baki yang terhad dengan keluarga la mana yang dah berkeluarga kan, banyak dengan urusan masing-- la. Lain takde.

SNN: Jadi, apakah drama atau filem yang paling dekat di jiwa Pak Lan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Kalau drama, banyak drama yang dekat di jiwa Pak Lan. Macam-- drama Pak Lan nak sebut yang dekat la.

SNN: Satu- je--

RS: Ha? (membuat reaksi seperti tidak mendengar).

SNN: Satu je.

RS: Isteri yang diiktiraf.

SNN: Isteri?

NN: Yang diiktiraf.

SNN: Isteri yang diiktiraf.

RS: Yang-- Sheila Rusly [pelakon wanita] punya cerita.

NN: Yang ini drama la?

RS: Drama bersiri. Sape-

SNN: Siapa pengarah?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Jinggo la, suami dia.

SNN: Filem pula?

RS: Filem macam cerita Lelaki Harapan Dunia [tajuk filem Malaysia], Pak Lan banyak juga terlibat dalam-- dalam cerita tu ya, lelaki harapan dunia. Malahan, Simtat [Tajuk Filem China] China selain cerita-cerita Melayu la.

NN: Oh (mengangguk tanda faham).

RS: Tu ada la antara apa-

SNN: Yang paling dekat di jiwa.

RS: Ha yang paling dekat. Banyak la cerita-- lain yang Pak Lan ingat.

SNN: Haah ni antaranya la.

RS: Yang-- macam-- Munafik dua [2] Pak Lan terlibat, Hantu Kalajengking pun dekat juga kan, Perjanjian Anak Setan dekat juga tapi Pak Lan--- yang agak lama sikit kan Pak Lan terlibat, yang ramai kawan--, yang seronok kita bekerja, yang ceritanya bagus. Ha macam tu la.

NN: Jadi er jadi boleh Pak Lan kongsikan kepada kami kenang- antara kenangan yang Pak Lan rasa masih segar dalam ingatan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Semasa?

NN: Semasa dalam- berada dalam industri seni lakonan?

RS: Banyak kenangan manis.

NN: Yang masih segar la, yang memberi tamparan yang positif.

RS: Ya, seperti yang Pak Lan sebutkan ada suasana yang seronoklah. Yang seronok semasa kita menjalani penggambaran kan selain daripada *team* [pasukan] yang bagus ya, pelakon-pelakon yang pun nampak saling memberi kerjasama yang *supportive* [mendukung] ya, pengarahannya yang elok. Adalah--- seperti Pak Lan pernah terlibat seperti yang Pak Lan katakan tadi dalam *scene* [babak]-- yang memakan masa lama ketika *shooting* [penggambaran]. Seronok tak seronoknya tengok bergantung kepada tempoh la, kadang-kadang bila yang-- yang *shooting* [penggambaran] nya dalam tempoh yang singkat ni kita tak rasa kadang-kadang kan dia punya suasana dia tu. Tapi bila kita terlibat dengan-- dengan siri yang lama, yang agak makan masa kan yang mungkin terlibat dua puluh [20] episod tiga puluh [30] episod kan baru kita dapat rasa suasana. Antara yang Pak- Lan-- masih ingat macam cerita Maruah dan Pengorbanan [Tajuk Filem Malaysia] tu kan, ha itu memang cerita yang agak memang seronok. Sebab seronoknya tu kita terlibat dengan suasana yang berbagai-bagai, dengan pelakon yang ramai, kemudian dengan penglibatan masyarakat kampung, kemudian dengan suasana set yang agak beraneka jenis. (Bercerita dengan penuh semangat) (Sambil tersenyum) Seronoklah dengan karakter yang kita nak bermain bermacam-macam kan begitu juga dengan cerita-- purba yang pernah Pak Lan pernah terlibat. Seperti Pak Lan katakan tadi, Pak Lan pernah terlibat dengan Tuah dan Jebat eh. Suasanya bagaimana kitorang berkampung dan sebagainya kan dalam-- dalam bilangan pelakon-- yang ramai, krew yang ramai. Itu yang--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

yang berepisod. Macam Pak Lan pernah buat cerita episod sebanyak enam puluh [60] yang episode TV3 punya, Bella. Bella dulu satu--- ada satu siri enam puluh [60] episode tajuknya Bella. Tiap-tiap petang terjenguk (mengerakkan tangan secara rawak).

SNN: Haah tiap— petang (sambil mengangguk).

RS: Kan sampai- Pak Lan memegang watak Pak Hassan. Sampai di luar pun orang panggil Pak Lan Pak Hassan, “Pak Hassan, Pak Hassan”.

NN: Terkenal dengan watak tu.

RS: *Yes [Ya]. Karakter tu macam-- suasana tu juga, kemudian pelakon-- pun seronok. Ha macam Pak Lan pernah berlakon dengan veteran, arwah Aziz Satar [Bekas Pelakon Lelaki Veteran]. Pak Lan pernah terlibat dengan Omlia Akani, pelakon kan dengan Amelia Akanni. Dengan siapa lagi pelakon, ada beberapa pelakon. Kitorang bergerak dari satu tempat ke satu tempat, cerita bersiri. Cerita yang berkaitan dengan pelarian orang-- yang tinggal di rumah orang tua-- yang lari keluar, ha taknak duduk dalam rumah orang tua-- ini. Kitorang bergerak dari satu tempat ke satu tempat, naik kereta la apalah itulah kan. Ha seronoklah, suasana-- yang macam ni la yang ini. Jadi, mengikut cerita, mengikut suasana penggambaran itu yang akan menentukan kita seronok atau tidak dengan pengalaman kerja kita dalam pelbagai-bagai bidang lakonan yang kita ni kan.*

NN: Jadi, Pak Lan ada kenangan manis bersama krew-- yang pernah bekerjasama?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Eh pernah, kitorang seronok. Kita--- bila kita *shooting* [penggambaran] di tempat-- yang ada air terjun kan, pantai ke apa, eh seronok.

NN: Mandi la.

RS: Dalam hutan ke yang ada sungai--, seronok. Kadang-- kita makan kita masak sendiri. Nasi ke ikan bilis ke potong bawang ke apa ke kita masak walaupun lauk tak sedap (menggerakkan tangan secara rawak) (sambil ketawa).

NN: Haah (tersenyum sambil ketawa).

RS: Kita makan, seronok.

NN: Kenangan tu.

RS: Ha kenangan, dalam *group* [kumpulan] la itu kita dalam *group* [kumpulan] la kan. Kadang kena *team* [kumpulan] yang *sporting* [sempoi] la, *sporting*. Seronok la mandi ke apa, main air ke apa kan seronok. Macam tu la.

SNN: Jadi, bagaimana pula dengan kenangan pahit Pak Lan adakah--

RS: Ada juga, kenangan pahit pun ada.

SNN: (Sambil ketawa kecil).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: (Tersenyum lebar).

RS: Kita bergaduh dalam set pun ada.

NN: Ya?

RS: Masing-- naik angin, ada yang tak kena itu tak kena kan. Kadang masing-- penat bekerja kan, penat bekerja kadang-kadang dah jadi *tension* [tekanan]. Ini tak siap, itu tak siap kan. Kang kita marah budak-- yang buat prop kan, sepatutnya kita berlakon pagi tu tengok dah siap. Kadang kene marah dengan budak-- henry, kita datang panggil *call* [telefon] time pukul tujuh [7] pagi, sarapan pukul sembilan [9] pagi kan. Jadi, angin-- macam ni la. Kadang bila kita dah penat, ada macam-- masalah dalam *production* [produksi], ada pula yang buat hal. Datang lambat la, artis-- *travel* [melancong] ni ke, artis-- besar ni ke. Jadual pukul sepuluh [10], pukul sebelas [11] kita terlibat dengan dia, pukul tiga [3] petang tak sampai lagi kan. Tak jenuh tak kita, angin tak? Angin kan, ha baru satu [1] dua [2] gambar berlakon dah buat hal macam tu. Kita dah berpuluhan-puluhan tahun duk tunggu dia, ha *glamour* [terkenal] sangat ke apa ke. Angin. Kadang-kadang berlakon kononnya nama bukan main besar, main hebat kan tapi berlakon bila berdialog tak ingatlah, tak boleh hafal dialog lah, takde penghayatan la. Kita penat menjengil mata apa, menyengetkan telinga ke apa ke nak memberi sesuatu yang terbaik tapi dia muka papan je, tak syok [seronok] (sambil mengerutkan dahi).

SNN: Betul (sambil menganggukkan kepala) (sambil tersenyum).

NN: (Ketawa kecil).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Kan. Takde perasaan langsung, tak sampai *feel* [rasa] kita berlakon kan. Eh sakit hati, ha itu antara benda-bendanya. Asam garam dalam lakonan.

NN: Asam garam.

RS: *Yes* [Ya].

SNN: Jadi, sepanjang Pak Lan terlibat dalam industri seni ini ada tak Pak Lan terlibat dalam kemalangan? Sepanjang—

RS: Eh macam-- la, kemalangan-- yang tak besar la yang kecil la. Bila kita melakonkan adegan-- tertentu dalam satu [1] karakter yang kita bawa memanglah. Memang kita bertemu dengan kemalangan-- biasa tapi bukan kemalangan *serious* [serius] la. Kalau disuruhnya kita bawa batu, batu tergolek pernahlah. Kalau kita disuruhnya bawa basikal, basikal rebah eh macam-macamlah. Kita bawa kereta, kereta bersenggol dengan-- kadang-kadang adegan lasak apa semua kan, melibatkan benda-benda yang kita tak boleh *control* [kawal] tersenggol ke apa. Kadang kita terjun, ada siri-siri yang agak agresif kan. Daripada pintu--- tingkap terjun ke bawah, kaki terpeletok.

SNN: Tapi kiranya tak serius la.

RS: Tak serius la.

NN: Tapi pernah tak kemalangan tu menyebabkan Pak Lan ditahan di wad?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Tercedera.

RS: Eh ada, tapi ini *incident* [kejadian] yang bukan kemalangan apa--. Sebab pada waktu itu memang Pak Lan dah tak kuat, tak berapa--- takde tenaga, sokongan tak kuat. Ada satu adegan Pak Lan buat, kononnya Pak Lan dalam marah-- tu, marah yang teramat marah Pak Lan pengsan. Pak Lan rebah, bila Pak Lan merebahkan diri Pak Lan tidak pikir soal sokongan Pak Lan nak jatuh, macam mana nak jatuh. Pak Lan rebahkan begitu je, macam nangka, nangka je jatuh tergolek.

SNN: Nangka jatuh (sambil ketawa kecil).

NN: Secara spontan la.

RS: Memang pada ketika itu, mungkin saraf kaki Pak Lan ni dah tak berapa cantik (sambil menepuk lutut). Pak Lan dah *jammed* [tersekat] (sambil mengusap lutut), memang Pak Lan tak boleh jalan angkat pergi hospital la. Duduk la hospital.

SNN: Berapa lama tu?

RS: Duduk hospital tak lama, untuk hilangkan dia punya

SNN: Sengal-sengal.

RS: Apa tu *jammed* [tersekat] (sambil menunjukkan lutut).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jammed [tersekat] (sambil mengangguk).

RS: Yang Pak Lan tak boleh bangun, tak boleh bergerak.

NN: Tak boleh nak bergerak.

RS: *Time* [masa] tu dalam sehari dua [2] hari. Tapi, yang Pak Lan masuk tu memang masuk hospital la. Ditahan di hospital la sebab memang tak boleh bergerak kan ha.

NN: Betul. Jadi selain berlakon, apakah tawaran sampingan lain yang pernah Pak Lan peroleh? Sebagai contoh mungkin Pak Lan sendiri pernah menerima tawaran sebagai muka hadapan sesuatu produk?

RS: Ya, Pak Lan banyak benda-- ni. Pak Lan bukan hanya berlakon drama, pentas, filem. Pak Lan pernah terlibat dengan lakonan, tv pendidikan pun Pak Lan pernah, Pak Lan pernah buat iklan pun pernah. Iklan untuk Giant [pasaraya] la apa la macam-- la kan. Produk pun pernah, macam-- produk dah Pak Lan buat. Kemudian, Pak Lan buat *review* [semak] kan dapat apa berkaitan apa kan. Iklan-iklan ada beberapa iklan la Pak Lan pernah ditawarkan untuk--- Pak Lan tak tidak terhad untuk lakonan-- sahaja. Radio pun pernah.

NN: Radio? [dengan nada terkejut]

RS: Ha Pak Lan pernah terlibat dengan drama radio. Tapi, drama radio ni tak melibatkan lakonan macam biasa ni.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Haah.

RS: Drama radio ni banyak bermain dengan suara dan intonasi. Suara kita bermain keras, lembut, sedih kan (sambil menggerakkan tangan).

NN: Sebab dia radio kan.

RS: Romantik, yang mengusik jiwa kan, yang membara. Suara, peranan suara la.

NN: Sebab di radio kita tak dapat tengok reaksi wajah tu kan.

RS: Yes-- [Ya]

NN: Jadi adakah tawaran iklan tersebut merupakan produk tempatan?

RS: Ya kebanyakkannya produk tempatan la.

NN: Ada ke dapat daripada produk luar negara?

RS: Pernah dulu. Cos- Coway ke Cosway? (sambil mengerutkan dahi)

SNN: Coway [syarikat penapis air dan udara]

NN:Haah Coway [syarikat penapis air dan udara].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Haah (ambil mengangguk).

RS: Coway pernah *offer* [tawarkan].

NN: Produk air.

RS: Ha produk air, ya. Pernah *offer* [tawarkan] Pak Lan tapi Pak Lan tak terima (ambil mengusap muka).

NN: Oh.

SNN: Oh kenapa?

RS: Pada ketika itu mungkin kesihatan Pak Lan tak berapa kemas. Pak Lan takutlah *company* [syarikat]-- besar ni kalau panggil mesti dia punya permintaan besar

NN: Betul.

RS: Mesti keinginan besar. Tapi kalau kita bawa diri dalam keadaan kemampuan yang kecil, tak seronok la kan tak bagus la.

NN: Takut tak mampu.

RS: Sebab kalau *company* [syarikat] besar mesti kita nak *in* [masuk] besau.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Takut tak boleh-

RS: Jadi tak- ada beberapa lagi *company* [syarikat] lain yang Pak Lan tak ingat. Ada, pak Lan pernah buat iklan untuk Astro [syarikat saluran di televisyen] pun ada. Zaman-- macam macam Ada, ha itu zaman apa? Zaman Akademi Fantasia [Rancangan Pencarian Bakat Nyanyian] ke apa? Zaman apa tu, Akademi Fantasia ke? (sambil mengerutkan dahi)

NN: Macam- ada?

SNN: Haah.

RS: Zaman-- tu la, zaman yang nyanyi--

NN: Haah betul la Akademi Fantasia.

RS: Yang awal-awal dulu.

SNN: Haah ya.

RS: Pernah juga Pak Lan buat iklan, macam-macam iklan. Entah apa-- kami pun Pak Lan tak tahu.

SNN: Okey jadi selain berlakon, apakah punca rezeki Pak Lan yang bukan melibatkan seni?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Pak Lan macam-- Pak Lan buat. Berlakon tu memang asanya la, seriusnya di situ. Tapi, di samping itu Pak Lan suka melibatkan diri dalam pelbagai-bagai aktiviti perniagaan. *Multi Level* [Multi Level Marketing (MLM)] pun Pak Lan dapat. Multi Level dengan berbagai-bagai produk dan *system* [sistem] yang diperkenalkan kan kononnya mendapat komisyen la apa la yang lumayan semua. Pak Lan terlibat, Pak Lan buat. Pak Lan pernah di zaman kegawatan dan *job* [kerja] berkurangan dalam industri lakonan, Pak Lan pernah bermiaga buat perniagaan goreng pisang, nasi lemak, kuih-muih Pak Lan buat. Kemudian, Pak Lan pernah bawa teksi ha buat juga. Bila dah tak ini- Pak Lan bawa teksi, keluar kereta apa semua beli teksi. Bukan beli la, sewa teksi. Bawa teksi, jadi pemandu teksi. Kemudian, lain-- perniagaan itu biasalah. Macam-- la Pak Lan ni buat kerjaya-- lain la. (sambil menggerakkan jari jemari)

SNN: Jadi, sebagai contoh kita ambil satu eh aktiviti perniagaan. Bagaimana tercetusnya idea ini?

RS: Pertama kerana desakan masa itu susah. Kita bekerja sendiri, berlakon ada recommend, ada tawaran ada duit. Bila takde kita macam-- la fikir macam mana aku nak dapat duit. Macam mana nak meneruskan kehidupan. Macam mana aku nak tamping perbelanjaan-- yang mesti setiap bulan sampai bill kan. Mesti ada perbelanjaan itu, mesti ada pendapatan yang harus kita miliki untuk menampung segala perbelanjaan tadi. Jadi, terutamanya Pak Lan merasakannya apabila Pak Lan menghadapi masalah sakit kan. Pak Lan pernah masuk hospital, *collapse* [rebah] masuk hospital dua [2] bulan duduk berehat di hotel [bangunan tempat penginapan] *free* [percuma] dekat hospital kan. Lepas tu, keluar daripada hospital menjalani tempoh membaik pulih kesihatan. Empat [4] lima [5] tahun juga la Pak Lan menghadapi situasi itu kan.

SNN: Lama.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Jadi lama. Daripada Pak Lan *collapse* [rebah], masuk hospital, keluar hospital untuk proses membaik pulih semula diri Pak Lan, empat [4] lima [5] tahun kan. Jadi, itu la titik permulaan kehilangan punca pendapatan. Jadi, dengan keadaan Pak Lan yang begitu Pak lan kena berusaha la. Cari berpikir apa yang perlu Pak Lan buat kan. Jadi, Pak Lan nasib baik la Alhamdulillah Allah bagikan beberapa idea fikiran untuk me- meneruskan kehidupan dengan mencari pendapatan. Itu yang Pak Lan mula membuat sesuatu. Itu yang Pak Lan bermiaga, cuba buat, cuba dapat. Cuba menghasilkan produk *and* [dan] *then* [kemudian] dan Pak Lan kira pun Pak Lan ni adalah sikit-- jenama kan. Ada orang kenal, orang cam Pak Lan. Jadi, Pak Lan kata ada juga *advantage* [kelebihan] dia kalau sekiranya Pak Lan buat sesuatu dengan jenama yang ada bagi mencari pendapatan. Itu yang Pak Lan mula meniaga dan sehingga bila Pak Lan dah mula bermiaga tapi tahap kesihatan yang macam ni Pak Lan terpaksa perlahan-lahan buat sesuatu yang mampu. Akhirnya, Pak Lan menghasilkan produk. Itu la produk yang Pak Lan promosikan tu ‘Daging Dendeng’ dan ‘Sambal Lado’. Dua [2] produk asas Pak Lan untuk- sebagai sumber pencarian Pak Lan dalam hal berkaitan dengan perniagaan Pak Lan.

SNN: Jadi mengapa Pak Lan memilih “Daging Dendeng” dan juga “Sambal Lado” ni sebagai perniagaan Pak Lan?

RS: Sebab bermulanya dari daging dendeng, daging dendeng ni tak terdapat dalam pasaran pada ketika itu dan kalau ada pun tidak--

SNN: Tersebar.

RS: Tersebar luas secara komersialnya. Jadi, Pak Lan mengambil idea itu hasil daripada rajin Pak Lan mengunjungi majlis-- kenduri dan sebagainya dan Pak Lan bertemu dengan menu masakan daging dendeng kan. Tapi asalnya menu ini dia berbeza. Dia basah, dia dihiris nipis, dia- ketahanannya tak lama

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

dia, dimasak begitu kan. Tapi kita rasa macam sedap. Asasnya kepada itu la yang Pak Lan ubahsuai jadikan sebagai produk untuk dikomersialkan. Tu yang Pak Lan buat carik, Pak Lan suling, Pak Lan keringkan dia, bungkus dia dan sebagainya dan menjadi.

NN: Dipasarkan

RS: Dipasarkan. Itu asanya, tapi selepas itu Pak Lan mendapat beberapa pemikiran untuk menjadikan satu produk lain. Sampingan kepada daging dendeng sebab kalau dia bersendirian tentu dia agak janggal.

SNN: Haah betul.

RS: Dan Pak Lan tengok pada ketika itu yang-- mudah dan yang-- Pak Lan rasa.

SNN: Sesuai.

RS: Sesuai untuk dipasarkan, *trend* [aliran] pada ketika itu ialah sambal. Sambal ikan bilis ni, ‘Sambal Lado’ tu sebenarnya sambal ikan bilis. Lado tu biasalah lada.

NN: Haah (ambil mengangguk).

RS: Jadi, Pak Lan buat kering macam tu dan-- bilisnya garing dan Pak Lan iringkan bersama dengan ‘Daging Dendeng’. Dapatlah ‘Daging Dendeng’ dan ‘Sambal Lado Pak Lan’ sebagai produk untuk Pak Lan-

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Pasarkan.

RS: Pasarkan.

SNN: Jadi secara dasarnya adakah Pak Lan sememangnya mempunyai minat dalam perniagaan ini?

RS: (Sambil terbatuk) Eh memanglah, memanglah Pak Lan berminat dalam perniagaan. Kan daripada awal Pak Lan kata selepas-- Pak Lan berhenti-

NN: Guru.

RS: Guru, kan Pak Lan terlibat dengan perniagaan kan. Kemudian, jatuh kerana kegawatan dan sebagainya Pak Lan *involve* [terlibat] dengan—apa-lakonan kemudian dalam pada itu Pak Lan ada buka gerai.

SNN: Goreng pisang.

RS: Apa kan goreng pisang, kuih-muih tu kan. Terlibat pula dengan macam-macam jenis perniagaan lain. Bermulah Pak Lan berhenti berlakon, sakit dalam proses pemulihan selepas lima [5] tahun. Pak Ian bangun dengan penjenamaan baru la kiranya dalam perniagaan menghasilkan produk ‘Daging Dendeng’ dan ‘Sambal Lado’ (sambil terbatuk-batuk).

SNN: Okey kita akan berhenti dulu dan akan sambung kemudian.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Haah sebab Pak Lan dah batuk-batuk.

SNN: Okey. Kita berbalik semula kepada soalan perniagaan. Jadi siapakah yang menjadi pendorong dalam perniagaan yang Pak Lan jalankan ini?

RS: Pendorongnya Pak Lan lah. Pak Lan yang menjadi pendorong. Pak Lan yang menjadi pencetus idea. Pak Lan yang menggerakkan usaha awal untuk bermiaga. Tetapi mesti disokong dan sokongannya yang kuat isteri Pak Lan lah. Di peringkat awal. Isteri Pak Lan. Pak Lan mesti buat kerja kena ada pembantu kan. Kalau dengan kekuatan yang terhad ini, Pak Lan nak buat kerja takde pembantu, tak jadi. Apalagi produk yang Pak Lan hasilkan ialah produk yang memerlukan masakan, penyediaan, pencarian bahan mentah, kan, pembungkusan he haaa. Itu perlu ada pembantu. Jadi tenaga utama pembantu Pak Lan ialah isteri Pak Lan. Pak Lan lebih kepada memberikan idea, memberikan macam me-- menjalankan apa cara perniagaan yang dijalankan, penjenamaanya, begitu juga tentang pasaran yang dibuat.

SNN: Jadi adakah Pak Lan mempunyai rakan kongsi dalam perniagaan ini?

RS: Tidak ada. Ini adalah perniagaan Pak Lan sendiri. Isteri Pak Lan dan sekarang dibantu oleh anak Pak Lan.

NN: Anak yang bongsu lah?

RS: Anak yang bongsu.

SNN: Boleh kami tahu berapakah modal di permulaan sewaktu Pak Lan memulakan perniagaan ini?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Modal dia tak banyak. Sebab ada sejarah juga modal permulaan Pak Lan menjalankan perniagaan ini. Untuk dendeng dan sambal lado ni. Pak Lan sebenarnya dulu dalam kebangkitan Pak Lan untuk pulih semula daripada sakit, Pak Lan ada menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan daripada jabatan ini, awalnya Pak Lan menerima bantuan bulanan, kemudian Pak Lan dapat geran. Geran daripada jabatan ini, sejumlah dua [RM2,000] ribu tujuh [RM700] ratus kalau tak silap sebagai geran awal untuk memulakan perniagaan ini. Untuk beli beberapa peralatan, modal bahan mentah dan juga modal pembungkusan dan juga penyimpanan barang--. Jadi dengan modal itulah, Pak Lan bergerak dan memulakan perniagaan untuk produk daging dendeng dan sambal lado ini.

SNN: Jadi, sudah berapa tahun perniagaan ini sudah berjalan?

RS: Untuk perniagaan ini, hampir empat [4] tahun. Sejak-- Pak Lan berhenti berlakon lah kan.

SNN: Jadi dimanakah Pak Lan belajar tentang selok-belok perniagaan ini?

RS: Pak Lan ini dah berkursus beberapa bidang perniagaan ini sejak dari dulu lagi. Sejak awal-- yang Pak Lan kata berniaga selepas berhenti guru tu kan. Masa Pak Lan jadi guru, sambil-- tu Pak Lan mengikuti kursus-- perniagaan jangka pendek yang dianjurkan oleh persatuan perniagaan, persatuan belia, kemudian yang dianjurkan oleh ada beberapa badan yang lain, biodata negara, ada dulu diaorang ada menganjurkan kursus-- perniagaan. Pak Lan dah Pak Lan ikuti kursus-- tu jangka pendek untuk kemudian diberikan sijil penyertaan dan daripada asas-- itu yang berkaitan dengan perniagaan termasuk akaun, kira--nya, susun aturnya, peruncitannya kan, Pak Lan *apply* [menggunakan] lah benda ini dalam *business* [perniagaan] yang Pak Lan buat sekarang ini.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Jadi, bagaimana pula penerimaan orang ramai terhadap perniagaan yang sedang Pak Lan jalankan ini?

RS: Alhamdulillah, Pak Lan menerima sambutan yang agak menggalak, yang menyeronokkan. Memanglah diperingkat awal sesuatu yang baru kan. Orang belum tahu belum kenal jadi takde keghairahan nak membeli. Tapi lama kelamaan, dengan pelbagai-bagai perniagaan melalui pesta-- apa *event* [majlis]-- yang dianjurkan, Pak Lan masuk Pak Lan duduk, bukak meja, jual apa semua kan, perkenalkan produk Pak Lan dengan beberapa gambar, banting, poster dan sebagainya, lama kelamaan Pak Lan tengok macam ada sambutan kan. Ada sambutan. Mungkin itu diperingkat awal, Pak Lan memperkenalkan, proses memperkenalkan produk Pak Lan cuba komersialkan. Pastu Pak Lan fkir-- masukkan dalam *Facebook*, *Instagram*, media sosial yang adalah kan. Kemudian Pak Lan keluar, keluar pergi ke premis-- yang *viral* [tular], tumpang *crowd* [orang ramai] yang ramai, di premis yang viral ni, Pak Lan bukak- meja-- lah. Dimana Pak Lan bukak *booth* [gerai] kereta je. Duduk kat situ tumpang bukak booth [gerai] kereta Pak Lan ada rak, Pak Lan susun atur benda ni, duduk jual gitulah. Dua serampang dua mata yang Pak Lan buat. Pertama memperkenalkan produk (ambil menunjuk satu jari), hee, yang kedua (ambil menunjuk jari yang kedua) mempamerkan muka yang mungkin ada komersialnya sikit lah. Ye kan.

NN: Orang kenal

RS: Orang kenal kan. Daripada dua [2] faktor ini, produk tu memang produk yang tak terdapat di mana--. Takde orang yang buat dengan cara itu. Jenama dendeng dengan sambal ladonya kan orang-- tak ini pada ketika itu, kemudian dengan-- (ambil menunjuk mukanya) keterampilan mengkomersialkan mukanya sikit lah. Yee. Orang “ehh ehh” contohnya lah kan. Angkat tangan, kita angkat tangan (ambil mengangkat tangan). Orang bagi salam, kita bagi salam. Orang tanya khabar, kita jawab. Dalam masa itulah Pak Lan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

mempromosikan produk daging dendeng dan sambal lado. Sampailah nampak je Pak Lan bukak *booth* [gerai], orang tahu dah Pak Lan daging dendeng sambal lado. Dan dari situ juga lah sebutan Pak Lan. Orang panggil Pak-Lan-.

NN: Jadi apabila sambutan itu dikatakan seperti positif, menggalakkan, positif, jadi apakah reaksi Pak Lan pada ketika itu?

RS: Alhamdulillah. Pak Lan rasa ada potensi lah. Pak Lan rasa Pak Lan ni orang kenal. Dan orang tahu yang Pak Lan ada produk yang Pak Lan jual dan dalam masa yang sama jugak ada beberapa situasi yang membantu Pak Lan memeriahkan perniagaan yang dijalankan oleh Pak Lan ini. Beberapa wartawan sama ada diaorang dapat maklumat daripada mana-- atau secara kebetulan nampak Pak Lan berniaga dimana--, kan diaorang berhenti mewawancara kan. Di *interview* [temu ramah] Pak Lan, tanya khabar atau ambil gambar, kan, kemudian ada juga yang membuat temujanji. "Pak Lan dimana berniaga ni, berniaga ke tak?" Ada. "Dimana?" Di sekian--. "Kami nak datang ni nak sikit *interview* [wawancara] Pak Lan boleh?" "Ehh bolehh. Apa salahnya". Ha jadi peluang-- tu Pak Lan gunakan. Jadi diaorang datang amik gambar ke apa, bercerita sedikit tentang perkembangan Pak Lan, kemudian keluar dalam *paper* [surat khabar].

NN: Sosial media

RS: Haa sosial media dan sebagainya. Kemudian bila benda-- ini timbul, dapat pulak komen daripada-- kawan--, dikalangan artis jugak, kemudian ada jugak artis-- yang panas, mencuit sedikit tentang perniagaan Pak Lan ni, kena-- jadi-*balance*-- [seimbang] lah (membuat pergerakan tangan). Dan akhirnya Pak Lan secara tidak langsung mendapat pelanggan melalui-- apa *online* [atas talian]. Dan sekarang anak Pak Lan membuka pula ruang itu ke Shoppe

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

[aplikasi membeli belah diatas talian]. Jadi benda-- ni dapat lah kita berpaut kepada apa yang telah kita usahakan kan (membuat pergerakan tangan).

NN: Jadi sekiranya bagaimana pula dengan penerimaan yang negatif? Apa pula reaksi Pak Lan?

RS: Setakat ni takde lah penerimaan negatif.

NN: Sekiranya kalau akan datang? (sambil membuat pergerakan tangan)

RS: Akan datang apa yang nak di negatifkan (ketawa kecil) pada produk-- yang Pak Lan jual. Mungkin negatif dari segi kualiti lah. Mungkin ada pelanggan yang merasa kualitinya tak sampai untuk-- jadi produk di pasaran terbuka ini. Mungkin-- pelanggan pernah merasa cerita dari produk ini lain daripada lain. Dia membuat perbandingan ke kan. Itu jelah. Pak Lan tak-- fikir benda-- yang negatif. Dari segi iri hati sakit hati itu lain lah. Itu pandangan yang negatif juga kan. Pak Lan ada dikalangan kawan-- mungkin nampak Pak Lan mengeluarkan produk ini ada sambutan dan sebagainya, ada yang rasa tak sedap hati ke apa, pandangan yang negatif jugak lah kan tapi Pak Lan tak fikir soal itu. Kita buat ikhlas hati kita nak cari pendapatan, nak hidup dengan rezeki apa yang kita dapat, kita teruskan lah. Ha itu je. Ada rezeki adalah, takde, Pak Lan tak kisah. *No [tiada]* hal lah orang kata (tergelak kecil).

NN: Jadi apa— komen pun kita terima dengan hati yang terbuka.

RS: Hati terbuka. Pak Lan ada komen, nak suruh macam Pak Lan ada dapat komen untuk pembungkusan yang lebih baik. Dulu Pak Lan ada sampel-- pakai tupperware biasa--. Tapi dari semasa ke semasa, bila Pak Lan dah meningkatkan pasaran Pak Lan ke premis-- yang lebih kemas, lebih selamat,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

kejap Pak Lan minta ke kedai Mesra Petronas, kemudian kedai-- di Petron, kedai-- serbaneka mesti nak bekas yang cantik kemas, yang kemas lah kan. Jadi Pak Lan buat perubahan-- seperti itu kan, supaya nampak lebih kemas, teratur, cantik dan tahan lama (sambil membuat pergerakan tangan).

NN: Jadi adakah Pak Lan juga mempunyai stokis atau agen untuk mempromosikan perniagaan sambal lado dengan daging dendeng ini?

RS: Pak Lan menerima pelbagai-- permintaan daripada berbagai-- orang. Sama ada daripada kedai-- tertentu, atau dari orang perseorangan untuk menjadi agen. Ada. Beberapa orang yg memang menjadi agen Pak Lan untuk beberapa tempat. Pak Lan membekalkannya. Berdasarkan kepada permintaannya lah. Kemudian Pak Lan juga membekalkannya di kedai-- Mesra Petronas dan Petron. Kalau nak dikira agen, kedai-- ni lah sebenarnya yang menjadi agen tetap Pak Lan. Kalau orang-- perseorangan ni kalau jualan diaorang okey--

SNN: Haah diaorang teruskan.

RS: Diaorang teruskan lah kan. Kalau tak okey atau tak mendatangkan keuntungan yang lumayan yang diaorang harap-- kan, mungkin diaorang tak ni kan, tak laju pergerakkannya, diaorang tak-- berminat. Tapi kedai-- ni, cukup masa Pak Lan pergi cukup masa Pak Lan hantar. Macam tu je.

NN: Jadi sejauhmanakah perniagaan ini dapat membantu dalam kehidupan seharian Pak Lan?

RS: Alhamdulilah-- (sambil menadah tangan). Setakat ni takde masalah. Alhamdulillah, banyak atau sedikit, terserah (terbatuk) banyak atau sedikit,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

seadanya, rezeki untuk Pak Lan. Waktu ini Pak Lan tidak memikirkan soal berapa banyak bayaran yang Pak Lan dapat. Bagi Pak Lan, ini ialah sumber yang boleh mendarat rezeki, Allah bagi. Kita ikhtiar, kita dapat. Untung dia sedikit atau banyak, bergantung kepada kita, atau kepada generasi akan datang yang akan ambil alih perniagaan ini. Bagi Pak Lan, mungkin Pak Lan dah sampai satu tahap Pak Lan tak boleh buat apa dah. Nak gunakan tenaga untuk meningkatkan perniagaan, Pak Lan dah tak mampu, untuk memberi idea apa yang harus dibuat, mungkin Pak Lan bolch berfikir kan, untuk berkerja, nak ini, dah tak daya lah. Jadi bergantung lah. Tapi setakat yang Pak Lan dapat sekarang, alhamdulillah, boleh tumpung kehidupan Pak Lan, isteri dan anak. Dan kalau sekiranya nanti produk ini akan diteruskan perniagaannya oleh isteri atau anak Pak Lan, kalau sekiranya Pak Lan padam secara tiba-- dalam masa yang singkat ini, diaorang lah yang akan meneruskan dan berusaha mencari cara bagaimana nak kecil atau nak besar. Skala itu terpulang pada diaorang. Diaorang boleh buat, boleh bikin. Sekarang tidak ada yang mustahil. Sebab bermacam-- cara untuk kita boleh-- menjalankan, mengembangkan.

NN: Jadi kalau saya tak salah, Pak Lan ada sebutkan bahawa, perniagaan ini telah dijalankan selama empat [4] tahun. Bermaksud sebelum daripada bermulanya pandemik covid sembilan belas [19]. Jadi apabila datangnya pandemik covid sembilan belas [19] ini, adakah perniagaan Pak Lan itu sendiri menerima tempias daripada keadaan tersebut?

RS: Memang mengalami tempiasnya. Permulaannya, okey. Kemudian disertai pula dengan bantuan ni, apa, berita-- yang dikeluarkan daripada pertemuan secara kebetulan wartawan, kawan-- yang mensensasikan tentang perkara ini kan. Sehingga mereka lah yang meng *upload* [memuat naik] disosial media kan. Sebelum pandemik. Kemudian dalam proses kita mendalami covid *nineteen* [sembilan belas] pun, benda ni meletup, yang mana ramai artis jadi susah, takde *job* [kerja] takde apa, yang sebagainya, tapi Pak Lan masih lagi bertahan dengan perniagaan Pak Lan. Sehingga satu peringkat tu, ada artis yang mencuit tentang perniagaan Pak Lan, artis yang tak meminta-- waktu covid,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

yang masih lagi berusaha walaupun dalam keadaan yang tak kuat tak sihat, berusaha mencari pendapat untuk keluarga. Waktu tu perniagaan Pak Lan melambung sebab disambut oleh *netizen* [orang ramai] sebagai satu yang positif kan. Dengan pesanan melalui *online* [atas talian] tak terlayan. Kan satu ketika, memuncak. Kemudian lama kelamaan benda tu dia makin menurun balik, menurun sebab covid panjang jangka masanya kan, panjang--. Masalah orang tak bekerja, dengan masalah orang dah hilang pendapatan, dengan masalah diaorang tak boleh keluar, dengan masalah orang tak boleh nak itu ini, jadi benda tu makin lama makin menurun. Dan Pak Lan pula bila waktu covid, Pak Lan tak keluar dah dengan pelbagai-- sop yang dihidangkan kepada kita. Tak boleh dah nak keluar dah. Kedai makan pun yang selalu kedai makan *viral* [tular] tempat-- *viral* [tular] yang selalu jadi tumpuan orang ramai dah lengang. Kan. Dah tutup. Macam mana Pak Lan nak pergi menumpang. Sebab itu lah *post* [tempat]-- yang Pak Lan menumpang untuk mengeluarkan produk ni. Bila diaorang tutup, Pak Lan pun tutup, bila diaorang sunyi, Pak Lan pon sunyi. Tak de tempat-- yang membolehkan Pak Lan mengembangkan atau nak meningkatkan jualan ini. Akhirnya Pak Lan juga terkesan daripada covid *nineteen* [sembilan belas] yang sangat ketara. Dan memang Pak Lan merasakan jualan Pak Lan pun merosot. Merosot begitu ketara. Daripada peratus yang sekian, menurun ke peringkat-- yang agak sakit jugak lah. Tapi yelah kita buat sendiri, kita tak libatkan penyewaan tempat, kita tak melibatkan bayar gaji kita tak melibatkan pinjaman tempat masa ke apa. Semuanya kita buat kat rumah. Itu je lah, kita boleh lagi bertahan dan kita menggunakan tenaga anak dan isteri untuk membantu.

NN: Jadinya usaha yang dilakukan oleh Pak Lan untuk memastikan perniagaan terus berlangsung, Pak Lan masih lagi bermiaga juga lah walaupun tempias tu agak ketara?

RS: Yah. Pak Lan masih terus bermiaga dan terpaksa meneruskan perniagaan ini sebab apa-- benda Pak Lan nak buat yang- lain-- (ketawa kecil). Pak Lan kena hadapi benda ni. Dan Pak Lan kena atasi bertahan dulu sehingga satu

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

peringkat, sekarang ni pun Pak Lan rasa dah mula lega balik kan, dan Pak Lan akan pikirkan bagaimana cara Pak Lan nak jadikan ia stabil balik Pak Lan. Stabil dan-- ia tak hilang begitu saja. Dia tak benam begitu sahaja.

SNN: Okey jadi kita beralih pula kepada topik pencalonan. Apakah pencalonan yang pernah diperolehi sepanjang menceburi bidang industri seni ini?

RS: (Tergelak kecil). Ini dah masuk bab *glamour* [populariti] ni.

NN: Populariti

RS: Populariti. Sepajang Pak Lan terlibat dalam bidang lakonan ini, ada beberapa pencalonan yang Pak Lan dah di tawarkan sama ada untuk bidang lakonan lah melalui penglibatan Pak Lan dalam lakonan drama atau filem. Khususnya dalam drama lah. Dalam drama , Pak Lan dari stesen-- tv swasta atau pekerjaan beberapa jugak Pak Lan tercalon. Di RTM sendiri, dalam Seri Angkasa dulu RTM ada program Seri Angkasa untuk menghargai artis-- yang terlibat dalam hiburan ini ye. Pak Lan dah pernah terlibat dan Pak Lan pernah tercalon dalam *top* [teratas] lima [5] peringkat akhir. Tapi Pak Lan tak berjaya untuk menggondol sebarang kejayaan disitu. Begitu juga dalam anugerah skrin. Beberapa drama yang Pak Lan terlibat Pak Lan pernah dicalonkan sebagai pelakon lelaki pelakon pembantu lelaki terbaik dalam anugerah skrin. Tapi walaupun tercalon dalam *top* [teratas] lima [5], pun Pak Lan tak pernah juga menggondol sebarang anugerah yang boleh bawa balik trofi ataupun sebagianya, jadi walaupun begitu, awalnya Pak Lan dah cakap, falsafah lakonan, atau bidang seni yang Pak Lan ceburi ini bukan untuk itu. Falsafahnya ialah untuk menyampaikan sesuatu sebagai bahan sarna ada baik ataupun tidak baik kepada penonton. Ha kan. Pak Lan tak menjurus kearah mencapai tahap populariti yang macam mana, atau mencapai tahap yang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

terbaik macam mana, itu bukan kepuasan atau cita-- Pak Lan dalam bidang lakonan ini.

SNN: Jadi bagaimakah perasaan Pak Lan pada ketika itu bila mana nama Pak Lan tersenarai dalam pencalonan?

RS: Eh seronok lah. (Ketawa kecil) seronoklah. Seolah-- orang kenal kita. Orang melihat kita punya hasil kerja dalam bidang yang kita ceburi. Sampai satu peringkat yang boleh di yang dipilih.

NN: Pada pendapat Pak Lan sendiri, apakah yang menyebabkan Pak Lan tidak berjaya dalam memperolehi anugerah tersebut?

RS: Ha mungkin karakter yang dicalonkan tu, karakter yang dipertandingkan tu, karakter yang dinilaiakan tu dalam masa pilihan dram-drama yang tercalon tak begitu kuat untuk menandingi karakter-karakter lain dalam drama-drama lain yang dipertandingkan. Sebab dia punya konsep dalam pertandingan itu, dia ada- dia akan pilih beberapa drama yang terbaik. Daripada drama-drama yang terbaik itulah dia memilih pelakon-pelakon terbaik atau pelakon-pelakon utama, pelakon pembantu atau pelakon-pelakon dalam- jadi walaupun kita kadang-kadang dapat duduk dalam drama yang terbaik tapi kita tak dapat karakter yang terbaik dalam drama itu. Mungkin dalam cerita lain yang dapat karakter yang baik, yang lagi bagus, yang lagi kuat. Itu yang menyebabkan banyak benda-benda yang menjadikan kita takde peluang untuk sampai ke peringkat yang terbaik dan dipilih orang yang berjaya dalam anugerah-- itu (sambil menggerakkan tangan secara rawak)

NN: Jadi bagaimana reaksi Pak Lan selepas mengetahui yang Pak Lan tidak berjaya dalam pencalonan tersebut?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: (ambil mengusap kumis) Takde apa.

NN: Takde rasa kecewa?

RS: Eh takde apa. Kan Pak Lan kata apa tadi awal. Falsafah Pak Lan berlakon
bukan mengejar

NN: Populariti.

RS: Populariti ataupun *glamour* [terkenal] sebab kita adalah sebagai
penyampai kan.

**NN: Jadi Pak Lan adakah mempunyai perasaan putus asa atau kecewa apabila
nama hanya di fasa pencalonan sahaja?**

RS: Eh tak, dah sampai ke peringkat itu pun dah kira okey la. Macam Pak Lan
katakan tadi. Dah sampai ke peringkat itu- (ambil menggerakkan tangan
secara rawak)

NN: Dah suka sangat.

RS: Dah ke peringkat pencalonan itu pun-

NN: Bukan senang.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Bukan senang, itu menunjukkan bahawa penglibatan kita dalam bidang seni itu (ambil menunduk jari ke arah badan)

NN: Diiktiraf.

RS: Orang tengok kan. Orang tengok dan orang nilai.

NN: Betul.

RS: Sampai ke satu peringkat orang iktiraf kita sampai ke peringkat puncak pun okey. Pak lan tak cari *glamour* [terkenal].

SNN: Jadi pada pendapat Pak Lan, apakah faktor yang menyebabkan seseorang artis itu layak untuk menerima penganugerahan?

RS: Macam-macam faktor la yang diambil kira. Dari segi kemampuan dia membawa watak-watak yang diberikan. Dari segi bakat lakonannya memang terserlah eh. Kemudian, dari segi penglibatannya dan komitmennya dalam kerja-kerja penggambaran bagusnya kan dan juga mungkin dari segi seriousnya dia kan dalam memberikan sesuatu yang terbaik dalam kerjaya yang dia ceburi. Komitmen-- (menggerakkan jari jemari).

SNN: Jadi adakah Pak Lan merasakan bahawa pelakon yang baru berkecimpung dalam seni hiburan ni sebenarnya layak untuk terima penganugerahan berbanding dengan pelakon yang sudah lama berkecimpung?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: Boleh. Boleh dibagi kepada mereka tapi biar berasas la kan. Jangan kita bagi atas asas nak mengglamourkan dia. Atas dasar dia tu ada pakej, pakej yang lebih kan. Dari segi rupa, dari segi fizikal, dari segi kerennahnya kan dan betul la memang betul la dan pastikan mereka bertahan dengan kehebatan mereka, kebolehan mereka kan. Pastikan mereka tu memang baik, lebih baik, dan membaik kan barulah kita memberi nilai yang sebenar kepada mereka kan. Kita tidak- kita nak beri nilai kepada dia, nak bagi tempat pada dia, kita menidakkannya bakat yang lebih hebat kepada orang lain. Tapi, bila realitinya bidang yang diceburinya dia dapat itu, hilang. Dia dapat itu dah takde benda dah. Dapat itu, itulah dia tahapnya. Sedangkan yang dibelakang ni, menunjukkan betapa mereka bersungguh-sungguh. Betapa mereka ber- (bercakap penuh semangat)

SNN: *Serious [serius]*.

RS: Berketerampilan yang hebat, lagi hebat daripada apa yang diberikan kepada mereka.

NN: Jadi selain daripada tu, boleh saya tahu tentang perkembangan Pak Lan sekarang. Selain daripada bergiat aktif dalam urusan perniagaan, adakah Pak Lan juga bergiat aktif dalam perkara– lain?

RS: Pak Lan tidak dapat mengaktifkan diri Pak Lan sebenarnya sebab semenjak Pak Lan dalam keadaan sebegini dan meninggalkan bidang seni Pak Lan, masih Pak Lan ditawarkan dipanggil untuk berlakon. Masih Pak Lan dikunjungi oleh (sedang berfikir) orang-orang tertentu, dalam bidang-bidang yang Pak Lan ceburi. Pak Lan sering juga dikunjungi oleh pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar daripada beberapa institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan khidmat nasihat, tunjuk ajar, untuk kumpulan-kumpulan pelajar yang terlibat dalam bidang ini seperti di Melaka yang Pak Lan katakan tadi. Pak Lan pernah

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

dihubungi oleh group [kumpulan] pelajar-pelajar dari (sambil terbatuk) daripada universiti WISDA, UCAM sebab mereka pun ada *group* [kumpulan] kebudayaan yang kadang-- menyertai beberapa pertandingan seni ini, mereka datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar. Begitu juga daripada pelajar-pelajar sekolah menengah diorang datang menyatakan ingin membuat persembahan, ada pertandingan antara sekolah-sekolah eh. Jadi, Pak Lan masih la menyumbang sesuatu yang Pak Lan mampu buat. Tapi mereka kena datang- (mengerakkan tangan secara rawak)

NN: Berjumpa.

RS: berurusan dengan Pak Lan la sebab kalau dulu Pak Lan masih bertenaga, Pak Lan akan terlibat ke *group* [kumpulan] ke sini ke, *group* [kumpulan] apa ke, ke *group* [kumpulan] ini ke urusan teater ke Pak Lan akan bergerak ke luar. Tapi sekarang kebanyakannya mereka akan datang berjumpa dengan Pak Lan, Pak Lan bagilah apa yang Pak Lan ada (sambil menggerakkan tangan secara rawak).

SNN: Jadi selama Pak Lan menceburkan diri dalam industri seni ini, apakah yang boleh dikatakan sebagai sumbangan Pak Lan kepada industri seni tanah air kita?

RS: Pak Lan takde menyumbang apa--. Pak Lan menyumbangkan dari segi bakat Pak Lan, kemampuan Pak Lan untuk menghasilkan lakonan yang baik sama ada untuk memberi contoh teladan kepada penonton atau pun menjadi sempadan eh. Yang baik pakai la, yang tak baik buatlah pertimbangan kan. Dari segi sumbangan seperti yang Pak Lan kata tadi, kalau dalam bidang seni itu sendiri sumbangan Pak Lan itulah dia. Cuba memberikan sesuatu yang baik tapi kalau di luar daripada bidang itu, bila ada kumpulan-kumpulan tertentu yang datang mendapatkan khidmat, mendapatkan nasihat atau untuk berkongsi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

ilmu dengan Pak Lan tentang bidang yang Pak Lan pernah ceburi, Pak Lan *on [terbuka]* la. Pak Lan beri la, itu la (menggerakkan tangan dan jari secara rawak).

NN: Jadi untuk soalan skop harapan, apakah harapan Pak Lan ataupun menjadi impian Pak Lan untuk memegang satu-satu watak yang masih belum pernah dibawa?

RS: (Sambil ketawa) Ada ke lagi watak yang Pak Lan tak pernah pegang? Cuba *you [awak] all [semua]* ingat (sambil tersenyum).

NN: Rasanya kalau yang-

RS: Ha apa watak? Apa- watak-- sebut.

NN: Watak jahat.

RS: Argh Pak Lan pernah buat jahat dah. (sambil mengangkat tangan)

NN: Watak misteri.

RS: Watak misteri pun Pak Lan dah buat dalam Pintu Taubat.

NN: Orang baik.

RS: Orang baik macam-, pak imam pun Pak Lan dah pernah buat. (bercakap sambil tersenyum)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

SNN: Jadi dah takde lagi la harapan-

NN: Ataupun impian.

SNN: Pak Lan, haah.

RS: Nak jadi apa eh.

SNN: Haah watak-watak yang tak pernah. Semua dah pernah la.

RS: Ha satu je lagi. Hakim. (ambil menunjukkan jari telunjuk)

NN: Hakim? (ambil ketawa kecil)

RS: Pak- Lan-- tak pernah jadi Hakim.

NN: Hakim Mahkamah.

RS: Hakim Mahkamah. Peguam pernah, hakim tak pernah. Ha kene ingat tu, lain tu.

NN: Haah.

RS: Nak jadi ustaz pernah, jadi tuan guru pernah, jadi wali pernah, jadi orang miskin pernah, jadi anggota tentera, anggota polis, pegawai kerajaan, korporat, pengemis- (ambil menghitung jari)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

NN: Komunis.

RS: Petani, komunis, (sambil ketawa kecil) pendekar, ha macam--. Apa je yang Pak Lan tak bawakan. Rasanya dah beraneka jenis dah eh. Tak ada yang-tak ada dah yang Pak Lan tak pernah, itu je Hakim (sambil menggaru kepala). Peguam pernah, nelayan pernah, petani pernah.

NN: Jadi apakah harapan Pak Lan dalam industri lakonan pada hari ini?

RS: Takde harapan lagi la, apa harapannya. Pak Lan dah menarik diri dalam bidang ini.

NN: Mungkin Pak Lan-

RS: Pak Lan takde harapan. Pak Lan mengharapkan kepada orang lain, mungkin. Harapan Pak Lan pada generasi-generasi baru atau generasi-generasi yang masih lagi bergiat serious dalam bidang ini mesti ada tanggungjawab. Pak Lan mengharapkan mereka ada tanggungjawab dalam bidang ini bukan untuk populariti, bukan untuk *glamour* [terkenal]. Bukan untuk- sebagai satu *platform* [landasan] nak jadikan diri ini macam-macam la. tapi mesti ada falsafah, mesti punya falsafah (sambil bercakap dalam nada serius) (sambil menggrakkan tangan secara rawak).

NN: Disiplin.

RS: Yang bagus untuk industri ini. Sebab generasi kita dalam bidang seni ini akan menjadi inspirasi kepada generasi yang akan datang. Generasi muda akan melihat generasi terdahulu daripada mereka apabila mereka nak menceburi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

bidang ini kan. Tak kira la bidang seni lakon ke, pengarahan ke, muzik ke, suara ke, dan sebagainya kan. Jadi daripada itu, baru mereka boleh membina falsafah-- kerjaya mereka kan.

NN: Jadi kalau- sekiranya watak yang dikatakan tadi mungkin watak hakim yang belum pernah dipegang tapi bagaimana pula dengan pihak produksi. Adakah mana-mana pihak produksi yang masih belum mungkin Pak Lan sendiri belum pernah bekerjasama?

RS: Ini satu pertanyaan yang bagus. Pak Lan ni sebenarnya terlibat dengan banyak *production house* [induk pengeluaran] produksi. Pak Lan tidak- ada artis yang memang ada-- produksi-- tertentu je.

SNN: Yang dia nak.

RS: yang- dia- memang-- dia *stick* [berpegang]. Tapi Pak Lan tak. Bermacam-macam produksi dah berpuluhan-puluhan yang seingat Pak Lan. Apa produksi je dalam- sebut je apa produksi yang *you* [awak] tahu.

NN: SKOP

SNN: SKOP [sambil ketawa kecil].

RS: SKOP Productions, Take One Productions, HBD, Nizarman, More Production, Double Vision

NN: A. Aida.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RS: A. Aida Production, Rashid Siddique, Opera- Klasik--, Sheila Rusly [Artis Wanita malaysia] dengan Jinggo [Artis Lelaki Malaysia] apa dia punya *production* [produksi], (sedang berfikir sejenak) apa tak tahulah apa nama-nama. JS Production, apa production yang Pak Lan tak pernah terlibat. Serangkai Filem. Apa macam-- filem la. Jadi, Pak Lan rasa Pak Lan banyak juga tu terlibat dengan bermacam-macam production.

NN: Tiga puluh [30] tahun kan.

RS: Ha macam-macam production, macam-macam pengarah. Ha macam itu. Takde, Pak Lan orang panggil je Pak Lan pergi. (sambil tersengih)

SNN: Maka— dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan mengenai industri seni bersama Tuan Roslan Salleh. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam industri seni untuk para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

LOG TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

6.0 LOG TEMUBUAL

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 1		
Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00:01 - 08:50	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> -Nama artis Roslan Bin Salleh. -Lahir di Masjid Tanah, Melaka. -Daripada keluarga petani. -Menetap di Masjid Tanah, Melaka. -Nama panggilan Pak Lan selepas menjalankan perniagaan produknya. -Lahir pada 16 Julai 1957. -Anak yang ketiga -Mempunyai 11 orang adik beradik iaitu 7 lelaki 4 perempuan -Arwah ayah bekerja sebagai seorang polis di Singapura. -Nama ibu: Ramlah binti Jalil -Ibu sebagai suri rumah -Ibu sudah berusia 81 tahun.
08:52 - 14:42	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> -Sekolah Rendah Kebangsaan Durian Daud, Masjid Tanah Melaka -Tingkatan 1 sehingga tingkatan 6 di Sekolah Menengah Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka -Tidak dapat masuk universiti walaupun masuk ke tingkatan enam -Selepas tingkatan 6, memohon berbagai-bagai jawatan untuk mendapatkan pekerjaan. -Memohon maktab perguruan, inspektor polis dan kastam. -Berjaya menerima 3 temuduga tetapi akhirnya memilih guru.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

		<ul style="list-style-type: none"> -Seorang yang aktif berpersatuan semasa di zaman persekolahan. -Mempunyai ketekunan untuk memimpin persatuan-persatuan di sekolah. -Antaranya ialah persatuan beruniform, persatuan akademik, persatuan drama, persatuan kebudayaan dan kesenian, persatuan perpustakaan, persatuan jurufoto, persatuan fotografi.
14:43- 16:21	Idola	<ul style="list-style-type: none"> -Tiada idola yang khusus dalam bidang lakonan kerana tidak membawa karakter lakonan milik siapa-siapa

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 2

Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00.01-03.12	Idola dalam bidang lakonan, politik, dan keagamaan.	<ul style="list-style-type: none"> -Tan Sri P. Ramlee, Nordin Ahmad. -Tun Dr. Mahathir Mohamad, Anwar Ibrahim. -Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, Tan Sri Dato' Seri Hj. Hadi Awang.
03.13-07.17	Persepsi terhadap seni lakonan	<ul style="list-style-type: none"> -Menarik, memberangsangkan. -Bidang yang diminati sejak zaman sekolah rendah dan mula berlakon serta pementasan. -Bermula dengan kelompok kecil (sekolah dan orang kampung).
07.18-12.12	Pandangan tentang cabang bidang seni Pandangan terhadap kerjaya pendidik	<ul style="list-style-type: none"> -Terbahagi kepada seni musik, suara, pertukangan, penulisan, lakonan. -Merupakan kerjaya awal -Mengajar murid sekolah rendah -Bertanggungjawab mendidik dari peringkat awal tumbesaran anak-anak.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

12.13-16.09	Perbezaan seni pementasan teater dan lakonan Seni teater masih lagi relevan	<ul style="list-style-type: none"> -Teater asas seni lakonan -Elemen pembelajaran tentang penghayatan emosi, gerak tubuh, dan penggunaan ruang. -Cara persembahan dan penyampaian adalah terus kepada penonton berbanding lakonan di tv. -Persembahan yang berkait secara terus antara pelakon dan penonton.
16.27-23.24	Perbezaan artis dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> -Falsafah yang dipegang berbeza. -Pemikiran yang menjadikan seni lakonan sebagai sumber kemewahan serta populariti adalah salah dan bertentangan. -Perbezaan dari segi bakat, kualiti, fizikal, dan imej yang dibawa. -Segelintir artis baru mudah memuncak kariernya berbanding artis terdahulu yang berjaya secara berperingkat.
23.25-27.05	Penyesuaian diri bersama artis baharu	<ul style="list-style-type: none"> -Segelintar bersikap positif dan ada yang tidak serta mempunyai masalah untuk berkomunikasi. -Kurang berhubungan baik dengan artis veteran kerana malu atau segan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 3		
Masa	Perkara	Fokus
00:01 - 03:42	Perbezaan Set Pengambaran Dulu Dengan Sekarang	<ul style="list-style-type: none"> -Dulu selalu menjalani pengambaran dalam studio. -Sekarang kita banyak menggunakan lokasi di luar, seperti hutan, sungai, bangunan. -Kebaikan studio, setempat dan boleh diubah. -Keburukan studio, tak banyak pergerakan dan tak banyak menggunakan ruang. -Kebaikan set pengambaran sekarang, ia lebih realistik dan banyak pergerakan yang lebih jauh dan juga penggunaan teknologi blue screen
03:43 - 14:11	Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> -Berbeza dari segi tempoh masa dan berbeza daripada kadar potongan hidup. -Kadar bayaran dulu untuk satu cerita, satu drama atau filem, dapat RM1,000 mungkin besar. -Tapi sekarang nilai RM1,000 kecil. -Pernah menghadapi isu kelewatan menerima bayaran walaupun sudah berjanji melalui lisan atau kontrak. -Pernah bergaduh dengan pihak produksi kerana isu ini. -Selalu menyuarakan tentang isu ini tetapi tetap tidak selesai. -Pernah tidak menerima langsung bayaran sehingga kini

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

14:12 - 19:14	Watak yang pernah dibawa	<ul style="list-style-type: none"> -Sudah membawa bermacam macam watak samada watak hidup ataupun watak mati. -Watak yang paling diingati adalah membawa watak seorang komunis dalam cerita Maruah dan Pengorbanan iaitu Ah Tiam -Selain itu, membawa watak seorang pengemis dalam drama Miskin Seorang Ayah. -Tidak mengalami sebarang kecederaan walaupun membawa watak yang lasak. -Hanya sedikit penat kerana pergerakan komunis yang lasak memburu dan diburu, diserang hendap dan bertelagah sesame sendiri.
19:15 - 26:05	Perbezaan dalam diri selepas terlibat dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> -Dua perbezaan -Sebelum berlakon, kerjayanya berdasarkan aturan yang telah ditetapkan. -Apabila menukar kerjaya, bidang lakonan ini perlukan pengamatan yang tajam dengan menjadi seorang manusia yang sangat peka kepada kehidupan manusia. -Kerana melalui kepekaan itu, baru boleh menghayati karakter manusia -Merasakan hidup tidak berpijak di bumi yang nyata kerana sentiasa berimajinasi, membayangkan sesuatu, mencari sesuatu untuk penghayatan dalam menghasilkan persembahan lakonan.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 4		
Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00.05-05.38	Kerjaya awal dalam kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> -Lulusan Maktab Perguruan. -Berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Kerayong, Kerian, Pahang dan Sekolah Kebangsaan (Felda) Keratong 1, Rompin, Pahang. -Berkhidmat sejak tahun 1984 selama 6 tahun. -Mengajar matapelajaran bahasa dan sejarah bagi murid tahun 1, 2, dan 3.
05.39-09.02	Pertukaran kerjaya sebagai artis seni	<ul style="list-style-type: none"> -Cenderung dengan perubahan cara kehidupan. -Minat terhadap sesuatu yang mencabar dan memerlukan peningkatan secara berkala.
09.03-11.40	Perbezaan cara pengajaran dan pembelajaran murid zaman dahulu	<ul style="list-style-type: none"> -Murid yang datang dari pelbagai latar belakang keluarga. Kebanyakannya dari pedalaman. -Belajar di bangunan peneroka serta persekitaran yang tidak kondusif. -Muatan pelajar bagi sesebuah kelas melebihi 40 orang pada satu masa.
11.41-16.12	Kerjaya lain yang pernah diceburi	<ul style="list-style-type: none"> -Membuat perniagaan kecil-kecilan. -Buka kedai alat tulis dan kedai serbaneka di Pahang namun tidak bertahan lama akibat inflasi.
16.13-18.14	Penglibatan awal dalam dunia lakonan melalui teater	<ul style="list-style-type: none"> -Mula berlakon dan terlibat dengan kumpulan teater secara tidak langsung di Melaka. -Menubuhkan kumpulan teater belia di Felda serta menjadi jurulatih teater dan membawa mereka bertanding teater di peringkat tinggi. -Terlibat dengan Bangsawan Melaka dan Teater Amatur Melaka.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

18.15-19.39	Kemuncak kerjaya sebagai pelakon	-Apabila ramai penerbit filem turun ke Melaka untuk melakukan penggambaran dan mencari beberapa pelakon tambahan. -Mendapat sokongan dan dorongan oleh individu dalam industri seni.
19.44-22.52	Pementasan pertama	-Mula berlakon tahun 1969, Tajuk 'Kerbau' di sekolah rendah. -Membawa genre fantasi.
23.03-25.18	Permulaan kerjaya sebagai pelakon secara serius	-Pada tahun 1987, bermula sebagai pelakon tambahan pada ketika itu. -Sewaktu drama swasta sudah mula diperkenalkan dan tersebar luas. -Tahun 1990, mula terpanggil dan menerima tawaran untuk berlakon.

VIDEO RAKAMAN BAHAGIAN 5		
Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00:01 - 03:39	Pilihan kerjaya	-Terlibat dalam bidang lakonan secara rasmi pada tahun 1987. -Sudah lebih kurang 30 tahun dalam industri bidang lakonan -Memang menjangkakan yang akan bertahan dalam jangka masa yang lama berdasarkan kepada bakat dan pengalaman pentas yang ada. -Percaya pada pakej bakat, kesungguhan, ilmu dan kemahiran berlakon.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN

03:43 - 10:22	Reaksi keluarga apabila beliau menceburkan diri dalam bidang industri lakonan	<ul style="list-style-type: none"> -Dari pihak keluarganya seperti ayah, mak dan adik beradik, tidak mempunyai fikiran yang macam-macam. -Ketekadan untuk menjadi seorang pelakon sehingga berjaya menjadi seorang pelakon dapat membuktikan kesungguhannya. -Tetapi dari segi kefahaman orang, ada sedikit kesangsian dari segi kepercayaan. -Yang penting, diri sendiri, keyakinan, kepercayaan dan pembawaan diri sendiri. -Akhirnya, kefahaman itu semakin hari semakin menebal yang bahawa kerjaya ini bukan itu keutamannya
10:23 - 19:39	Orang bertanggungjawab membawanya dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> -Diri sendiri yang menjerumuskan diri dalam bidang ini kerana terlibat dala kumpulan teater. -Pada ketika itu, mereka mencari pelakon tambahan dan menawarkan dirinya sendiri. -Turut menerima motivasi dan galakan daripada pengarah dan kawan-kawan bahagian pengurusan untuk pergi ke Kuala Lumpur kerana ia pusat perkembangan bidang ini. -Mempunyai beberapa kenalan untuk dihubungi di Kuala Lumpur -Berhijrah ke Kuala Lumpur seorang diri untuk mencari peluang dalam bidang lakonan. -Masih lagi mencari ilmu lakonan dengan mengikuti kumpulan teater Hidayah. -Othman Haji Zainudin antara orang terawal yang membantu keterlibtannya dalam bidang lakonan ini. -Hubungan itu masih kekal sehingga kini bilamana ada majlis rasmi, seniman, pasti akan berkumpul bersama.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

19:40 - 25:26	Pengalaman awal kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> -Cerita yang nampak muncul adalah Siti Zulaikha kerana khusus ditayangkan sepanjang bulan puasa. -Pengarah untuk drama pertamanya ialah S Sahlan. -Filem pertama ialah Yes Bos -Filem lain yang nampak muncul adalah Sembilu 2. -Kemudian diikuti dengan filem dan drama lain. -Belajar menjawai watak dengan dirinya sendiri -Jika pembawakan watak itu tidak betul, akan ditegur oleh pengarah.
---------------	-------------------------	---

VIDEO RECORDING PART 6

Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00.01-01.32	Penerimaan masyarakat terhadap penglibatan dalam industri seni	<ul style="list-style-type: none"> -Masyarakat bandar di tempat tinggal baru hanya bereaksi biasa kerana beliau masih kurang dikenali. Namun, disambut baik oleh orang kampung apabila pulang.
01.35-02.28	Watak yang sering ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> -Sewaktu muda sering kali ditawarkan dengan watak-watak antagonis (watak bersifat negatif).

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 7

Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00.01-02.2	Cara pembawaan watak antagonis	<ul style="list-style-type: none"> -Perlu dibawa dengan emosi yang berlebihan untuk menonjolkan kejahatan dalam watak tersebut. -Perlakuan tiada had, emosi bebas, dan lontaran suara tidak terbatas.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

02.24-03.53	Reaksi penonton terhadap watak antagonis yang dibawa	-Respon penonton bersifat negatif. Mereka menunjukkan rasa kebencian dan kemarahan terhadap watak yang dibawa sehingga mempengaruhi kehidupan peribadi beliau apabila berada di luar.
03.54-05.17	Perubahan penerimaan tawaran watak yang berbeza	-Semakin berusia, semakin kurang tawaran watak antagonis dan mula diberi peluang untuk menerima watak-watak agonis.
05.18-07.20	Pengalaman awal di set penggambaran	-Kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, cara kerja, dan teknik dalam lakonan. -Memerlukan pengalaman dan pengetahuan.
07.23-08.11	Bayaran diterima pada awal kerjaya	-Tidak tetap. -Bergantung kepada persetujuan, jenis watak yang dipegang, dan kekerapan jadual penglibatan.

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 8		
Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00:01 - 06:28	Pengalaman ujibakat	<ul style="list-style-type: none"> -Terlibat dengan ujibakat dengan perlu membawa karakter sebagai Taming Sari, pahlawan Majapahit yang bertarung dengan Hang Tuah dalam cerita yang bertajuk Menjunjung Titah. -Pihak produksi daripada Kuala Lumpur datang ke Melaka untuk mencari watak Taming Sari. -Akhirnya, berjaya membawa watak tersebut mungkin kerana fizikal dan muka tidak hensem -Pengarahnya ialah Othman Haji Zainudin. -Ujibakat tersebut dilakukan di Melaka pada awal 90an.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

06:30 - 11:15	Kelas lakonan yang pernah disertai	<ul style="list-style-type: none"> -Mengikuti kelas lakonan melalui kumpulan lakonan, kumoulan pentas dan kumpulan teater. -Belajar tentang aktiviti suara, intonasi, gerak tubuh, cara berdialog dan cara melepaskan ekspresi. -Kelas percuma ini diaar oleh tenaga pengajar untuk memberi tunjuk ajar memperbetulkan atau memberi cara bagaimana untuk menghayati watak. -Antaranya ialah arwah Latif, arwah Khalid, Kamarul AR.
11:16 - 15:40	Cabaran dalam bidang industri lakonan	<ul style="list-style-type: none"> -Yang pertama, pendapatan yang tidak stabil kerana tidak tetap dan bergantung kepada tawaran. -Kedua, jadual kerja yang tidak tetap. -Ketiga, penerimaan masyarakat terhadap kita kerana kurang bergaul dan cara hidup yang sedikit berbeza dengan orang lain.
15.41 - 17:33	Usaha untuk mengatasi cabaran tersebut	<ul style="list-style-type: none"> -Berusaha sendiri dengan cuba melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat seperti majlis agama, ceramah, gotong-royong dan sebagainya. -Tidak menyombongkan diri dan mengasingkan diri daripada masyarakat.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

RAKAMAN VIDEO BAHAGIAN 9		
Masa (Minit)	Perkara	Fokus
00.07-00.55	Individu yang bersama membantu menghadapi cabaran	<ul style="list-style-type: none"> -Diri sendiri. -Belajar tentang pengawalan dan cara mengatasi masalah.
00.58-01.20	Rakan artis yang rapat	<ul style="list-style-type: none"> -Dato' Jalaluddin Hassan, Mubarak Majid, dan Nasir Bilal Khan.
01.29-03.03	Kenangan manis bersama rakan artis	<ul style="list-style-type: none"> -Kene tipu, lambat atau tidak memperoleh bayaran, mempunyai isu bersama pihak produksi. -Berlatih bersama memainkan watak masing-masing. -Melakukan aktiviti luar bersama-sama seperti bermain snuker, boling dan karaoke.
03.04-04.48	Drama atau filem yang dekat di hati	<ul style="list-style-type: none"> -Drama: Isteri Yang Diiktiraf. -Filem: Lelaki Harapan Dunia. -Filem luar negara (China): Simtat.
04.49-09.14	Kenangan manis semasa terlibat dalam bidang industri seni	<ul style="list-style-type: none"> -Suasana yang menyeronokkan, kumpulan dan pelakon yang komited serta saling berkerjasama. -Melakonkan babak cerita ‘Harapan dan Maruah’ seronok apabila melibatkan jumlah pelakon yang ramai dan orang kampung setempat.
09.15-11.49	Pengalaman manis bersama krew produksi Pengalaman pahit bersama krew produksi	<ul style="list-style-type: none"> -Apabila melibatkan kawasan penggambaran di tepi tasik, air terjun, atau pantai. Masak beramai-ramai dan bermandi-manda. -Bergaduh dengan krew di set penggambaran disebabkan penat dan juga tekanan dari masalah-masalah yang berlaku. -Tidak berpuas hati dengan pelakon yang tidak berdisiplin.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS ROSLAN BIN SALLEH,
MENGENAI PERJALANNYA DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN**

01.29-03.03	Kenangan manis bersama rakan artis	<ul style="list-style-type: none"> -Kene tipu, lambat atau tidak memperoleh bayaran, mempunyai isu bersama pihak produksi. -Berlatih bersama memainkan watak masing-masing. -Melakukan aktiviti luar bersama-sama seperti bermain snuker, boling dan karaoke.
03.04-04.48	Drama atau filem yang dekat di hati	<ul style="list-style-type: none"> -Drama: Isteri Yang Diiktiraf. -Filem: Lelaki Harapan Dunia. -Filem luar negara (China): Simtat.
